



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KEDUA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

03 MEI 2019 (JUMAAT)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

03 MEI 2019 (JUMAAT)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 36– Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	6
Soalan No. 37 – Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang)	9
Soalan No. 39 – Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman)	11
Soalan No. 40 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy)	13
Soalan No. 41 – Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah)	17
Soalan No. 43 – Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad)	19
Soalan No. 44 – Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim)	21
Soalan No. 45 – Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd. Ishaq)	22
Soalan No. 46 – Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee)	23
Soalan No. 48 – Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)	26
PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)	28

Kandungan	Muka Surat
SESI PENGGULUNGAN USUL TERIMA KASIH KE ATAS UCAPAN PERASMIAN OLEH T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG	
Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	28
YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	36
YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	46
Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	54
USUL DARIPADA YB. TIMBALAN KETUA MENTERI I - PENUBUHAN AKAUN AMANAH KUMPULAN WANG AMANAH KHAS MPKK	69
USUL DARIPADA YB. TIMBALAN KETUA MENTERI II - PELANTIKAN AHLI LEMBAGA RAYUAN	72
Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) membuat ucapan penangguhan	74
Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) membuat ucapan balas atas ucapan penangguhan	78
PENGUMUMAN PENANGGUHAN SIDANG DEWAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	78
DEWAN DITANGGUHKAN	

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 03 MEI 2019 (JUMAAT)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
9.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
10.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
11.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
12.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
13.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
15.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
18.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
19.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
20.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
21.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
22.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
23.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
24.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
25.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
26.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
27.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
28.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
29.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
30.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
31.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
32.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
33.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
34.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
35.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
36.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Aceh
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
38.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
39.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
2.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Tuan Norazmi Bin Mohd Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

“Bacaan Doa”.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dipersilakan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Yang Berhormat Tuan Timbalan *Speaker*, soalan saya nombor 36.

No. 36. DUN Bayan Lepas kini merupakan kawasan sasaran pembangunan perumahan dan juga projek tambakan laut. Jelaskan perancangan kerajaan bagi memastikan penduduk asal dapat teruskan kehidupan di kawasan ini di kala tempat tinggal mereka diambil alih untuk pembinaan rumah moden manakala mereka pula tiada kemampuan untuk membeli kediaman. Perancangan membela golongan nelayan terlibat penambakan laut.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bayan Lepas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, kawasan Bayan Lepas hari ini memang pesat membangun dan menjadi kawasan pembangunan perumahan disebabkan oleh lokasi strategik yang berdekatan dengan Zon Industri Bebas (FIZ). Pembangunan di kawasan ini mendapat permintaan yang tinggi bagi membolehkan pekerja yang menetap di kawasan Bayan Lepas selesa untuk berulang-alik ke tempat kerja mereka. Bagi Projek *Penang South Reclamation (PSR)*, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan 30% perumahan awam di pulau-pulau tambakan tersebut dan keutamaan akan diberikan kepada penduduk tempatan dan golongan nelayan yang layak. Untuk memastikan golongan nelayan turut mendapat manfaat daripada pembangunan PSR, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa *Taskforce* Nelayan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan pelan mitigasi yang telah dirangka bagi memastikan golongan nelayan yang terkesan dengan penambakan laut juga akan mendapat manfaat melalui projek ini. Pelan-pelan mitigasi yang dirangka adalah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan peluang pekerja dalam bidang akuakultur, perikanan laut dalam, teksi air, perindustrian, keusahawanan serta dalam bidang perikanan pelancongan dan rekreasi;
- (ii) Penambahbaikan dari segi pendidikan dan kemahiran untuk rakyat tempatan, nelayan dan anak-anak mereka;
- (iii) 30% perumahan awam akan diperuntukkan dan keutamaan akan diberikan kepada para nelayan yang layak; dan

- (iv) Penambahbaikan infrastruktur tempatan seperti melaksanakan program tebatan banjir, program peningkatan mutu air sungai, membina jeti terapung, pengindahan dan pengukuhan kawasan pesisir pantai, program penambahbaikan dan pemuliharaan kampung dan menaik taraf jalan raya.

Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui projek ini agar tidak ketinggalan dengan arus pembangunan negeri.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Soalan tambahan Tuan *Speaker*. Soalan pertama saya, dalam kita untuk membela golongan nelayan yang terlibat dalam penambakan laut dah tentulah kita Kerajaan Negeri perlu melihat daripada segi aspek pembelaan mereka sebelum, semasa dan selepas projek penambakan laut itu berlaku. Jadi apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat EXCO banyak menyentuh apabila projek berkenaan telah siap. Bolehkah dimaklumkan kepada kami, apakah rancangan-rancangan pembelaan daripada Kerajaan Negeri semasa projek ini berlaku.

Maksud saya tadi kalau kita bincang pasal 30% perumahan yang akan diberikan kepada nelayan dan juga apa tu, peluang-peluang kerja dan bagaimana pula ketika projek berkenaan sedang berlaku? Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Bayan Lepas. Sebelum ini pihak konsultant SRS atau PSR telah melihat kepada kajian yang dilakukan bersama dengan nelayan-nelayan dan juga daripada proses *engagement* dan temubual yang dibuat bersama dengan para nelayan ini telah mendapatkan maklumat-maklumat yang tertentu. Antara fokus ketika semasa projek pembangunan itu dibangunkan, pastinya yang paling penting adalah keselamatan para nelayan yang ingin keluar ke pantai, ke laut, itu juga harus, itu akan menjadi perhatian kepada pihak konsultant dan juga pihak kontraktor yang akan membina itu. Keduanya adalah bagaimana ketika projek itu dijalankan, nelayan-nelayan ini juga diwujudkan peluang-peluang pekerjaan daripada semasa projek itu berjalan termasuklah kegunaan bot dan juga perkara-perkara yang lain. Dan antara isu lain yang akan dibincangkan yang sebenarnya menjadi hangat atau yang sering ditanya oleh para nelayan adalah berapa pampasan atau *ex-gratia* yang mereka akan terima. Ini yang belum lagi dibincangkan secara terperinci kerana kita tidak mempunyai guideline khusus daripada Kerajaan Pusat atau daripada LKIM.

Kalau ambil contoh di Johor contohnya, nilai pampasan yang diberikan sangat rendah berbanding apa yang pernah diberikan di Pulau Pinang sebelum ini. Jadi perkara ini harus dibincangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa *Taskforce* untuk dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan akhirnya dicapai kepada satu keputusan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Soalan tambahan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ketua Pembangkang dulu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat soalan yang dibangkitkan berkaitan dengan isu nelayan di kawasan selatan Pulau Pinang yang akan ditambah. Kawasan ini adalah merupakan kawasan yang banyak nelayan. Pelbagai kaum, ada orang Melayu, orang Cina dan sebagainya. Dan kawasan juga kawasan yang amat baik untuk pembiakan ikan dan juga hidupan laut. Kawasan teluk di belah bawah. Dan daripada apa yang dijawab, dimaklumkan, saya dapat menyimpulkan, saya tak nampak apa benda yang dibuat, perkara yang dibuat untuk memastikan nelayan ini terus dapat *survive* dengan aktiviti mereka. Dari segi pembinaan jeti, pembaikan dari segi kemudahan-kemudahan nelayan, saya tak nampak cuma diberikan ada aktiviti lain yang akan dibuat. Aktiviti teksi air

dan sebagainya yang mungkin tak akan ada dah, kurangnya aktiviti nelayan ini akan berada di situ.

Adakah ini merupakan perkara yang akan dilaksanakan ataupun ada perancangan untuk membangunkan jeti baru, membangunkan semula nelayan yang lebih, jeti yang lebih cantik untuk kemudahan nelayan di situ dan mungkin untuk *survival* nelayan ini. Yang depa ni, kebanyakan nelayan ni depa tak tau benda lain dah, depa nampak aktiviti nelayan sahaja yang boleh depa buat kerja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua. Pada mereka yang tahu tentang keadaan di kawasan ini, sekarang ini pun nelayan sebenarnya menghadapi kesukaran untuk keluar ke laut kerana mereka terpaksa tunggu pasang surut air itu baru mereka boleh sama ada keluar atau kembali.

Jadi dengan adanya pembinaan kalau dilaksanakan nanti, *Penang South Reclamation Project* ini, terusan yang akan dibina atau laluan-laluan air yang akan dibina itu secara kejuruteraannya akan berada di paras yang membolehkan kapal-kapal dan juga bot-bot nelayan ini terus lalu pada setiap waktu, pertama. Keduanya memang ada pembinaan jeti-jeti yang akan dibuat yang telah pun kita dapatkan *feedback* sendiri daripada para nelayan. Bahkan sebelum ini ada jeti-jeti yang dah dibuat pun. Ada jeti dibuat oleh LKIM, jeti yang pernah dibuat oleh beberapa agensi yang lain tetapi tidak digunapakai kerana nelayan menganggap jeti itu tidak boleh digunakan. Ada beberapa isu.

Jadi sebab itu dalam usaha kita nak membuat projek *Penang South Reclamation* ini, kita pastinya akan mengekalkan aktiviti nelayan itu kerana yang tempat yang akan dibuat *reclamation* ini bukanlah tempat di mana nelayan menangkap ikan. *Fishing ground* mereka adalah lebih jauh daripada itu, pertama. Keduanya memang betul ada tempat dianggap sebagai sebahagian daripada ekosistem untuk pembiakan ikan dan juga udang di kawasan itu. Sebab itu ada dalam perancangan PSR ini telah ditunjukkan apa dia program-program mitigasi yang ingin dilakukan termasuk untuk *create* semula, bangunkan semula kawasan-kawasan paya bakau yang tertentu supaya ini juga akan menjadi tempat dan juga sebagai *offset* kepada apa yang kita bakal hilang daripada projek *South Reclamation* ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Soalan tambahan Dato' *Speaker*. Yang Berhormat Seberang Jaya, berdasarkan nasihat daripada MPFN terdapat 805 nelayan yang terlibat dalam projek tambakan laut ini. Berdasarkan Kerajaan Negeri telah mengadakan banyak siri *engagement*, sebenarnya berapa peratuskah nelayan yang sebenarnya membantah projek ini atau nelayan memang sokong hanya meminta pihak kerajaan bagaimana untuk membantu mereka. Berapa peratus yang sebenarnya yang membantah atau mereka tidak membantah hanya memerlukan penyelesaian daripada pihak Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat Bukit Tambun, pastinya hasil daripada *engagement* ini, kita telah lakukan saya ingat hampir lebih daripada dua (2) tahun yang mana *engagement* dibuat di antara pihak konsultan dan juga dengan pihak nelayan dan banyak *input-input* yang kita terima tu pun telah kita letakkan di dalam garis panduan dan juga TOR yang kita hantar untuk EIA yang ingin kita lakukan. Dan sebahagian besar sebenarnya, hasil daripada kajian yang kita lakukan sebenarnya hampir lebih daripada 50% nelayan di situ menyokong projek ini. Lebih daripada 50% tetapi biasanya sokongan itu datang bersyarat. Jadi ada syarat-syaratnya. Antara pengalaman saya sendiri, hasil *engagement* yang saya sendiri lalui dengan para nelayan ini, majoriti soalnya adalah berkenaan dengan pampasan, berapa banyak pampasan yang akan diterima. *Not so much*, tak ramai yang tanya pasal soal boleh tangkap ikan atau tak boleh tangkap ikan. Sebab saya percaya mereka juga tahu situasi di sana,

mereka lebih pengalaman kerana mereka sendiri, *day in and day out* keluar untuk tangkap ikan ini.

Jadi sebab itu dalam Mesyuarat Jawatankuasa *Taskforce* nelayan ini, perkara-perkara ini sedang dikenalpasti. Dan antara isu lain-lain yang mereka bangkitkan adalah isu perumahan, perumahan ini saya ingat satu perkara yang penting sebab itu saya dengan LKIM bersama dengan pihak Perda sebelum ini kita telah adakan perbincangan tetapi kita masih lagi melihat kesesuaian tapak itu yang ingin dibangunkan rumah, perumahan nelayan sebab itu perbincangan masih lagi diteruskan untuk kita lihat bagaimana kita boleh adakan kompleks perumahan untuk para nelayan yang akan terlibat dengan projek PSR ini. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Yang di-Pertua, soalan saya, soalan nombor 37. Terima kasih.

No. 37. PYDC sedang dalam penstrukturan semula, apakah hala tuju PYDC seterusnya?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua. Saya jawab soalan 37 daripada ADUN Air Itam. PYDC atau lebih, PYDC telah ditubuhkan pada tahun 2012. Secara amnya PYDC ditubuhkan untuk membantu Kerajaan Negeri dalam merealisasikan visi negeri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah masyarakat yang maju dan progresif melalui pembangunan belia. Ia bertujuan untuk membantu golongan belia secara holistik, mengukuhkan personaliti, sosial dan pendidikan, dalam masa yang sama menyediakan platform kepada belia untuk menggunakan pengaruh, menyuarakan pendapat dan mengetahui kedudukannya dalam masyarakat bagi mencapai potensi penuh mereka. Dan terdapat empat (4) bidang utama, adalah fokus untuk PYDC seperti yang digulung atau ucapan saya semalam iaitu pendidikan dan pembangunan kerjaya, memperkasa dan penyertaan, bakat, seni dan kebudayaan dan juga pengurusan. Dan PYDC akan terus melaksanakan program-program pembangunan belia selaras dengan fokus dan hala tuju yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Soalan tambahan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Jermal. Soalan tambahan saya, memandangkan di Negeri Pulau Pinang kita ada juga Jabatan Belia dan Sukan yang sekarang dengan adanya PYDC juga, adakah kedua-dua unit ini, peranan yang dimainkan oleh kedua-dua unit ada pertindihan watak? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih daripada Air Itam. Memang dalam mesyuarat tahun lepas, dan mesyuarat MMK Belia dan Sukan, kita turut ada menjemput Jabatan Belia dan Sukan sebagai ahli. Memang sebelum tahun 2018 memang kita juga ada menjemput Jabatan Belia dan Sukan iaitu semasa YB. Chong Eng sebagai Pengerusi tapi memang kerana kerajaan tak sama dan mereka tidak hadir dalam mesyuarat kita. Dan selepas kita menjadi Kerajaan Persekutuan maka mereka turut hadir dan juga bekerjasama dengan kita. Peranan mereka dari segi Jabatan Belia dan Sukan, fokus mereka adalah untuk membina generasi belia dan berketrampilan dan bidang kepimpinan, keusahawanan, kemahiran dan pengurusan organisasi

dengan pemupukkan nilai-nilai murni dan gaya hidup yang berkualiti bagi memperkukuhkan integrasi nasional dan identiti bangsa Malaysia selaras dengan Wawasan 2020 dan melaksanakan program aktiviti yang berdasarkan arahan daripada Kementerian Belia dan Sukan. Dan seperti contoh mereka ada, akan adakan Program Majlis Rundingan Belia di mana di bawah Jabatan Belia dan Sukan di bawah, memang ada berpuluh persatuan belia yang di dibawah mereka dan mereka setiap tahun akan adakan satu majlis rundingan Belia dan juga akan adakan satu anugerah-anugerah belia kepada kesatuan dan juga *individual*. Maka kita bekerjasama supaya anjuran program yang dianjurkan oleh PYDC tidak akan bertindih dengan program yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Dato' Speaker. Mengenai PYDC ini dua (2) organisasi yang ditubuhkan semasa kita masih menjadi Kerajaan Negeri Pembangkang adalah satu PWDC dan satu PYDC di mana kita lihat PWDC sudah maju ke hadapan, sudah ada Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga di 40 KADUN dan kita masih lihat organisasi-organisasi belia yang dikawal selia oleh Jabatan Belia dan Sukan di peringkat Persekutuan ada unsur-unsur politiknya. Mereka menggunakan jabatan-jabatan belia bukan, saya tak cakap tentang mana-mana organisasi spesifik semua kaum dalam kaum India, kaum Cina dan juga kaum Melayu, ada mereka organisasi untuk agenda politik mereka. Dan PYDC sepatutnya *neutralize* organisasi-organisasi sebegini dan betul-betul membawa agenda untuk warga muda. *Then* soalan saya adalah adakah PYDC akan menubuhkan satu jawatankuasa seperti JPWK juga di setiap KADUN untuk memberikan peluang dan ruang kepada para pemuda untuk menceburkan diri dalam aktiviti sosio politik negeri? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada soalan daripada ADUN Bagan Dalam. Memang buat sementara waktu kita tidak ada rancangan untuk tubuhkan seperti yang ditubuhkan oleh JPWK untuk wanita di setiap KADUN tetapi kita menggunakan *our board members*...(dengan izin) Timbalan Speaker, kita menggunakan *board members* kita, direktor kita di mana kita akan menurunkan kuasa ataupun kepada direktor kita untuk merancang macam mana anjuran ke kawasan kampung dan juga setiap daerah dan juga setiap kawasan. Dan kita juga minta setiap ADUN, memang kita ada ADUN di kawasan, ada MPKK, saya rasa sudah cukup untuk kita merancang ataupun bekerjasama kerana pintu PYDC adalah secara terbuka menyediakan platform supaya setiap ADUN ada perancangan atau MPKK ataupun Persatuan NGO seperti yang di bawah Jabatan Belia dan Sukan, kalau tidak kita ketepikan politik kerana kita tak mahu belia dirangkumi dengan politik kalau mereka nak mainkan isu politik memang kita tak galakkan. Dan kita sama-sama bekerjasama supaya untuk menjayakan ataupun menganjurkan lebih banyak program kepada pemuda-pemudi kita.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih. Permatang Pasir tidak berada dalam Dewan, kita lonjak ke Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 39.

No. 39. Penambakan tanah sawah/bendang.

Penambakan tanah sawah/bendang yang semakin berleluasa mengakibatkan kedudukan ekonomi petani/pesawah padi (khususnya pengusaha yang memajak/menyewa tanah milik orang) terjejas.

- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengawal selia tanah-tanah sawah/bendang yang sedang ditambun/ditambak?
- (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kawasan sawah/bendang serta menyelamatkan ekonomi petani/pesawah tersebut?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Berangan. Saya ingat soalan ini saya telah kupas panjang semalam. Saya akan bacakan jawapan yang telah disediakan. Kerajaan Negeri komited dalam memastikan tidak ada sebarang penambakan bagi tanah-tanah sawah yang aktif. Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, Kerajaan Negeri telah mewartakan kawasan jelapang padi sebagai kawasan untuk dikekalkan dan dipelihara. Bagi menghalang penambakan tanah-tanah sawah tersebut, penguatkuasaan untuk mengawal aktiviti tersebut dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan agensi yang berkaitan.

Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menghalang penambakan tanah-tanah sawah yang aktif ialah seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan notis berhenti kerja di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;
- (ii) Mengambil tindakan mahkamah di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang memperuntukkan apabila disabitkan denda RM50,000.00 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang berterusan selepas disabitkan, denda boleh meningkat sebanyak RM500.00 setiap hari kesalahan diteruskan.
- (iii) Tindakan penguatkuasaan terhadap kerja-kerja tambun tanpa kebenaran PBT di bawah Seksyen 27 atau 28 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976; dan
- (iv) Memindahkan peralatan, mesin, jentera, kenderaan dan lain-lain bagi memastikan kerja tanah diberhentikan.

Dalam usaha untuk mengekalkan kawasan sawah dan menyelamatkan ekonomi petani atau pesawah, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri telah dan sedang melaksanakan beberapa program di bawah peruntukan Pembangunan Industri Tanaman Padi bagi membantu para pesawah untuk meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi daripada 5.8 metrik tan kepada 7.0 metrik tan per hektar. Antara program yang sedang dilaksanakan ialah Program Sawah Gemilang melibatkan 50 hektar kawasan padi yang dikenal pasti di empat daerah iaitu Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan dan Daerah Barat Daya. Melalui program ini kawasan sawah padi yang terlibat akan diberi insentif pakej teknologi pertanian dalam bentuk program pemulihan tanah dan input pertanian lain bagi meningkatkan kualiti dan hasil pengeluaran padi. Melalui program seumpama ini, Kerajaan Negeri berharap ini akan memberikan galakan kepada para

petani atau pesawah untuk terus mengusahakan tanaman padi dan seterusnya mengekalkan kawasan sawah di negeri ini. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri juga tidak akan menyokong sebarang permohonan perlingkungan semula ataupun permohonan ubah syarat tanah daripada kawasan pertanian (jelapang padi) kepada kawasan pembangunan lain. Isu penambakan tanah bendang ini telah mendapat perhatian Public Accounts Committee (PAC) yang telah berbincang dan mengemukakan 4 syor. Rumusan cadangan serta dapatan PAC telah dibentang kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam sidang kali ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Soalan tambahan. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Seberang Jaya. Saya cuma ingin bertanya ataupun memberikan pandanganlah, mengambil serius isu yang berlaku, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meminda warta Tali Air ataupun mana-mana peruntukan perundangan supaya tindakan yang lebih tegas dapat diambil oleh kesemua agensi berkaitan. Contohnya JPS, Jabatan Pertanian, PTD dan juga MPSP. Jadi penyelarasan untuk tindakan itu diambil kira mengikut peruntukan perundangan setiap agensi. Mohon penjelasan, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Berangan. Saya rasa isu besarnya walaupun kita bersetuju ada beberapa akta itu boleh ditambah baik tetapi yang lebih penting sekarang ini ialah bagaimana kita melaksanakan akta yang sedia ada. Sedia ada pun masih lagi banyak kelonggaran berlaku. Sebab itu antara isu-isunya yang harus kita fikirkan, sebagai contoh, banyak isu-isu yang melibatkan pejabat tanah juga seperti memecahkan lot-lot ini kepada lot lidi. Yang ini kalau dihentikan di peringkat pejabat daerah dan pejabat tanah maka tidak ada sebab untuk perkara itu berlaku lagi.

Pertama, kerana yang menjadi mangsa bukan hanya mereka yang menjual tanah ini tetapi yang menjadi mangsa juga adalah mereka yang membeli tanah ini kerana bila mereka membeli, mereka juga menjadi mangsa apabila semua prosedur ini tidak diikuti. Dan sebahagian besar yang membeli tanah-tanah ini bukannya orang yang berada, sebahagian besar adalah mereka yang berpendapatan *middle income* dan sebahagian besar juga adalah kakitangan kerajaan. Sebab itu saya ingat ini perkara yang kita harus lihat, sebab itu dari segi praktisnya, yang harus menjadi penekanan yang semalam saya sebutkan dalam ucapan penggulungan, hari ini saya ulangi dan pada saya yang lebih penting juga adalah bagaimana amalan kita di bawah itu dapat menghentikan kononnya kalau tanah *first grade* boleh buat apa saja, tak betul tu. Ada pemikiran yang begitu, tanah *first grade* apa saja boleh buat, tak, tak betu. Ada undang-undang, peraturan melalui Akta Perancang, melalui Akta Jalan dan Parit ini semua ada dalam itu yang memerlukan prosedur dan proses sebelum sebarang pembangunan dapat dijalankan di atas tanah-tanah ini. kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Soalan Tambahan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Terima kasih Seberang Jaya dan juga Timbalan Yang di-Pertua, cuma saya nak satu penjelasan ataupun pengakuan daripada pihak EXCO, pihak Seberang Jaya. PAC telah buat rumusan dan syor, boleh atau tidak syor dan rumusan ini diangkat oleh pihak YB. EXCO untuk kita ambil tindakan daripada empat-empat rumusan, contohnya macam kita buat AJK,

jawatankuasa bersepadu, hukuman lebih tinggi kepada yang terlibat. Semalam disebut kita nak korek balik, so saya nak beri cadangan di Sungai Dua kita korek di Sungai Lokan pasal Sungai Lokan itu teruk sangat dah.

Jadi ada, boleh atau tidak kita jadikan empat (4) syor ini daripada PAC sebagai satu kaedah untuk kita laksanakan secara bersepadu dari segi kerja-kerja menghalang penambakan tanah sebab kadang-kadang di peringkat bawah, tugas ini ditunjuk kepada orang lain. JPS tak mau ambil tindakan, ditunjuk kepada Pejabat Daerah, Pejabat Daerah kepada Pejabat MPSP dan sebagainya, jadi tak selesai masalah. Orang yang tambun terus masuk sehingga selesai pada hari cuti dan sebagainya. Ini perlu satu penjelasan daripada pihak.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua. Rasanya daripada syor PAC itu yang pertama yang saya boleh beri komitmen adalah tentang penubuhan jawatankuasa itu. Walaupun sebelum ini telah ada perbincangan-perbincangan itu, saya yakin dengan syor yang dikemukakan oleh PAC ini, komitmen yang ingin saya berikan ialah jawatankuasa yang akan kita tubuhkan pastinya akan *by-partisan*, saya akan menjemput Yang Berhormat juga untuk bersama dan juga mereka Ahli-ahli Dewan yang pastinya kawasan mereka mempunyai kawasan padi yang banyak, boleh berada bersama dalam jawatankuasa itu. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dipersilakan Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Terima kasih Timbalan Speaker, soalan saya soalan nombor 40.

No. 40. Beberapa kajian yang dijalankan pada awal tahun ini menyimpulkan bahawa amalan perkauman sangat ketara dalam pengambilan pekerjaan bidang swasta dan penyewaan rumah kediaman.

- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh mengawal dan menghentikan amalan perkauman dalam pengambilan pekerjaan swasta?
- (b) Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam isu amalan perkauman dalam penyewaan rumah?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, soalan 40 daripada Yang Berhormat Bagan Dalam berbunyi beberapa kajian yang dijalankan pada awal tahun ini menyimpulkan bahawa amalan perkauman sangat ketara dalam pengambilan pekerjaan asing swasta, pekerjaan bidang swasta dan penyewaan rumah kediaman.

Soalannya (a), bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh mengawal dan menghentikan amalan perkauman dalam pengambilan pekerja swasta dan (b) apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam isu amalan perkauman dalam penyewaan rumah.

Dasar atau akta berkaitan pengambilan pekerja bagi sektor swasta bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, usaha mempromosikan perpaduan sentiasa dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Melalui program ini Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebagaiurus setia pengantara melaksanakan Integrasi Pelajar untuk Latihan Industri kepada syarikat melalui silang budaya

seperti syarikat milik bumiputera akan menerima pelajar latihan industri dari kalangan bukan bumiputera dan begitu juga sebaliknya.

Melalui pendekatan ini, ianya dapat menggalakkan sektor swasta mengutamakan kepelbagaian kaum dalam pengambilan pekerja. Program PLIP ini telah berjaya menempatkan seramai 1,480 pelajar tahun 2017 dan seramai 1,495 pelajar pada tahun 2018.

Dan bagi soalan kedua, kerajaan tidak berpendapat perlu *intervene* ataupun menangani masalah amalan perkauman dalam penyewaan rumah. Walau bagaimanapun untuk program perumahan rakyat dan rumah sewa Kerajaan Negeri adalah berdasarkan prinsip keadilan pendaftaran mengikut daerah dan projek dipohon. Mengambil kira tempoh sewaan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri hanya sehingga tiga tahun. Sekiranya ia digilirkan secara rutin semua pemohon sekurang-kurangnya akan dapat menikmati kemudahan penyewaan ini. Bagaimanapun, penyambungan sewaan dibuat selagi mana mereka masih layak dan ingin menyambung penyewaan. Berdasarkan rekod masih terdapat sebanyak 1,371 pemohon dengan pecahan 673 Melayu, 305 India dan 393 kaum Cina. Tiada peruntukan kuota kaum bagi penyewaan rumah projek perumahan rakyat, dan rumah sewa Kerajaan Negeri seperti mana penyediaan rumah mampu milik. Sekian.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Soalan tambahan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Dato' TKM I, menjawab soalan tadi. Saya rasa perpaduan bukan satu isu dalam yang dibincangkan bagi sayalah. Tetapi diskriminasi, kita mencanang-canangkan tentang masyarakat Malaysia secara umum kita bercakap tentang Israel yang menindas masyarakat Palestin, tetapi dalam negara kita sendiri dikalangan rakyat Malaysia kita sendiri, kita sedang diskriminasi kaum lain.

Itu tidak boleh diterima, dan saya berpendapat dan soalan saya adalah adakah *equal opportunity commission* yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan diperingkat Persekutuan, akan menyingkirkan masalah amalan perkauman dalam pengambilan pekerja swasta ini. Dan soalan keduanya, adalah tentang amalan perkauman dalam penyewaan rumah kediaman. Saya memang itu hak seorang pemilik rumah itu, untuk menyewa kepada sesiapa yang dia mahu. Tetapi dia tidak boleh nyatakan kaumnya, dan tidak boleh diskriminasi berasaskan kaum.

Seperti di United States, ada *Residential Tenancy Act* di mana mereka tidak boleh pilih kaum siapa yang mereka mau menyewa unit mereka itu. Adakah satu undang-undang khusus untuk menyingkirkan amalan perkauman ini, dalam penyewaan rumah kediaman harus diperkenalkan di peringkat Persekutuan supaya masalah *residential racism, tenancy racism* yang baru-baru ini kajian menyatakan 21% rakyat Malaysia, 18% masyarakat Cina, 24% masyarakat Melayu dan 46% masyarakat India, yang menyertai dalam kajian ini telah mengakui mereka menghadapi masalah *tenancy racism* ini. Pandangan daripada Kerajaan Negeri?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Apa nama pihak Kerajaan Negeri, tidak mempunyai kajian tentang perkara-perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bagan Dalam tersebut. Walau bagaimanapun, kita cuba akan bincangkan di dalam apa nama mesyuarat-mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri nanti, dan mungkin kalau perlu kita akan boleh merujuk kepada Ahli-ahli Parlimen kitalah untuk dibawa ke peringkat persekutuan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan satu lagi. Menyentuh tentang amalan perkauman dalam pengambilan pekerja di peringkat swasta. Tadi Pinang Tunggal ada sebut di mana Kerajaan Negeri tidak ada kuasa ataupun tidak ada, tidak ada kaedah untuk menyekat amalan perkauman. Apa yang saya lihat, terdapat juga iklan-iklan daripada syarikat swasta, kilang dan sebagainya yang menyebut dalam iklan tu, mesti boleh berbahasa Mandarin ataupun boleh berbahasa Mandarin menjadi keutamaan kepada yang boleh berbahasa Mandarin dan sebagainya. Tak semua boleh.

Jadi, kadang-kadang ini menimbulkan satu masalah kepada dari segi amalan perkauman, saya nampaklah. Kalau berlaku, saya nampak boleh mungkin Kerajaan Negeri mengambil satu tindakan, untuk memberikan nasihat ka ataupun buat satu kaedah untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku, kerana dia mungkin menjurus kepada satu kaum ataupun mungkin kaum orang Melayu pun ada yang boleh berbahasa Mandarin, tapi tak ramailah yang boleh.

Jadi saya mohon penjelasan ataupun tindakan lah sikit. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Dalam hal ni, kemungkinan, kemungkinan apa syarat-syarat yang disebutkan ataupun yang dinyatakan didalam iklan itu merujuk kepada skill-skill ataupun kebolehan untuk menjalankan sesuatu tugas, kan. Jadi samalah juga dengan kebolehan-kebolehan yang lain kan seperti kebolehan mengendalikan sesuatu mesin ka apa ka kan. Jadi kalau untuk tujuan tu, kita tidak menganggap bahawa itu satu diskriminasi, tetapi adalah keperluan untuk menjalankan sesuatu tugas. Tapi kalau kan, sengaja dibuat dan untuk tujuan yang tertentu itu kita memanglah tidak menggalakkannya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Baik, terima kasih. Dipersilakan Penaga.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

We want to clarified a little bit.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya, isu ini diskriminasi sama ada di sektor awam dan juga sektor swasta juga termasuk apa ini penyewaan rumah. Inilah isu-isu ini perlu ditangani. Ini tidak ditangani zaman Barisan Nasional, sebab Barisan Nasional sendiri apa ini mengendorsekan diskriminasi di sektor awam. Tetapi sekarang, terpulang kepada Pakatan Harapan. Ini memang masuk dalam janji manifesto. Jadi isu ini, apa ini pemilihan siapa sewa ataupun peluang pekerjaan di sektor swasta. Ya, isu ini sebagai Mandarin. Tapi sama ada mereka gunakan itu sebagai silap ataupun diskriminasi, kita tidak tau. Kita tidak tau.

So, jadi saya minta bahawa Kerajaan Pusat mengambil perkara ini serius. Ada juga satu banciaan terhadap sektor swasta, mengenai bahawa ini orang Melayu dan India di diskriminasikan di sektor swasta. Tapi kita perlulah apa ini, ini saya rasa ini bukan dibidang kuasa. Kita boleh lakukan Kerajaan Negeri, tetapi ini bukan bidang kuasa. Cuma satu saja syarat yang telah dimasuk dalam apa itu semasa Barisan Nasional, 30% Bumiputera dalam sektor swasta. Tetapi ini, sekarang ini masalah kita ini pun saya tidak boleh pakai sebab kita hadapi masalah dapat pengambilan apa ini pekerja Malaysia.

PDC, PDC memang ikut syarat itupun saya rasa tidak boleh pakai. Kadang-kadang sebab kita tidak ada pekerja Malaysia. Jadi perkara-perkara ini perlu ditimbang semula, dan saya juga minta apa ini Kementerian, Kementerian apa ini Sumber Manusia, apa ini Kabinet memikirkan tentang perkara-perkara ini, saya rasa memang memang Kerajaan Negeri bolehlah bagi input. Tapi isu-isu ini, saya rasa zaman Malaysia Baharu ini, saya rasa perlu ditangani bukan di *swept under the carpet*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dato' Speaker, saya ingat isu-isu yang sedang dibangkitkan ini adalah amat serius. Bagan Dalam telah sebut tentang isu diskriminasi juga di dalam sektor perumahan dalam segi penyewaan perumahan yang dimiliki *that is private properties*, di mana dilihat mereka mendiskriminasi. Sama ada itu betul atau tidak, saya tidak ada maklumat.

Tetapi Bagan Dalam ada beri tadi banyak angka-angka dan statistik dan saya seorang angka dalam statistik sepertimana semua dengar semalam. Tapi kalau itu betul, itu saya ingat perlu kita boleh lihat. Sama ada kita boleh lihat bagaimana hendak tangganinya. Untuk makluman semua, saya bagi satu contoh dari Pulau Pinang mungkin boleh diteladani. Dari Pulau Pinang untuk rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, kita ada...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat, saya agak kalau pandangan itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No, I think is very important...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kita boleh bincang sat lagi pasai.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

They are talking about discrimination.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Pasai kita selalunya membenarkan hanya 2 soalan. Tapi, disini dah masuk ke soalan yang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No, I think very important.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan ke 4.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Let me give some fact. Very important.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Okey, terima. Saya beri 1 minit lagi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Because...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Tadi ada pertanyaan daripada profesor juga. Saya beri laluan kepada *profesor, infact profesor also doesn't have the floor. But I think is very important issue, and I'm very happy that he goes floor to answer and he said* kalau boleh Persekutuan mesti dengar kepada negeri lain. Saya bagi contoh dari Pulau Pinang. Dari Pulau Pinang kita ada cara pengagihan, kaedah pengagihan perumahan kos rendah, kos sederhana rendah.

Dengar semua. Dimana untuk kos rendah, apabila kita buat pemilihan 55% adalah kepada kaum Bumiputera, 30% kepada kaum Cina dan lain-lain, 15% kepada India. Untuk

kos sederhana rendah 30% kepada kaum Bumiputera, 55% kepada kaum Cina dan lain-lain dan India 15%. Saya ingat itu boleh jadi satu kaedah, Kerajaan Persekutuan boleh lihat sama ada mana-mana perundangan boleh dipinda, agar kita lihat satu pengagihan, kaedah pengagihan yang saksama antara semua kaum.

Untuk makluman Dato' Speaker, *one more very important thing*. Saya dimaklumkan, apabila saya pergi ke Singapura saya lawat Housing Development Board HDB Singapura, saya dimaklumkan seperti kita tak buat di Housing Development Board Singapura. Mereka pun amalkan kaedah ini, supaya kita ada satu perkauman yang seimbang di dalam perumahan kita. *In Singapore that happens. When they ask me, I said this has been practice in Penang for a long time. So, I think Penang can be an example for the rest of the states in Malaysia, for what Bagan Dalam says I do it seriously* Dato' Speaker. *Thank you very much.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dipersilakan Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan nombor 41.

No. 41. Minta pihak kerajaan nyatakan apakah status terkini dan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan setakat ini untuk projek pembinaan terowong dasar laut.

- (a) Apakah benar pihak SPRM sedang menyiasat projek ini?
- (b) Jika sabit kesalahan, adakah projek ini akan tetapi diteruskan?

Y.A.B Ketua Menteri:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Penaga, berhubung dengan projek terowong dasar laut dibawah dasar laut. Status terkini Projek Terowong di peringkat akhir kajian kebolehlaksanaan. Laporan kajian tersebut telah dikemukakan oleh pihak Consortium Zenith Construction kepada perunding teknikal yang dilantik oleh Kerajaan Negeri iaitu HSSI Sdn. Bhd. untuk semakan dan pengesahan kajian berkenaan.

Ulasan ke atas draf laporan tersebut, telah dihantar balik kepada pihak Consortium Zenith pada bulan April baru-baru ini, untuk pindaan sebelum dimuktamadkan dan dipersetujui oleh pihak Kerajaan Negeri. Sehingga kini, pihak Kerajaan Negeri tidak melakukan sebarang bayaran kepada pihak Consortium Zenith, bagi Laporan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut. Pembayaran hanya akan dilaksanakan, setelah Laporan Kajian Kebolehlaksanaan ini disahkan oleh pihak perunding teknikal dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) telah melakukan siasatan terhadap projek ini pada suku pertama tahun 2018, dan Kerajaan Negeri telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada SPRM. Setakat ini tidak ada apa-apa pendakwaan kepada mana-mana pihak dan sekiranya mana-mana pihak didapati bersalah atau berlakunya salah laku berkaitan projek ini. Pelaksanaan Projek Terowong Dasar Laut selanjutnya akan diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Setakat ini tak da apa-apa halangan untuk menunjukkan projek ini tidak harus diteruskan, dan kita percaya siasatan adalah berhubung dengan proses penawaran tender.

Tender itu sebenarnya ditawarkan pada tahun 2013. Tetapi, apa yang berlaku pada 2018 adalah berdasarkan kepada aduan-aduan mungkin musim pilihan raya. Saya pun didakwa atau dituduh bahawa saya, mengapa saya boleh buat kenyataan, bahawa syarikat ini tidak bersangkut paut dengan apa-apa salah laku. Apa yang saya sebutkan, adalah oleh kerana berbagai tohmahan dan dakwaan kepada pihak Kerajaan Negeri. Berhubung dengan projek ini, saya tidak ada pilihan lain dari dapat surat yang dikeluarkan oleh SPRM kepada syarikat ini yang menyatakan siasatan sudah selesai dan tiada pertuduhan dibuat setakat

tarikh surat berkenaan. Jadi tanggungjawab saya adalah untuk menjawab kepada tohmahan dan kritikan itu bahawa sebenarnya SPRM telah keluarkan surat berkenaan. Saya mengatakan SPRM telah keluarkan kepada syarikat berkenaan bahawa tak ada pertuduhan. Siapa saya untuk cakap saya boleh bebas syarikat itu daripada pertuduhan. Tidak. Saya cuma kata SPRM keluarkan surat bahawa tak ada pertuduhan terhadap pengerusi ataupun syarikat berkenaan setelah siasatan diselesaikan. Itu saja.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tambahan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Soalan tambahan. Timbalan Yang di-Pertua. Terima Kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah memberi penjelasan saya kira difahami oleh saya dengan sebaik mungkin. Cuma soalan tambahan berkaitan dengan soalan yang saya bangkitkan. Adakah pameran umum yang menunjukkan penjajaran tiga (3) lebuh raya jenis ini akan diadakan untuk penduduk-penduduk yang terjejas apabila projek ini nak dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Untuk makluman Yang Berhormat. Sebenarnya projek tiga (3) lebuh raya utama telah pun perolehi kelulusan kajian impak alam sekitar. Yang melibatkan *public display* selama satu (1) bulan di tempat-tempat sepanjang jajaran dan di tempat-tempat awam misalnya di KOMTAR, di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan tempat-tempat umum. Maka proses ini pun sudah berlalu dan Jabatan Alam Sekitar setelah meneliti kajian ini maka memberi kelulusan dengan syarat-syarat untuk dipatuhi sebelum kerja boleh dimulakan. Tetapi bagi kajian untuk terowong belum sampai ke peringkat ini sebab Kerajaan Negeri masih belum memuktamadkan dan menerima kajian yang dimuktamadkan oleh *consortium* itu. Kalau kita buat keputusan terima maka mereka baru mula kajian impak alam sekitar dan semestinya juga akan melibatkan proses penyertaan awam.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan sedikit sahaja. Saya tak berapa jelas tentang apa Padang Kota bangkitkan, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tentang surat daripada SPRM. Yang menyatakan kes ini dah tak dak dah di tutup ataupun dah dihentikan. Cuma yang saya nak minta penjelasan, baru ini ada kes yang berkaitan dengan ada satu seorang penama India, apa nama, Ganaraj. Adakah kes ini berkaitan dengan kes isu terowong. Minta penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ada pihak yang suka-suka mengkaitkan walaupun tiada kaitan. Itu masalah dia. Apa yang saya sebut dalam jawapan di mana SPRM telah pun buat siasatan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan Negeri adalah berhubung dengan proses penawaran tender yang berlaku pada tahun 2013. Lima (5) tahun dahulu tetapi sepanjang lima (5) tahun ini syarikat melakukan *feasibility study*, *technical design*, dan sebagainya sampai peroleh *EIA Approval* dan pun tak ada meteraikan perjanjian muktamad dengan Kerajaan Negeri. Oleh itu kerja masih belum boleh dimulakan tetapi dijangka mula pada 1 September nanti setelah perjanjian itu *finalize*. Kes yang dilaporkan latar belakang ini. Siasatan 2018 suku pertama kerana dekat pilihan raya ada pihak yang tuduh. Ada penyelewengan dalam proses tawaran. Maka SPRM buat siasatan berdasarkan laporan-laporan berkenaan. Maka saya percaya ada pihak yang mungkin dituduh itu ambil kesempatan dalam kesempitan pengerusi syarikat sebab syarikat itu pun disoal siasat. Jadi mungkin diperdayakan bahawa pihak yang dituduh itu boleh "kawtim" dengan pihak-pihak berkenaan supaya tak ada siasatan lah. Itu sebenarnya tidak langsung berkaitan dengan proses tawaran tender. Orang itu pun dituduh untuk banyak lagi tuduhan dan kesalahan tetapi ini semua tidak lansung ada kaitan dengan projek ini. Kebetulan pengerusi berkenaan tertekan untuk percaya bahawa dia boleh menawarkan sesuatu perkhidmatan istimewa. Tetapi akhirnya orang itu dituduh di bawah kesalahan menipu dan oleh kerana sudah jadi kes mahkamah jadi bicara kita sampai sini sajalah.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Pulau Betong tidak berada, hadir di Dewan. So kita lonjak ke Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Terima kasih Tuan Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 43.

No. 43. Peranan dan sumbangan kaum wanita di dalam ekonomi sangat penting.

- (a). Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi membantu golongan wanita untuk terus memainkan peranan mereka dalam ekonomi?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat, Teluk Air Tawar. Yang sentiasa peka tentang agenda wanita ya. Dan kali ini soalan ialah yang tanya ialah apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi membantu golongan wanita untuk terus memainkan peranan mereka dalam ekonomi. Jadi di antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu golongan wanita dalam bidang ekonomi termasuklah dengan melaksanakan program-program berikut:

- (i) Transformasi Ekonomi Komuniti. Ekonomi Kraf Komuniti ini merupakan sebuah program yang dijalankan untuk memperkasakan ekonomi komuniti terutamanya golongan wanita di kawasan sasaran. Program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kemahiran kraftangan kepada komuniti dan membantu menjana pendapatan para peserta. Setakat ini program ini di adakan di Program Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan dan PPR Ampangan. Antara hasil atau *outcome* yang diperolehi oleh para peserta. Kedua-dua PPR tersebut adalah mereka dapat kemahiran membuat bakul dan beg *upcycle* pelbagai saiz. Kedua-dua komuniti ini telah menerima tempahan untuk hasil kraf tangan mereka dan peserta dari PPR Desa Wawasan telah pun menjual sebanyak 1,500 buah bakul dan beg pelbagai saiz dengan dibantu Ia. Ini dibantu oleh PWDC dan juga MPSP.
- (ii) Persidangan Wanita dalam ekonomi pada 24 – 25 September 2018. Persidangan wanita dalam ekonomi telah disertai oleh 600 orang peserta di mana para peserta berpeluang menimba pengetahuan bagaimana hendak memulakan perniagaan dan bagaimana perniagaan mereka dapat dikembangkan. Sesi perkongsian tentang amalan terbaik mengurus perniagaan membawa manfaat untuk peserta-peserta. Usahawan-usahawan wanita dan lelaki juga berkongsi cabaran-cabaran yang dihadapi dalam perniagaan mereka masing-masing dan cara mereka menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Persidangan ini juga merupakan satu platform untuk para peserta berbincang dan membina jalinan perniagaan.
- (iii) Yang ketiga, Digital Ekonomi melalui Bengkel Pemasaran Digital Siri 1 dan 2. Bengkel Pemasaran Digital ini dijalankan dengan bertujuan untuk memperkenalkan pelbagai *platform* digital yang boleh diguna pakai oleh peserta untuk pemasaran produk dan perkhidmatan. Peserta mencipta akaun perniagaan dalam platform Facebook dan Whatsapp untuk terus memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.
- (iv) Yang keempat, *Bizbuddy Tea Talk* untuk usahawan. *BizBuddy Tea Talk* bertujuan memperkenalkan kemudahan yang disediakan oleh Syarikat Sunshine kepada usahawan yang berminat memasarkan produk mereka di Pasaraya Sunshine. Pada masa yang sama usahawan memperkenalkan produk masing-masing serta membina jaringan perniagaan dengan usahawan-usahawan yang hadir dalam program tersebut.
- (v) Yang kelima, e-Dagang. Objektif program e-dagang adalah untuk memperkenalkan peluang ekonomi digital kepada golongan wanita dan lelaki yang berada dalam

kategori B40. Melalui bengkel ini, usahawan baharu dapat memasarkan produk mereka menerusi e-dagang.

- (vi) Dan juga, enam ialah eRezeki. Program ini bertujuan untuk memperkasakan ekonomi peserta melalui platform eRezeki. Ia membolehkan peserta menjana pendapatan menerusi pelbagai projek yang disediakan dalam eRezeki, satu inisiatif Malaysia Digital Economy Corporation ataupun (MDEC). Selain itu Kerajaan Negeri juga turut menyediakan pinjaman melalui skim mikro kredit atau dikenali Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang disalurkan tanpa cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000.00 sehingga maksimum RM25,000.00 dengan tempoh bayaran balik antara dua (2) hingga tiga (3) tahun. Sejak SPH ditubuhkan ini pada tahun 2009 sehingga Mac 2019, seramai 3,235 usahawan telah menerima pinjaman daripada SPH dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan sebanyak RM16.7 juta. Daripada jumlah tersebut seramai 1,827 orang adalah penerima wanita yang melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM9,309,944.00.

Semua inisiatif tersebut adalah untuk memperkasakan golongan wanita supaya dapat berkecimpung dalam bidang ekonomi dengan lebih berkesan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan. Soalan tambahan. Terima Kasih, Padang Lalang. Jadi saya melihat bahawa dibawah Kerajaan Negeri yang sekarang telah melihat bahawa peranan wanita amat penting dalam Pembangunan, Keluarga dan Masyarakat termasuklah Pembangunan Ekonomi. Apa yang saya minta pandangan pada Padang Lalang, kita merancang bermacam-macam kursus bengkel dan sebagainya. Cuma kita tidak ada satu perancangan untuk mewujudkan kumpulan usahawan pemasar di kalangan wanita. Sebab wanita ni dia banyak buat industri kampung, industri makanan dan sebagainya. Yang memerlukan satu kelompok lain untuk memasarkan produk dia. Yang ada pasaran sekarang pun semua di kalangan tempatan rumah kenduri dan sebagainya. Cuma satu saya lihat apa rujukan bersama dengan Sunshine ini amat baik. Cuma Sunshine mungkin tak banyak tempat yang ada. Kalau boleh kita wujudkan usahawan pemasar untuk dia pasarkan melalui data base yang ada kita ada produk-produk di kampung di setiap ADUN, setiap kawasan setiap KADUN kumpulkan dan pasarkan ke pasaran yang lebih luar, lebih luas lagi dengan konsep pembungkusan mungkin yang lebih baik yang juga perlu dititikberatkan pembungkusan dan sebagainya. Dengan ini ekonomi wanita akan bertambah baik bila ada peluang-peluang pasaran yang lebih luas di kalangan produk-produk wanita itu sendiri. Saya minta pandangan daripada Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Dua yang memang selalunya ada idea ya untuk bisnes untuk wanita. Saya lihat bahawa ini merupakan satu bidang yang sangat berpotensi kerana ini merupakan satu golongan yang belum dikembangkan dengan sepenuhnya. Dan memang *trend* di dunia sekarang pun kita nak memajukan kraftangan tempatan yang supaya dia ada kualiti antarabangsa. Umpamanya bakul Penan, dia sekarang sudah boleh dipasarkan di pasaran *international*. Di Thailand pun kraftangan dia orang asal boleh dipasarkan di *airport* mereka. Saya rasa ini merupakan satu bidang yang kita boleh, kita boleh menceburi. Tapi kita mesti ada, kita ada, mesti ada dana untuk *start*, untuk memulakan dan kita mesti ada artis. Artis yang *international* ataupun dia tahu macam mana nak buat produk yang, yang berkualiti. Jadi ini merupakan satu cadangan saya rasa Kerajaan Negeri akan *explore* supaya ramai wanita yang di rumah, yang bekerja di rumah dapat mengambil bahagian dalam projek ini. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dipersilakan Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 44.

- No. 44. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi imbuhan kepada pengusaha bas sekolah di Pulau Pinang sama ada dalam bentuk bantuan tunai atau peruntukan untuk menukar tayar agar kos operasi mereka dapat dikurangkan supaya tambang bas juga dapat dikurangkan bagi meringankan beban ibu bapa pelajar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Berhubung dengan bas sekolah, sukacita dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan insentif pemberian bantuan kepada semua pengusaha bas sekolah di negeri Pulau Pinang sejak tahun 2016 bertujuan untuk mengurangkan bebanan kos operasi dan meringankan urusan seharian pengusaha bas. Bantuan wang tunai sebanyak RM600.00 dibayar kepada semua pengusaha bas yang berdaftar dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat atau APAD, dengan dua (2) kali bayaran iaitu RM300.00 setiap kali bayaran. Bagi tahun 2019, pembayaran insentif fasa pertama telah dilaksanakan pada 26 dan 27 Januari manakala bayaran kali kedua dijadualkan pada 25 dan 26 Mei nanti. Setakat ini, insentif pemberian bantuan kepada pengusaha bas sekolah ini melibatkan peruntukan sebanyak RM1.214 juta sejak tahun 2016 sehingga bulan Januari ini. Walau bagaimanapun, penetapan tambang bas adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Soalan tambahan. Apakah ada satu kajian keberkesanan perkhidmatan bas percuma yang telah dilaksana oleh Kerajaan Negeri di kawasan-kawasan yang dimonopoli oleh warga asing dan juga tidak mendapat sambutan oleh penduduk di kawasan laluan bas tersebut. Dan sekiranya ada, adakah Kerajaan Negeri untuk berhasrat untuk penjimatan kepada kewangan Kerajaan Negeri untuk membatalkan laluan-laluan tersebut dan kewangan tersebut diberikan insentif tambahan kepada pengusaha-pengusaha bas sekolah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Aceh atas keprihatinan sama ada wang yang dibelanjakan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Program Bas Percuma, CAT berkesan atau tidak? Boleh dikatakan setelah setahun dilaksanakan program ini, prestasinya adalah bercampur-campur sebab di laluan-laluan tertentu memang menyaksikan *rider ship* yang memuaskan khususnya laluan Air Itam dan Paya Terubong. Tetapi bagi laluan-laluan yang lain seperti di Bertam misalnya, di Alma, mungkin di Nibong Tebal, *rider ship* yang dapat dicatatkan adalah kurang memuaskan dan boleh ditambahbaik sekiranya berlakunya kajian semula laluan-laluan bas berkenaan. Contoh yang baik adalah laluan Batu Kawan dengan ikhtiar Ahli Dewan Bukit Tambun, beliau dengan pasukan Kerajaan Tempatan telah mengkaji dan mencadangkan alternatif-alternatif sampai bukan sahaja memberi khidmat kepada Bukit Tambun tetapi sampai ke Sungai Bakap juga sebab Timbalan Speaker datang dari sana. So tak ada pilihan lah. Kena sampai ke Sungai Bakap.

Itulah kita terbuka untuk cadangan-cadangan ini dan kajian semula. Sekiranya benar-benar laluan-laluan berkenaan tidak dapat memanfaatkan penduduk-penduduk tempatan, makalah kita terbuka untuk kaji semula atau menukar kepada tempat-tempat yang memerlukan perkhidmatan sedemikian. Pada peringkat ini, pendirian pihak Kerajaan Negeri adalah kita tidak diskriminasi pekerja-pekerja asing kerana ini kemudahan yang percuma boleh digunakan oleh sesiapa saja dan kita tidak melakukan sekatan terhadap warga asing setakat ini. Kita pun menunggu pelaksanaan Program MY50 oleh pihak Kerajaan Persekutuan di mana dengan kad RM50 itu, maka seorang pemegang kad dapatlah menggunakan pengangkutan awam, bas, kalau ada *rail*, kalau ada feri, mungkin di Pulau Pinang setakat bas dan feri sahaja boleh menggunakan tanpa batasan. Dan kalau ini dilaksanakan maka tertakluk

kepada penggunaan kad. Jadi pada masa itu warga asing yang tidak ada kad itu ataupun perlu membeli kad itu dengan RM50 juga boleh menggunakan perkhidmatan berkenaan dengan buat bayaran seperti warga tempatan. Itu cadangan yang belum dimuktamadkan lagi dan kita sedang menunggulah pelaksanaan program ini di negeri Pulau Pinang.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):

Dengan izin Yang di-Pertua Speaker. Soalan saya soalan nombor 45.

No. 45. Apakah perancangan EXCO Pelancongan untuk memastikan kawasan DUN Bertam dimasukkan dalam senarai pelancongan negeri? Ini memandangkan ada produk produk yang boleh diketengahkan seperti Hub Makanan di Kiosk Bertam, Taman Herba Kepala Batas, dan menaikkan taraf bandar warisan Kepala Batas.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan juga rakan baik saya Yang Berhormat Bertam.

Kawasan Bertam memang dilihat sebagai tempat yang mempunyai potensi untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang dan seterusnya menyumbang kepada sektor pelancongan negeri. Perancangan EXCO Pelancongan untuk memastikan kawasan DUN Bertam dimasukkan dalam senarai pelancongan negeri adalah seperti berikut:-

- (a) Mempromosikan tarikan-tarikan pelancong di DUN Bertam secara berterusan. Antara tempat tarikan pelancong yang dipromosikan dalam risalah pelancongan Pulau Pinang adalah seperti Masjid Abdullah Fahim dan Capal Jago di Kepala Batas;
- (b) Mengkaji potensi Kiosk Bertam untuk dijadikan sebagai hab makanan. Pada masa ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sedang mempromosikan Sungai Dua sebagai Lembah Makanan untuk kawasan Seberang Perai;
- (c) Bekerjasama dengan Jabatan Pertanian untuk mempromosikan Taman Herba Bertam yang baru dibuka pada awal tahun 2019; dan
- (d) Mengkaji potensi bandar Kepala Batas untuk dijadikan sebagai sebuah Bandar Warisan. Sehubungan dengan cadangan ini, MPSP telah mengenal pasti 81 buah bangunan sebagai bangunan warisan dan usaha bagi mewartakan bangunan-bangunan tersebut sedang dilaksanakan di peringkat MPSP.

Kerajaan Negeri memang akan memperhalusi rancangan pelancongan di kawasan DUN Bertam melalui Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang yang sedang dalam peringkat penyediaan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):

Soalan tambahan. Yang Berhormat EXCO, tadi Yang Berhormat maklum kata bangunan-bangunan lama di sekitar padang Kepala Batas sudah pun diwartakan sebagai bangunan warisan. Soalan saya adalah bolehkah bangunan-bangunan ini dipelihara dan dicantikkan demi memelihara unsur-unsur warisan *because* kebanyakan bangunan-bangunan lama ini mempunyai apa *architecture, heritage architecture design*. So saya pohon Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah untuk memelihara dan mencantikkan bangunan-bangunan ini. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Memang setuju bahawa langkah-langkah untuk memelihara memang perlu diadakan. Selain itu, saya juga mencadangkan membuat satu ini cerita-cerita, *story about the* bangunan-bangunan untuk meningkatkan lagi *interest* orang ramai untuk datang ke bangunan-bangunan warisan tersebut.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dipersilakan Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Timbalan Speaker, soalan saya soalan 46.

No. 46. Nyatakan tempat awam dalam negeri yang menjalankan aktiviti pengutipan bateri dan lampu *fluorenscent* terpakai.

- (a) Nyatakan jumlah sisa-sisa ini yang disimpan dalam stor kedua-dua PBT sejak 10 tahun yang lalu.
- (b) Apakah rancangan PBT untuk melupuskan kedua-dua sisa lama yang terjadual ini?
- (c) Apakah rancangan PBT dalam menguruskan pengurusan sisa ini?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih rakan saya daripada Berapit yang bertanyakan soalan berkenaan aktiviti pengutipan bateri dan lampu *fluorenscent* yang terpakai. Dato' Speaker, untuk makluman semua di Dewan yang mulia ini, lampu *fluorenscent* dan bateri terpakai merupakan sisa terjadual yang telah disenaraikan di bawah Jadual Pertama *Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulation 2005*. Terdapat lima (5) kumpulan dan 77 kategori sisa toksik ataupun berbahaya di bawah peraturan ini. Kod yang digunapakai adalah lampu *fluorenscent* SW 109 dan bateri terpakai SW 103.

Penang Green Council ataupun PGC dengan kerjasama rakan sokongan, *Ellusion Strategy Enterprise* telah menjalankan kutipan sisa elektronik dan katrij serta lampu kalimantang dan bateri terpakai di Tingkat 3, KOMTAR. Sejak Februari 2017, satu *bin* kutipan telah ditempatkan di ruang menunggu di Tingkat 3, berhadapan dengan kaunter pertanyaan dan pengeluaran pas pelawat. Sehingga April tahun ini, *bin* ini telah menerima sebanyak 189 kg lampu *fluorensen* dan 394 kg bateri terpakai. Selain daripada itu, PGC juga mengadakan kutipan sisa berbahaya ini melalui acara tahunan semasa Karnival Hijau (Antarabangsa) Pulau Pinang sejak tahun 2017.

MBPP pula menyediakan dua (2) pusat penerimaan lampu kalimantang dan bateri terpakai iaitu di Stor Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP di Jalan Sungai dan di Dewan Bandaraya MBPP di Jalan Padang Kota Lama. Manakala MPSP, Majlis Perbandaran Seberang Perai menyediakan beberapa lokasi kutipan bagi tujuan ini. Lokasi yang menerima bahan-bahan tersebut di situ adalah:

- (i) Di Ibu Pejabat MPSP, di Menara MPSP, di Jalan Perda Utama, Bandar Perda, Bukit Mertajam;
- (ii) Di Kaunter MPSP Cawangan Jawi, Bangunan Pejabat Kerajaan, Jawi;
- (iii) Di Kaunter MPSP di Cawangan Butterworth, Kompleks Makanan MPSP, Kampung Jawa, Butterworth; dan
- (iv) Sembilan (9) depoh pembersihan MPSP di seluruh Seberang Perai, Dato' Speaker.

MBPP tidak menyimpan bateri dan lampu kalimantang (*fluorescent*). Bagi sisa bateri dan lampu kalimantang yang terkumpul yang telahpun dilupuskan pada 13 Disember 2018 ke

tapak pelupusan Kualiti Alam Sdn. Bhd. Dato' Speaker, pelupusan tersebut melibatkan 1,000 kg lampu kalimantang dan 1,250 kg bateri dengan kos RM18,200 ditanggung oleh MBPP. MPSP pula telah menyimpan 4,851 unit bateri terpakai dan 5,240 unit lampu kalimantang terpakai dalam stor MPSP sejak 10 tahun yang lepas. Perancangan MPSP dalam urusan kedua-dua jenis sisa tersebut tidak termasuk proses pelupusan kerana ia melibatkan kos yang tinggi Dato' Speaker.

Dato' Speaker, MBPP sedang merancang projek pengurusan sisa melalui sistem pungutan dan penyimpanan dengan tindakan berikut:

- (i) Menggalakkan pelupusan barangan kitar semula dan barangan sisa berjadual seperti lampu kalimantang dan bateri bagi setiap pengurusan acara pengasingan sisa di punca.
- (ii) Menyediakan tempat pungutan yang bersesuaian dengan menempat bekas khas ataupun *special container* untuk memungut sisa berjadual di tempat yang terkawal seperti pusat beli belah, stesen minyak, pusat kitar semula komuniti dan sebagainya tertakluk kepada kolaborasi bersama pihak berkernaan.

Dato' Speaker, rancangan MPSP dalam pengurusan lampu kalimantang dan bateri hanya setakat proses kutipan dan simpanan sahaja.

Pelupusan lampu kalimantang dan bateri terpakai telah dibincangkan dalam mesyuarat Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri pada 26 Mac tahun ini yang turut melibatkan MBPP dan MPSP yang dipengerusikan oleh saya. Mesyuarat memutuskan masalah pelupusan lampu kalimantang dan bateri terpakai di Negeri Pulau Pinang dirujuk kepada pihak Kementerian Tenaga Sains Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) untuk pandangan dan nasihat dan kita dari peringkat ini sedang menunggu jawapan daripada MESTECC Dato' Speaker, sekian.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Soalan tambahan, terima kasih kepada Datok Keramat soalan pertama saya adalah memandangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang bertukar berhasrat untuk tukar semua lampu jalan di menjadi LED. Jadi lampu asalnya adakah Kerajaan Negeri tau dimana lampu asal, lampu jalan itu pergi ke mana? Adakah di simpan dalam Pulau Pinang dan nombor kedua adalah soalan kedua saya adalah seperti yang Datok Keramat mengatakan perbelanjaan yang sangat tinggi. Adakah satu (1) jumlah termasuk lampu *fluoresen* dan juga bateri yang di simpan dalam negeri. Kalau dihantar dengan semua ini kepada Negeri Sembilan berapa jumlah kos yang kita patut tanggung dan akhir sekali saya nak ambil peluang ini untuk mengucapkan selamat hari jadi kepada Yang Berhormat Datok Keramat. (*Ahli Dewan menepuk meja*)

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada rakan saya kalau selamat hari jadi mungkin tak perlu jawab. Tapi hari jadi pun mesti jawab, ada kerja untuk buat. Untuk makluman rakan saya daripada Berapit soalan pokok saya telah pun jawab tadi berkenaan kaedah perlupusan sisa-sisa lampu dan bateri tersebut dan soalan khusus tambahan yang di berikan tadi adalah berkenaan lampu LED.

First of all, let me tell everyone here tentang hasrat dan rancangan kita bekernaan lampu LED. Semalam saya ada sebut tentang bagaimana kita terajui hasrat untuk menjadi satu negeri pintar *a smart state* sememangnya itu adalah rancangan kita dan antara lain di bawah bumbung menjadi negeri pintar kita juga berhasrat mempunyai rancangan untuk mengubah semua lampu-lampu di jalan raya, tiang-tiang lampu kita yang kita ada yang di bawah seliaan MBPP dan MPSP dan juga di bawah seliaan TNB sekarang.

Waktu asal was MBPP, MPSP *there was actually during* Ketua Menteri *time as EXCO KT started that*, apabila kita mula kita dapat kerjasama daripada MBPP khususnya untuk menukar semua lampu-lampu jalan raya kepada lampu LED dan kemudian sekarang *in fact from last year if I not mistaken or this year rather, this year* bulan April, MPSP *has began we have I instructed* kedua-dua PBT untuk menjadi negeri pertama di Malaysia untuk menjadi satu negeri yang semua lampu jalan raya adalah LED 100 percent, *we will be the first state in Malaysia.*

We had a problem Dato' Speaker kerana seperti mana saya nyatakan bukan sahaja MBPP dan MPSP selia lampu-lampu jalan raya, tapi juga kita ada TNB. Asal TNB tidak mahu kerjasama tapi selepas 2018 Mei 9, kita dapat kerjasama daripada TNB untuk bahagian pulau mereka setuju secara prinsip dan mereka sudah pun bermula penukaran lampu-lampu tiang kepada LED.

Sekarang MPSP kita sedang berbincang dengan mereka *looks like there is light at the end of the tunnel looks positive* dan kita harap dapat dibuat. Balik kepada soalan Berapit yang baik seperti mana saya nyatakan bukan senang kita hendak lupuskan sisa-sisa lampu tersebut, lampu lama tersebut apabila penukaran dibuat. Tetapi sepertimana saya nyatakan kita ada perbincangan dengan MESTECC dan saya hendak maklum pada semua di sini juga. Apabila kita lakukan rancangan dan hasrat kita untuk menukar semua lampu-lampu pada LED saya bincang dengan menteri kerana untuk makluman semua di sini setiap negeri di Malaysia diberikan 50% peruntukan bil elektrik untuk lampu-lampu jalan raya daripada kementerian. Ini dahulu, dari zaman dahulu *50% will be given by the ministry.*

Jadi saya maklum kepada menteri, di Pulau Pinang kita ada hasrat untuk tukar semua kepada LED. *For your information here*, apabila kita tukar lampu kepada LED apa yang berlaku apa akibat ia dari segi kos, apa penjimatan dia. Untuk makluman semua, penjimatan dia sekurang-kurangnya 50 hingga 60%. *So, for your information, give u an example, MBPP around 10 million a year we pay for our speed lighting old non LED lah. So, 5 million kementerian would give us we pay 5 million, so 5 million our pocket but I told Menteri, (dengan izin)...I told to menteri kalau kita tukar kepada LED kita terpaksa tanggung kos to tukar to LED first of all but kita jimatkan kos kerana kalau saya boleh save 50% umpamanya 10 million become 5 million. Now technically speaking I could have got the 5 million from them before but I spend money on LED I save money and now u only give me 2.5, I still have to come out with 2.5.*

Jadi menteri secara prinsip kata pada kita *ok, come out with the formula. The only issue now is* kita diperingkat ini belum *100% convert to LED. Once, 100% convert to LED that argument will* terpakai. Jadi satu daripada pekara saya bangkitkan Berapit yang betul kata tadi. Juga kita ada permasalahan dimana kita hendak stor dan lupuskan sisa-sisa lampu lama tersebut. Jadi saya ada perbincangan dengan MESTECC seperti mana saya katakan di mana kita hendak lihat sama ada kementerian boleh bantu kita kerana hasrat kita itu hasrat murni. *We want to become a smart state, a green state by using LED save cost, it's is more efficient and more green. So we want to do that, so in order to do that, I think we need the kementerian to look at our interest how they can assist us* untuk melupuskan sisa-sisa tersebut. Sekian Dato' Speaker.

Ahli kawasan Machang Bubuk (YB Lee Khai Loon):

Soalan tambahan, terima kasih Dato' Yang di-Pertua saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat hari jadi lah kepada Datok Keramat. Cuma saya ada soalan juga untuk jawab kita memandangkan soalan tadi Berapit telah menyatakan satu masalah yang kita berdepan sekarang iaitu lampu kalimantang dan juga e-waste yang kita hadapi sekarang, sementara kita menunggu pihak KPKT atau MESTECC untuk mengadakan tindakan apakah yang boleh kita macam mana kita uruskan kalimantang-kalimantang yang sedia ada ini, sebab saya difahamkan semua dihantar ke *land field* dan ini akan menjadikan satu kemudaran kepada alam sekitar, so saya ingin tahu daripada YB. Datok Keramat ada apa-apa alternative selain daripada kita menunggu kerajaan pusat untuk mengeluarkan satu

garis panduan atau kemudahan untuk kita melupuskan lampu kalimantang dan juga sisa *elektronik* ini terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Minta maaf, tadi saya ada bangkitkan satu soalan iaitu berapa jumlah kosnya jikalau nak lupuskan semua lampu kalimantang bersama dengan bateri sebab tadi Yang Berhormat Datok Keramat yang bagitau adalah *figure* daripada MPSP dan MBPP tapi tidak termasuk bateri kalau tak silap saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okey terima kasih Berapit dan terima kasih rakan saya daripada Machang Bubuk berkenan kos, terlebih dahulu saya tidak mempunyai jumlah *specific* tetapi sememangnya kos itu melibatkan satu kos yang tinggi. Dan oleh yang demikian, kita memohon bantuan daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk membantu kita dalam pelupusan dan pengurusan sisa-sisa tersebut kepada Machang Bubuk sememangnya kita setuju bahawasanya perlu ada satu kaedah pelupusan yang dapat di perkenalkan oleh pihak kementerian di mana kita dalam perbincangan dan perundingan sekarang tapi diperingkat ini, ingin saya nyatakan bahawasanya kita tidak ada apa-apa perancangan untuk menyediakan sesuatu tapak pelupusan *specific* tetapi kita mengalu-alukan sekiranya pihak kementerian setuju antara cadangan yang telah dibuat di mana telah pun dinyatakan Ketua Menteri, saya sendiri tempoh hari *if you want to have* a tapak pelupusan sisa-sisa toksik dan berbahaya ini kita sedia untuk kenal pasti satu tapak.

Di negeri Pulau Pinang, untuk kita *for the whole of the northern region. We are ready but at the cost and expenses of the ministry.* Dengan itu saya ucapkan terima kasih dan terima kasih kepada ucapan-ucapan selamat hari jadi saya. Saya ingin juga mengambil kesempatan disini Dato' *Speaker* untuk ucapkan kepada semua rakan media saya a very Happy World Press Freedom Day *thank you very much.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Pulau Tikus tidak berada di Dewan dan kita, *I means sorry* minta maaf, Air Putih tidak hadir di Dewan dan kita silakan Pulau Tikus. *Slip of the tongue.*

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Soalan saya nombor 48.

No. 48. Adakah Kerajaan Negeri akan cuba menolong membuat pemansangan kabel fiber optik di seluruh negeri?

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Doktor Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pulau Tikus, atas soalan mengenai fiberisasi. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan Internet berkelajuan tinggi pada harga yang berpatutan untuk seluruh rakyat Pulau Pinang melalui pelaksanaan *fibre forward* Penang iaitu satu dasar yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 27 Mei 2015. Penetapan *one big policy* kepada semua syarikat telekomunikasi adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat telekomunikasi untuk memasang dan berkongsi fiber optik bagi tujuan penjimatan kos dengan menggantikan rangkaian kuprum. Malah, Kerajaan Negeri juga mengamalkan dasar pintu terbuka tanpa monopoli kepada mana-mana syarikat telekomunikasi yang ingin menyediakan infrastruktur-infrastruktur telekomunikasi di negeri Pulau Pinang.

Persaingan sesama syarikat ini akan memberikan potensi perkhidmatan Internet yang lebih berkualiti dengan harga yang berpatutan. Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Pulau Pinang adalah salah satu negeri yang menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan Internet yang terbaik di Malaysia. Seperti mana saya telah sebutkan dengan panjang lebar dalam ucapan pengulungan saya semalam. Namun begitu, kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai limitasi akses akan ditambah baik liputan selular dari

2G kepada 3G dan LTE. Dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang lebih pantas dan berkualiti. Selain itu infrastruktur jalur lebar talian tetap turut giat diperluaskan kawasan tersebut melalui projek jalur lebar berkelajuan tinggi ataupun *High Speed Broadband* dan juga jalur lebar pinggir bandar. Pinggir bandar ataupun *Sub-Urban Broadband* yang dilaksanakan dengan kerjasama Syarikat Telekom Malaysia. Kerajaan Negeri amat komited dalam memastikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di negeri Pulau Pinang dipertingkatkan dari semasa ke semasa seiring dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan yang semakin pesat agar tidak ada rakyat di negeri ini yang ketinggalan. Kerajaan Negeri akan memasang kabel *fibre optic* di seluruh negeri Pulau Pinang dengan kerjasama pihak penyedia telekomunikasi. Kini negeri Pulau Pinang telah diliputi dengan rangkaian fiber sebanyak 50% iaitu sepanjang 3,217 kilometer. Pihak PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd selaku agensi teknikal, sedang giat bekerjasama dengan pihak penyedia perkhidmatan rangkaian ataupun *Network Service Provider* dalam usaha untuk menyiapkannya fibersasi di negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Soalan tambahan. Kita semua maklum bahawa usaha fibersasi melibatkan kos yang besar khususnya pada taman-taman perumahan bertingkat rendah atau *low rise*. Ini adalah kerana kos *micro trenching* adalah terlalu tinggi dan tidak berbaloi bagi syarikat penyedia perkhidmatan untuk melaksanakan di kawasan yang tidak padat. Justeru, apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani kekangan ini agar lebih ramai lagi penduduk Pulau Pinang dapat menikmati internet berkelajuan tinggi? Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya itu soalan yang baik. Kerana itu antara isu yang kita hadapi lah. Biasanya syarikat seperti TIME, TM dan sebagainya mereka akan memasang fiber kepada bangunan-bangunan yang bertingkat tinggi. Ini kerana ekonomik, ya. Bila ada permintaan yang banyak di suatu kawasan yang padat, maka pulangan mereka lebih berbaloi. Dan biasanya kalau taman-taman perumahan yang bertingkat rendah. Itu yang menjadi masalah sebab kos untuk membuat *micro trenching* ini agak tinggi. Dan pulangan biasanya tidak berbaloi ya, berdasarkan kepada pelaburan mereka yang terpaksa mereka buat dalam menanamkan fiber tersebut.

Namun begitu, isu ini telah pun diperbincangkan bersama dengan syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan dan satu kaedah sedang dicuba iaitu kaedah dengan menggunakan fiber yang disalurkan melalui paip HDPE, *High Density Poly-Ethylene*. Ini adalah sebenarnya paip air yang digunakan oleh PBA juga. Dan paip ini akan dipasang secara *clip on* di bahagian atas dan tepi longkang, agar ia tidak menjadi penghalang di bawah dasar longkang atau juga sangkut dengan sampah. Jadi, kita akan cuba kaedah ini di dua (2) kawasan yang telah dipilih iaitu di Minden Height dan juga di Taman Bayu Mutiara Butterworth. Dan di mana sekiranya berjaya maka kaedah ini dapat menyalurkan rangkaian fiber dengan kos yang lebih rendah dan kita boleh capai ataupun sampai kepada kawasan-kawasan bertingkat rendah. Dan saya yakin sekiranya berjaya maka kita boleh meningkatkan usaha dan membuka supaya boleh dilaksanakan di seluruh negeri Pulau Pinang. Tapi sudah tentu Kerajaan Negeri tidak hanya memberi kebenaran kepada syarikat penyedia perkhidmatan untuk melakukan tanpa apa-apa syarat. Maka kita telah pun meletakkan beberapa syarat, antaranya adalah untuk memastikan bahawa pemasangan fiber tersebut adalah dibuat secara teratur dengan menggunakan *clip on solution* yang sepatutnya jika terdapat aduan maka syarikat penyedia tu harus mengenalpasti dan juga menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh masyarakat setempat dan sekiranya memang tidak berjaya juga atas kos mereka, mereka harus menanggungkannya. Jadi saya harap kaedah ini boleh berjaya dan Pulau Pinang boleh lagi cepat lagi mencapai matlamat kita untuk menjadi *Gigabit City*. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah tamat. Bagi soalan-soalan yang tidak sempat dijawab, saya minta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberi jawapannya secara bertulis kepada ahli yang bertanya. Selaras dengan Subperaturan 26(7) Peraturan-peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B Ketua Menteri:

Ya, semestinya patuh kepada arahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri selaras dengan Peraturan 6A (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini, 3 haribulan Mei tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ada sokongan?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tuan Yang di-Pertua saya sokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengumumkan usul di bawah Peraturan 6A (1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini, 3 Mei 2019 Jumaat iaitu tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-Ahli Dewan Yang Berhormat tidak bersetuju katakan “Tidak”.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Lebih suara bersetuju. Usul dipersetujui. Sebulat suara.

Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi penggulungan usul ucapan terima kasih kepada Tun Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Dipersilakan Yang Berhormat, Ahli Kawasan Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ADUN yang telah membangkitkan isu-isu dan mencadangkan penyelesaian yang berkaitan dengan portfolio saya. Dan juga kepada mereka yang sokong kepada program-program yang dilaksanakan oleh dibawah portfolio saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu *milestone* yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah meluluskan dan menggunakan dasar keterangkuman gender untuk mencapai keseksamaan gender.

Dasar Keterangkuman Gender yang telah diluluskan pada awal Januari tahun ini menjadi kompas yang memandu hala tuju Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam . Dalam mengarusperdanakan gender dan menjadikan batu asas dalam mencapai Visi Penang2030. Saya bagi pihak rakyat Pulau Pinang ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan barisan EXCO yang berpandangan jauh dan (dengan izin)...*think out of the box* untuk menyokong dan meluluskan dasar ini.

Dasar tersebut bertujuan untuk menyediakan kerangka yang jelas dan konsisten untuk memastikan semua wanita dan lelaki, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki mempunyai peluang yang sama untuk melibatkan diri menyumbang dan mendapat manfaat daripada projek-projek dan program-program Kerajaan Negeri, demi mencapai kesaksamaan gender.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Lancang dan Yang Berhormat Sungai Dua, di atas sokongan mereka terhadap dasar ini dalam ucapan perbahasan masing-masing. Terutamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Penanti dan Yang Berhormat Sungai Pinang yang telah mengiktirafkan kecapaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah portfolio Pembangunan Wanita dan Keluarga, dan Keterangkuman Gender. Izinkan saya memanjangkan ucapan terima kasih kepada jugalah rakan-rakan saya kerana kejayaan-kejayaan tersebut adalah usaha kolektif dan sokongan daripada mereka juga.

Selaras dengan Dasar Keterangkuman Gender, metodologi *Gender Balanced Management*, atau dalam pendek (GBM) dan *Gender Responsive & Participatory Budgeting* (GRPB) akan dilaksanakan secara sistematik di semua jabatan dan agensi kerajaan di Pulau Pinang untuk mengarusperdanakan gender dalam urusan harian pentadbiran Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Bagi memastikan semua pihak lebih sensitif dan mencapai tujuan Dasar Keterangkuman Gender atau DKG, Bengkel Meningkatkan Kapasiti akan dijalankan untuk semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa oleh pihak Penang Women's Development Corporation atau PWDC agar ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai pelaksana memiliki-memiliki ilmu dan kemahiran yang relevan untuk melaksanakan Dasar Keterangkuman Gender.

Oleh yang demikian, dalam masa terdekat ini, Kerajaan Negeri akan mengadakan satu Bengkel Penentuan Hala Tuju dan Pelan Tindakan, Dasar Keterangkuman Gender pada 13 hingga 14 Mei bagi Kumpulan 1 dan 16 hingga 17 Mei bagi Kumpulan 2. Bengkel ini akan memberi pengenalan dan pendedahan terhadap dasar tersebut. Pada masa yang sama, semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri akan merangka pelan tindakan masing-masing untuk melaksanakan dasar tersebut. Keseimbangan gender di peringkat pembuat keputusan atau Gender Balanced Management (GBM) mengikut nisbah 40:40:20 ini adalah penting ya.

GBM akan diguna pakai oleh semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan peluang yang sama dapat diberikan kepada semua lelaki dan wanita di peringkat pembuat keputusan dan pelaksanaan di negeri Pulau Pinang mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada kedua-dua lelaki dan wanita yang berkecualan.

Konsep nisbah 40:40:20 ini akan mengelakkan komposisi atau gender untuk, satu gender untuk melebihi 60%. Dan dengan itu, memastikan tiada satu gender yang akan menguasai dan mendominasi hasil perbincangan sewaktu proses membuat keputusan.

Untuk makluman sidang Dewan, nisbah 40:40:20 ini telah digunapakai oleh Kerajaan Australia sejak 2010. Penglibatan wanita dalam pelantikan pegawai pengurusan tinggi kerajaan tersebut telah meningkat daripada 35.3% kepada 45.8% sejak tahun 2011 sehingga 2018. Ini untuk Australia ya. Kaedah GBM ini telah terbukti membawa manfaat seperti peningkatan prestasi dan pembangunan ekonomi.

Menurut Reibey Institute, New South Wales, Australia, keseimbangan gender di peringkat pembuat keputusan meningkatkan prestasi ekonomi negara tersebut. Selain itu, hasil kaji selidik daripada McKinsey Global Institute pada September 2015 telah menunjukkan bahawa keseimbangan dan kesaksamaan gender akan meningkatkan keluaran dalam negeri, negara kasar global, (dengan izin)...*global gross domestic product* sebanyak USD 12 trillion. Malah menurut satu artikel tentang kajian ke atas organisasi swasta, yang diterbitkan oleh Harvard Business Review pada 2016, kaedah GBM di mana 40 hingga 60% wanita berada di peringkat pengurusan, mempunyai 13% lebih cenderung untuk mencapai pertumbuhan organik, *organic growth* yang konsisten dan 23% lebih cenderung untuk meningkatkan untung

kasar ataupun *gross profit*. Maksudnya lebih ramai wanita di dalam mencampur atau mengambil bahagian dalam, membuat keputusan kemungkinan lebih besar untuk membuat keuntungan atau pun prestasi yang lebih baik.

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian-kajian yang disebut jelas menunjukkan bahawa keseimbangan gender akan membawa manfaat kepada bidang pentadbiran perniagaan dan ekonomi. Saya percaya sasaran 40:40:20 ini bukan sahaja akan meningkatkan perwakilan wanita dalam kepimpinan dan pembuat keputusan di sektor awam tetapi juga menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai *gen changer* atau peneraju dalam perubahan budaya dan cara masyarakat menilai kepimpinan wanita. Saya juga amat berharap sektor swasta juga akan mengambil prinsip 40:40:20 ini sebagai garis panduan dalam membentuk struktur organisasi dan juga dalam semua NGO-NGO. Umpamanya dalam jawatankuasa kuil, dalam jawatankuasa gereja, jawatankuasa dalam surau. Saya harap juga dia akan memperbanyakkan perwakilan wanita kerana semua tempat ini kita mengalu-alukan wanita juga datang ke tempat-tempat ini. Jadi sekiranya tidak ada wanita dalam peringkat pembuat keputusan kemungkinan besar aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu ia mungkin terlalu bersasar kepada kaum lelaki sahaja. Jadi ia tidak mesra kepada wanita. Jadi, wanita rasa tidak senang hendak datang. Jadi ini adalah untuk baik semua komuniti dan juga negara, ini bukan untuk wanita sahaja untuk wanita dan lelaki dan juga keluarga. Cara untuk mencapai 40:40:20 ini ialah juga melalui *Gender Responsive Participatory Budgeting*. Ini merupakan satu proses yang mesti dilalui apabila kita mengatakan kita sudah ada dasar keterangkuman gender supaya peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan diagihkan mengikut keperluan secara adil. GRPB adalah strategi dalam membuat bajet dan dasar yang membantu mengenal pasti dan mengiktiraf keperluan-keperluan berbeza bagi golongan wanita dan lelaki *and boys and girls*, warga emas serta OKU menerusi slogan kelompok berlainan keperluan berbeza atau (dengan izin)...*different people different needs*. Jika dasar keterangkuman gender itu adalah kompas hala tuju kita menuju visi Penang2030 cara GRPB pula adalah kenderaan yang akan membawa lebih ramai rakyat dari kelompok yang berlainan untuk sama-sama melibatkan diri dalam merealisasikan visi bersama ini.

Oleh itu, saya menyeru semua wakil rakyat di dewan ini, bagi memulakan projek GRPB di KADUN masing-masing supaya dapat membuka ruang kepada rakyat setempat untuk terlibat secara langsung dalam proses perancangan bajet seterusnya mengukuhkan demokrasi tempatan. Ini adalah selaras dengan salah satu teras di dalam Penang2030 di mana empat (4) tema di dalam Penang2030 ialah *liability economic people and building environment people*. Dia kata di sini, "*we would be working to empower people in order to strengthens civic participation empowering people would be the whole mark of Penang administration my administration*" maksudnya CM punya *administration* ataupun Penang punya *administration*. GRPB merupakan satu proses untuk memberi peluang ataupun memberi peluang untuk rakyat ambil bahagian dalam program-program kita dan juga dia *empowering the people* untuk bersama-sama membuat keputusan.

Jadi GRPB adalah kaedah kerajaan menyeluruh yang menghubungkan bersama masyarakat agensi dan semua peringkat kerajaan ia merapatkan jurang antara pengguna dan penyedia perkhidmatan. Di samping itu, GRPB memenuhi prinsip tadbir urus yang baik menangani jurang *gender* dan merupakan usaha untuk mencapai tujuan bajet dengan cara yang paling berkesan cekap dan adil. Projek duit kita hak kita, KADUN Machang Bubuk dia ini berapa tahun yang lalu dua kosong, tiga tahun yang lalu merupakan projek bajet penyataan rakyat pertama di Malaysia yang telah memenangi anugerah khas juri bagi amalan terbaik dalam penyertaan rakyat oleh *International Observatory On Participation Democracy* ke 18 yang diadakan pada November 2018 di Barcelona, Sepanyol. Tahniah saya ucapkan kepada YB Macang Bubuk dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam YB. Steven Sim atas dedikasi dan kegigihan mereka ke atas projek ini sehingga berjaya menjadi penerima anugerah tersebut. Bak kata pepatah, "Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya". Saya rasa itu merupakan satu projek yang sangat besar. Ia terlibat dengan 3000 pengundi, dua ribu lebih pengundi untuk undi dan supaya JKKK dapat satu projek. Saya rasa semua ahli pun boleh

buat macam itu. Syabas juga diucapkan kepada YB. Bukit Tambun kerana telah memulakan projek bajet penyertaan rakyat penghuni Bukit Tambun yang dilancar pada 19 Februari tahun ini. Projek tahun pertama ini telah diterajui oleh tiga (3) Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). YB. Bukit Tambun merancang untuk meneruskan projek ini pada tahun seterusnya dengan melibatkan MPKK yang lain. Jadi projek ini akan juga *empower* the MPKK meningkatkan kapasiti MPKK supaya dapat menguruskan projek dengan baik. Jadi cakup bukan sekadar cakup, saya cakup saya pun mesti buat juga. Jadi saya PPR Desa Wawasan memang ada satu projek GRPB tapi saya sebagai ADUN Padang Lalang akan turut sama menyahut seruan menggunakan pendekatan GRPB di KADUN saya dan memulakan dengan satu MPKK Taman dengan baik. Melalui proses ini kita boleh mengukur ataupun *we can find out what is the need of the community*. Semua projek ini dasar ketrangkuman gender ialah supaya kita dapat meramaikan perwakilan wanita dalam pembuat keputusan. Itulah di dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita pun sudah ada dasar untuk ditetapkan di dalam MPKK serta kerajaan tempatan dia mesti ada 30% wanita. Kita juga menubuhkan JPWK iaitu JPWK Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Jadi saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Dato' Tunku Maimun Tuan Mat di atas pelantikan beliau sebagai Ketua Hakim Negara yang baru yang berkuatkuasa pada hari ini hari semalam. Untuk makluman Dewan yang mulia, ini beliau juga merupakan wanita pertama yang dilantik sebagai Ketua Hakim Negara di Malaysia. Kita ada banyak lagi ada banyak lagi gelas siling yang belum dipecah lagi umpamanya jawatan di Tuan Yang di-Pertua sana, belum ada wanita. Jadi ada ramai lagi gelas siling yang belum dipecah lagi. Jika golongan wanita diberi peluang akses dan manfaat yang sama dalam semua bidang terutamanya bidang ekonomi sosial dan politik maka tercapailah kesaksamaan gender. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama PWDC telah berjaya menganjurkan kempen hari wanita sedunia sejak tahun 2013. Kempen ini telah berkembang dari tahun ke tahun demi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pencapaian dan sumbangan wanita kepada masyarakat kita. Pengiktirafan pengorbanan dan sumbangan golongan wanita sangatlah di sanjung tinggi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada bulan Mac yang lalu sebanyak 46 acara telah dijalankan dengan kerjasama 24 rakan penganjur dan melibatkan lebih daripada 9,000 peserta. Ini juga mendapatkan jangkauan lebih daripada 100,000 dalam media sosial. Kita patut bangga bahawa Pulau Pinang adalah satu-satu negeri di Malaysia yang menyambut Hari Wanita Sedunia pada skala sedemikian, *in such a big scale*.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menganjurkan pelbagai program sempena Hari Wanita Sedunia 2019 di KADUN masing-masing. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak PWDC, MBPP, MPSP, SUK, BPEN, *Penang Women Chamber of Commerce*, JCI Pearl, *Women Center for Change* dan organisasi swasta dan awam yang turut bekerjasama untuk menjayakan Hari Wanita Sedunia 2019. Pada tahun yang akan datang saya harap Dewan yang mulia ini di bawah pimpinan Dato' Speaker pun dapat menganjurkan program untuk menyambut Hari Wanita Sedunia mungkin kita boleh mengadakan sidang wanita pada waktu itu. Sekarang kita ada Sidang Muda, mengapa tak adakan Sidang Wanita. Boleh? Kita akan adakan sidang wanita pada tahun yang akan datang. *Can we consider?* Cakaplah boleh (*ketawa*). Ini dalam satu keluarga tidak perlu diplomatik sangat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan manifesto Pakatan Harapan yang ingin memperkasakan peranan wanita dalam politik MPKK perlulah dianggotai oleh sekurang-kurangnya 30% wanita. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pun telah menetapkan pun telah menetapkan dasar ini dan pada tahun ini semua MPKK akan mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli wanita menjelang tahun 2021 semua MPKK mesti berjaya mencapai 30% wanita iaitu lima (5) orang ahli wanita dan selepas itu kita ikut nisbah 40:40:20.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Undang Negeri khasnya kepada YB. Penanti, YB. Bukit Tambun, Sungai Pinang, Telok Ayer Tawar dan Pulau Betong kerana menyokong penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam ucapan perbahasan masing-masing. Di setiap KADUN satu JPWK telah berjaya ditubuhkan untuk memberi peluang kepada wanita dalam komuniti memimpin dan berkhidmat untuk komuniti setempat. Pada bulan Mac, sebanyak 22 KADUN telah menjalankan 24 projek yang berunsurkan kekeluargaan, kesihatan, kemasyarakatan dan pemeraksanaan wanita yang melibatkan 4,592 peserta wanita. Tapi ada juga lelaki. Saya rasa ini dalam nisbah 70% wanita dan 30% lelaki. Ini menunjukkan bahawa dalam jangka masa pendek iaitu dalam tempoh dua (2) bulan, kaum wanita di peringkat komuniti telah membuktikan bahawa mereka boleh tampil ke hadapan memimpin dan berjaya menganjurkan Program Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk komuniti setempat. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendorong agar EXCO Kerajaan Negeri dan ADUN-ADUN terus memberi sokongan agar JPWK dapat dilanjutkan untuk tahun-tahun yang seterusnya. JPWK yang lahir di negeri kita ini harus diberi peluang untuk mengembangkan sayap ke seluruh pelosok negara dan dijadikan teladan kepada semua dan Pulau Pinang sebagai inspirasi kepada negara Malaysia.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Yang Berhormat, minta pencerahan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ya.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Untuk makluman Yang Berhormat Padang Lalang, dalam Mesyuarat JPWK Bukit Tambun yang pertama, saya telah hadir dan sepanjang mesyuarat saya yang cakap banyak. So, mesyuarat berakhir dalam tempoh 45 minit. Dan selepas itu, mesyuarat kedua dan ketiga, saya tidak dijemput. Ada yang tanya, YB. mengapa *you* tak hadir? Mereka tolak. Mungkin mereka main wayang. Memang tak mahu jemput saya dan mesyuarat yang dikendalikan dijalan selama tiga (3) jam. Tanpa kehadiran saya, semua wanita saja dalam JPWK, tiga (3) jam. Dan program pertama yang dianjurkan oleh JPWK sempena Hari Wanita Sedunia di Batu Kawan telah dihadiri oleh 900 orang wanita dan 50 orang lelaki sahaja. Dan daripada senario ini kita boleh nampak memang kalau wanita sahaja yang mempengerusikan sesuatu mesyuarat, mereka akan bincang dengan secara menyeluruh dan lebih teliti. Dan apabila program diadakan, semua-semua perincian ini dibuat. Tiada masalah. Kalau kaum wanita memberi komitmen, kehadiran hampir 100% dan semua program yang dirancangan, *A to Z* memang berjalan dengan lancar. Kalau saya ada, saya hanya bagi arahan. *You* buat ini, *you* buat itu, nanti semasa, semasa program diadakan mesti ada ketinggalan sesetengah benda tidak dilakukan.

Oleh itu, dengan penubuhan JPWK ini memang tepat pada masanya dan memang akan menonjolkan lebih, lebih ramai wanita untuk menjadi pemimpin, dan mungkin dalam satu hari Ketua Menteri Pulau Pinang juga dari kaum wanita. Sekian.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima Kasih. Pada suatu hari tentulah. Halnya sekarang tak pasti hari itu ialah 100 tahun yang akan datang atau 50 tahun. Bukan, bukan, bukan senang lah nak dari akar umbi nak jadi naik untuk menjadi Ketua Menteri ya. Ia mengambil masa yang sangat panjang. Tapi memang wanita dia ada kepimpinan, kualiti kepimpinan wanita adalah tidak sama. Dia ada keistimewaan atau *was* dia ada *exclusive* la. Dia wanita. Dia sangat *details* kan. PWDC selalunya kalau bermesyuarat pun tiga (3) jam pun tak habis. Sehingga mesti selalu mengingatkan sudah tiga (3) jam. Sudah mahu sampai *lunch*. Mesti habiskan mesyuarat. Ini lah wanita. Terlalu terperinci. Tapi ini adalah baik juga. *very details*. *So everything will be* lancar. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada YB. Bukit Tambun. Memang beliau sangat, sangat, sangat sokong ya. Atau *give a lot of a support* kepada kaum wanita di, di kawasannya.

Tapi semua ini boleh berlaku ya *commitment* Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita mesti dipuji. Baru-baru ini Y.A.B juga telah mengumumkan bahawa pelantikan Ahli Majlis yang akan datang akan merangkumi sekurang-kurangnya 30% wanita. Bagus ya. Semua sokong ini. Terutamanya untuk Parti DAP kerana ini calon-calon untuk Ahli Majlis ialah di, di, *direccomend* oleh parti-parti. Jadi, beliau kata dia hanya boleh pastikan DAP Pulau Pinang boleh mencapai 30% tetapi untuk parti-parti komponen kerana parti mereka yang buat keputusan. Jadi saya harap parti-parti lain dalam Pakatan Harapan akan mengambil inisiatif yang serupa dan sejajar dengan janji kita dalam Manifesto Pakatan Harapan. Memang kita ada janji untuk menunaikan, untuk memberi sekurang-kurangnya 30% kepada wanita untuk menjadi pembuat keputusan dalam semua peringkat.

Saya ingin mengalu-alukan semua bukan sahaja semua agensi tetapi juga dalam portfolio ya, EXCO-EXCO rakan saya dapat mengurus perdanakan *gender* di dalam semua bidang. Umpamanya, Perumahan. Sekarang pun telah menggunakan GRPB dalam pengurusan rumah-rumah pangsa. Ini merupakan satu proses yang lebih, lebih efektif dan juga dalam bidang sukan. Sekiranya kita lihat sesuatu sukan itu, sekiranya ramai wanita kita nak memperkenalkan, *introduce* nak *encourage* supaya lebih ramai lelaki juga mengambil bahagian. Umpamanya, *the reverse is a true* lah. Kalau *football* ramai lelaki kita nak galakkan wanita juga main *football* supaya tak ada satu, tak ada satu sukan dia dikaitkan dengan *gender*. Dilihat itu sukan lelaki ataupun itu *sports* wanita. Sama dengan hasrat kita bahawa tak ada pekerjaan yang akan dikaitkan dengan *gender*. Bahawa jururawat dia wanita lah. Kalau doktor, lelaki. Kalau *lawyer*, lelaki. Kalau setiausaha, wanita. Sekarang pun sudah ada ramai doktor wanita, ada *lawyer* wanita, ada *engineer* wanita. Tapi kita nak seimbang lah. Seimbang ada baiknya. Kita ada wanita di sebelah sana, *lawyer* wanita di sebelah sana. Kita pun ada mahu lebih seimbang lah. Mana di mana-mana pun.

Tuan Yang di-Pertua, kita bahawasanya kita *The Penang2030* ialah *Family Focus*. Jadi pembangunan keluarga mewujudkan satu ekosistem sokongan untuk ibu yang bekerja adalah sangat penting. Ini dia berkait rapat dengan kebahagiaan keluarga. Hari ini ialah *3rd*. Jadi on the *1st of May* yang lalu, kita baru menyambut Hari Pekerja. Dan saya rasa tidak terlewat lagi untuk mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada semua ibu-bapa yang bekerja. Khasnya golongan ibu yang bekerja. Mengapa khasnya golongan ibu yang bekerja? Golongan ibu yang bekerja seringkali dipersimpangan di persimpangan untuk mencari cara bagi mengimbang antara tanggungjawab terhadap keluarga dan kerjaya mereka ataupun kerja mereka. Kebanyakan ibu yang bekerja akan akhirnya memilih untuk duduk di rumah dan menjaga anak-anak mereka atau ibu bapa yang umur kian meningkat. Antara sebab yang mendorong mereka membuat pilihan tersebut adalah kerana mereka tidak mampu atau tidak dapat mencari pusat jagaan yang baik untuk membantu mereka. Ini hanya kaum ibu yang menghadapi. Kaum bapa tak perlu menghadapi. Ataupun kaum bapa tak ada peluang untuk membuat pilihan sama ada mahu terus berjaya dalam karier ataupun balik rumah untuk menjaga anak. Pilihan ini hanya untuk ibu sahaja. Dia ada baik dan juga ada tak baik punyalah. Jadi di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepentingan mewujudkan kemudahan untuk membantu dan mengalakkan golongan ibu yang bekerja untuk kekal di dalam alam pekerjaan.

Stigma negatif bahawa ibu bekerja tidak dapat meluangkan masa dengan anak adalah tidak benar sama sekali kerana ada kajian mengatakan bahawa anak-anak yang dikeluarga di mana kedua-dua ibu bapa bekerja mereka lebih bukan lebih berjaya, tak ada perbezaan yang besar kalau berbanding dengan di mana keluarga ibunya tidak bekerja. Tapi anak-anak dikeluarga mana ibu bekerja, dia akan melihat bahawa mereka akan mempelajari *independence* kerana ibunya akan menguruskan kerja untuk mereka. Supaya mereka boleh menjaga diri sendiri. Jadi tetapi adakan, adakan Pusat Jagaan Kanak-Kanak dan fasiliti masa di tempat kerja, ia akan membantu ibu-ibu yang bekerja untuk memberikan tumpuan kepada kerjaya tanpa mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap keluarga. Oleh dengan itu, saya amat menyambut baik intinya ucapan YB. Sungai Pinang yang berkaitan dengan isu ibu bekerja. Keperluan kemudahan penjaga, penjagaan anak dan Pusat Penjagaan Dalam Pantang atau

(dengan izin)...*Confinement Centre*. Kajian tahun 2015 oleh *Harvard Business School* menunjukkan pentingnya sumbangan golongan ibu bekerja dalam pembangunan keluarga. Sekiranya kedua-dua ibu bapa bekerja ia akan mengurangkan jurang ketidaksamarataan *gender* di dalam sesebuah keluarga. Lalu mewujudkan persekitaran yang sihat dan selesa untuk membesarkan anak-anak. Keluarga yang kedua-dua ibu bapanya bekerja juga secara langsung akan meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengurangkan konflik di dalam keluarga. Penyediaan kemudahan dan fleksibiliti tersebut sehari selari dengan visi Penang2030 yang mempromosikan konsep Pulau Pinang sebagai Satu Negeri Yang Berorientasikan Keluarga.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga amat menyokong cadangan YB. Berapit untuk mewujudkan sudut kanak-kanak semasa kakitangan kerajaan bekerja lebih masa dan berada di luar pejabat. Di pejabat YB. Berapit dia ada satu sudut kanak-kanak. Di Pejabat Khidmat saya juga saya, staf saya menyediakan sudut mainan kanak-kanak bagi ibu-ibu yang membawa anak-anak mereka apabila mereka datang ke Pusat Khidmat saya. Supaya anak-anak dapat bermain di *corner site*, di situ dan ibunya boleh membuat urusan.

DUN Pulau Pinang, dewan kita, juga boleh menjadi perintis untuk mewujudkan sudut kanak-kanak bagi YB. ADUN dan kakitangan kerajaan yang mempunyai anak-anak kecil. Oleh itu, YB. ADUN dan pegawai-pegawai yang bertugas tidak perlu risau tentang anak-anak mereka ketika bertugas terutamanya apabila persidangan Dewan berlangsung dari pagi sehinggalah ke malam. Saya difahamkan bahawa persiapan bagi setiap Dewan bermula beberapa minggu sebelum persidangan bermula dan ramai pegawai perlu bekerja lebih masa. Sekiranya kemudahan tersebut dapat diwujudkan di pejabat mereka ataupun di KOMTAR, saya pasti akan dapat membantu mereka apabila anak-anak mereka perlu berada di pejabat bersama ibu atau bapa mereka kerana mereka pergi ke taska di KOMTAR dan selepas itu kerana ibu bapa tak dapat balik, saya rasa mereka pun tak boleh bawa mereka balik dan kembali ke KOMTAR. Jadi sekiranya boleh, saya harap kerajaan boleh timbangkan mewujudkan *children's corner*.

Isu penjagaan anak telah menjadi satu cabaran untuk ibu bapa bekerja. Secara tradisional, masyarakat telah meletakkan tanggungjawab menjaga anak kepada golongan ibu. Walau bagaimanapun, ramai kaum bapa sekarang pun membantu dalam penjagaan ini. Jadi, saya harapkan lebih ibu bapa yang kedua-dua pun bekerja dapat bersama-sama menghadapi cabaran ini dengan bantuan kerajaan, dasar kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mengikut laporan kaji selidik *TalentCorp ACCA Retaining Women in the Workplace 2013*, tiga (3) sebab utama golongan wanita meninggalkan pekerjaan mereka adalah untuk menjaga anak dan keluarga, kekurangan keseimbangan kerjaya dan kehidupan serta komitmen untuk menjaga ahli keluarga. Selain itu, golongan wanita juga menghadapi kesukaran untuk masuk semula ke sektor pekerjaan selepas berhenti kerja. Maka, perlulah golongan wanita digalakkan terus kekal dalam alam pekerjaan walaupun telah melahirkan anak.

Kerajaan Pusat telah mengiktirafkan keperluan kemudahan penjagaan anak untuk meningkatkan dan mengekalkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah telah menyeru kedua-dua sektor awam dan swasta untuk mewujudkan pusat jagaan anak di tempat kerja. Kini, sebanyak RM10 juta telah diberi sebagai peruntukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membangunkan pusat-pusat penjagaan anak di jabatan dan agensi kerajaan. Jadi saya harap agensi-agensi kerajaan di Pulau Pinang akan juga jangan ketinggalan dalam usaha ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PWDC telah menubuhkan Taska D'Komtar untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan anak-anak kakitangan kerajaan pada tahun 2013 dan juga meluluskan subsidi yuran taska di tempat kerja sebanyak RM180 sebulan untuk yang berkecukupan. Taska D'Komtar pada masa ini berjalan dengan kapasiti penuh.

Namun, usaha daripada Kerajaan Negeri sahaja tidak mencukupi untuk membina satu ekosistem yang dapat meningkatkan keseimbangan kehidupan kerja dan keluarga supaya golongan wanita dapat dikekalkan dalam pasaran tenaga kerja. Oleh itu, kemudahan penjagaan anak bukan sahaja perlu diwujudkan di sektor awam, tetapi juga di sektor swasta. Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB. Yeo Bee Yin or YB. Hannah Yeoh telah memberi cadangan untuk memberi 10% insentif potongan cukai (dengan izin)...*tax break incentive* kepada sektor swasta yang memberi kemudahan penjagaan anak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu dialog industri anjuran PWDC dengan kerjasama TalentCorp dan JCI Pearl akan diadakan pada 28 Mei tahun ini untuk membincang dan menggalakkan pihak swasta mendirikan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja masing-masing. Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah membentuk pasukan petugas khas (dengan izin)...*taskforce* bertujuan mengkaji kesesuaian untuk meletakkan semua pusat penjagaan kanak-kanak pra-sekolah iaitu taska dan tadika di bawah satu kementerian. Kewujudan sistem pra-sekolah yang baik dan seragam dapat memastikan anak-anak kita berada dalam keadaan selamat dan diberi pendidikan awal yang berkualiti. Masa pertumbuhan awal kanak-kanak atau *formative years* adalah tempoh yang paling penting dalam membentuk akhlak dan sikap seseorang kanak-kanak. Bersesuaian dengan kata pepatah “meletur buluh biarlah pada waktu rebungunya”. Pusat jagaan kanak-kanak pasti membantu golongan wanita untuk kekal dalam pasaran tenaga kerja di samping meningkatkan produktiviti ibu bapa apabila mereka bekerja dengan penuh dedikasi jika mengetahui anak-anak mereka selamat.

Perkembangan dan kemajuan industri penjagaan kanak-kanak turut akan memberi lebih banyak peluang kerja kepada golongan wanita. Hal ini adalah disebabkan kebanyakan penjaga adalah golongan wanita. Jabatan Perangkaan Malaysia juga menunjukkan penglibatan golongan wanita adalah 50% lebih daripada lelaki dalam pekerjaan berkaitan dengan aktiviti kesihatan, kemanusiaan, kerja sosial dan pendidikan. Dengan ekosistem penjagaan yang lebih meluas, maka lebih ramai wanita akan berpeluang untuk menjana pendapatan. Oleh itu, saya mengesyorkan semua jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan supaya bekerjasama untuk memudahkan penubuhan pusat-pusat jagaan kanak-kanak, ibu dalam pantang dan juga warga emas supaya golongan wanita dapat terus bekerja.

Di samping itu, pusat-pusat tersebut dapat membekalkan perkhidmatan penjagaan yang berkualiti kepada golongan yang memerlukannya. Jadi, jika ditanya apakah pencapaian utama portfolio saya dalam masa setahun ini selepas PRU-14? Secara ringkas, jawapan saya ialah:

- (i) Kita telah meluluskan Dasar Keterangkuman Gender;
- (ii) Kita mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga; dan
- (iii) Komitmen terhadap penambahan perwakilan wanita sebagai Ahli Majlis dan dalam MPKK.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, hari ni bukan sahaja hari jadi Datok Keramat tetapi hari ini adalah *World Press Freedom Day* ialah hari Kebebasan Media Sedunia. Jadi, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Kebebebasan Akhbar Sedunia kepada semua pihak media. Tema tahun ini adalah “*Media for Democracy, Journalism and Election in time of these Information*”. Kebebasan akhbar adalah hak asasi manusia yang termaktub dalam Perkara 9 Deklarasi Hak Asasi Manusia. Kita harus berasa bangga kerana pada tahun ini, tahun ini daripada 180 negara, kedudukan Malaysia dalam World Press Freedom Index telah meningkat ke kedudukan 123 dari kedudukan 145 pada tahun 2018. Jadi, saya rasa ini dia disebabkan selepas pertukaran Kerajaan Pusat, media diberi lebih kebebasan dalam kerja mereka.

Seperti yang dinyatakan dalam satu, seorang pengarah eksekutif Cambodia Center of Human Right, dia kata “*A media without women is only half the story*”. Jadi, *women journalist must be respected, protected and champion for a free press to flourish and strive*. Jadi di dalam pandangan, di dalam perspektif dari pandangan *gender equality* kesaksamaan gender dan *press freedom*, dia ada kaitan. Sekiranya kita lihat di dalam surat khabar hari ini atau pun mana-mana harilah tidak kira, semuanya cerita orang yang dalam cerita akhbar itu saya rasa 90% nya adalah lelaki dan 10% adalah berita akhbar mengenai wanita dan sekiranya akhbar itu adalah mengenai wanita yang mungkin pertama ialah wanita pertama yang dilatih sebagai *a Chief Justice* atau pun wanita yang sebagai bangsa keganasan. Selalunya adalah seperti inilah. Jadi, kita memerlukan media bukan sahaja kita mesti menjamin media ini adalah kebebasan tetapi kita juga nak menyuruh supaya *news industry to commit to gender equality*. Sebagai *conscious* untuk mencari *news* yang positif untuk *news* positif wanita dan bukan selalunya, kalau kita tidak cari *news* positif wanita, dia akan selalunya *news* negatif dan selalunya *news* ini juga didominasi oleh lelaki. Umpamanya kalau esok kita baca *news*, kita baca surat khabar, dia akan kata ini di Dewan Undangan sudah masuk peringkat penggulungan dan siapa-siapa yang menggulung. Saya rasa *news* esok dia akan kata CM yang menggulunglah kerana CM adalah dia *news worthy* yang lebih banyak dan dia adalah lelakilah. Nanti keduanya ialah TKM I dan TKM II kerana mereka *news worthy* lebih tinggi. Jadi secara itulah dia akan semua lebih ramai, lebih banyak *news* lelaki. Jadi, kita perlu *we need to concisely* cari *news* positif mengenai wanita.

Jadi, untuk mengakhiri ucapan, jadi saya haraplah kita bekerjasama dengan pihak media untuk memajukan *press freedom* dan juga kesaksamaan gender. Bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu yang berbangkit dengan portfolio saya dan juga kepada semua pegawai-pegawai yang selalunya menyokong agenda wanita ini. Sekian, terima kasih. *Thank you*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Padang Lalang. Dewan mengalu-alukan kehadiran Timbalan Speaker Dewan Rakyat dan juga Mantan TKM I Negeri Pulau Pinang yang bersama di sesi penggulungan pada hari ini. Terima kasih Dato'. (*Ahli Dewan menepuk meja*).

Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih ya, Timbalan Speaker, terima kasih beri peluang saya untuk apa ni menjawab soalan-soalan yang telah dibangkit dalam sesi perbahasan. Saya akan terus pergi kepada soalan-soalan.

Yang Berhormat Sungai Dua dan Permatang Berangan telah memohon Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu pengangguran dan pemberhentian pekerja serta memohon Kerajaan Negeri untuk meningkatkan peluang pekerjaan di Pulau Pinang. Jadi saya menyatakan terlebih dahulu bahawa pengangguran di Pulau Pinang adalah dalam 2.1% sahaja. Kalau kita berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia saya rasa Pulau Pinang yang terendah dari segi pengangguran. Ini tidak bermakna bahawa tidak ada pengangguran bahawa kalau ada pengangguran, ini merupakan pengangguran dalam transisi peralihan di mana mereka akan tukar kerja dan sebagainya.

Jadi walau bagaimanapun, saya rasa isu pengangguran ini, isu ini sangat-sangat penting dan Kerajaan Negeri ini sentiasa berhati-hati tentang isu-isu yang kita rasa yang berkait dengan pemberhentian pekerja. Baru-baru ini kita dapat apa ni kebanyakan khabar angin bahawa beberapa kilang di Pulau Pinang ini telah hentikan pekerja sudah bagi VSS kemudian berlaku penstrukturan dan sebagainya. So, jadi dalam konteks demikian saya telah mengaturkan satu perjumpaan dengan MTUC, MFM dan juga beberapa individu supaya kita mengukur sama ada isu pengangguran ini satu yang perlu ditangani. Tapi apabila saya adakan perbincangan ini kemudian saya juga kemukakan kepada EXCO bahawa

pengangguran pemberhentian pekerja ini bukanlah serius sepertimana yang kita dapat mungkin dalam artikel-artikel dalam surat khabar dan juga melalui *WhatsApp*, internet dan sebagainya.

Tapi walau bagaimanapun saya rasa bahawa kalau ada pemberhentian pekerja ini semua penstrukturan ini dijalankan di beberapa kilang khususnya multinational. Bukan saya katakan bahawa tidak ada pengangguran ada tapi isu ini satu saya rasa bukanlah yang jadi serius di mana kita perlu ditangani dengan dasar, dasar-dasar tertentu. Tapi pengangguran saya bagi contohlah ini bukan contoh yang terbaik. Tapi kita apa ini memberi peluang saya duduk sebagai Pengerusi Perjawatan di PDC dan PBA kemudian bagi contoh bahawa apabila kita mengiklankan jawatan kita dapat ramai, ramai yang mohon. Apabila kita buat apa ini tapisan, buat *shortlisting* dan sebagainya, saya secara apa ini minat saya mahu tengok macam mana mereka ini penganggur ka ataupun macam mana lebih 90% ini yang mohon ini adalah mereka yang ada kerja. Cuma dia mau cari peluang yang baik. Walaupun mendapat mohon supaya mereka dapat surat untuk memanggil mereka buat *interview* supaya dia akan menunjukkan kepada majikan masing-masing. Supaya untuk kenaikan gaji dan sebagainya. 95% atau lebih adalah mereka yang sudah ada kerja di Pulau Pinang. Saya tidak katakan bahawa ini merupakan satu *sample* yang terbaik, tapi mungkin di kalangan ini mungkin dalam apa ni macam kerajaan, Diploma dan sebagainya. Ini adalah bukan bukan eksekutif, eksekutif ini apabila kita panggil 10 orang yang datang ini cuma dua (2) orang sahaja.

Memang ada minat memang dia mereka mau apa ini meninggikan taraf mereka, peluang pekerjaan, gaji dan sebagainya jadi itu memang satu contoh bukanlah satu contoh yang kita katakan *representative* tapi inilah keadaan Pulau Pinang dan saya juga berdialog dengan beberapa apa ni pegawai industri dan saya rasa perkara ini, ya memang MTUC ini sebagai Kesatuan Sekerja cawangan di Pulau Pinang ini memang selalu apa ni membangkitkan isu-isu pengaruh ini sebagai satu Kesatuan Sekerja tetapi saya rasa realiti ini adalah sedikit lain tetapi walau bagaimanapun saya rasa ini perlu ditawan dan kita sentiasa apa ini berhati-hati dengan isu pengangguran dan sebab ini saya rasa akan ada apa ini membawa implikasi yang lebih serius kepada Pulau Pinang ataupun di Malaysia.

Jadi memang Kerajaan Negeri ini telah mengadakan beberapa langkah mungkin dalam apa ini 3, 4 tahun ataupun sebelum itu supaya kita ini kita apa ni berdialog dengan *investPenang* supaya mereka mencari kilang-kilang yang akan melabur bukan kilang-kilang, mana-mana kilang tetapi kilang-kilang yang ada *high end* di mana mereka memerlukan tenaga pekerja yang mahir dan sebagainya. Apabila kita, kita mencari tenaga pekerja yang mahir kita juga menghadapi masalah. So saya rasa taraf kemahiran di Pulau Pinang seperti negeri-negeri lain adalah kurang.

Saya rasa Pulau Pinang mungkin ini mungkin tinggi sikit. Kalau kita banding dengan negeri-negeri lain so jadi dalam konteks itu satu segi kita minta ni cari pelaburan di mana *high end* pelaburan yang lebih *sophisticated*. Bukan pelaburan ini dibuat digunakan buruh kasar dan sebagainya. Di samping itu kita menghadapi masalah kita tidak ada ataupun sukar untuk membekalkan pekerja-pekerja mahir. Oleh kerana itu, salah satu organisasi yang sebenarnya menyediakan ataupun salah satu organisasi yang ada menyediakan latihan adalah PSDC saya ingat PSDC semua tau apa peranan PSDC dan saya rasa keluaran PSDC adalah sedikit sahaja.

Jadi baru-baru ini saya telah apa ini berdialog dengan pengetua-pengetua ataupun saya tak ingat gunakan ILP supaya bagaimana kita akan masukkan apa ni pelajar-pelajar selepas lepasan SPM. Kita ada 4 ILP di Pulau Pinang. Kita juga ada beberapa institut baru-baru ini saya pergi ke saya ada satu dialog dengan KTBN betulkan? Di bawah Kementerian Belia Kementerian Belia, mana mereka juga menyediakan banyak kursus, kursus ini bukan kursus jangka masa panjang bukan satu (1) tahun, dua (2) tahun kursus macam ini satu minggu boleh supaya boleh *repair handphone*. Dua (2) minggu boleh *repair* apa ni *aircon* dan sebagainya saya rasa kursus-kursus ini sangat berguna. Kalau lepasan SPM ini dan mereka cuma saya bersedia supaya Kerajaan Negeri akan mengeluarkan dana. Dana ini bukan begitu

besar supaya untuk tanggung kos pekerja dan kita mungkin akan pilih apa ni pelajar-pelajar mereka gunakan banyak minat untuk buat satu minggu tentang itu *repair handphone* dan sebagainya. Jadi bukan sahaja kita bergantung-gantung semata-mata kepada PSDC kita juga mengadakan hubungan dengan ILP dan juga dengan JAPAN Malaysia Institute dan sebagainya so satu segi kita adakan inisiatif di pihak swasta. Satu lagi kita ada dari segi sektor awam dan kita juga minta ILP supaya mereka melonggarkan kemasukkan pelajar-pelajar, supaya ini tidak dipusatkan tetapi tiap-tiap ILP ini akan mengambil pekerja mungkin mereka dapat bajet daripada Kementerian Sumber Manusia dan sebagainya.

Jadi inilah proses-proses baru mula sebab lama 10 tahun kita tidak ada apa-apa hubungan dengan ILP. Sekarang okey, saya harap mereka pun minat saya rasa mereka bajet pun mereka pun sudah dikurangkan maka mereka ada minat untuk cari pelajar-pelajar dan saya rasa di sini pelajar-pelajar tidak perlu ada 5 kredit, kredit Bahasa Malaysia, kredit Matematik tidak payah. Sebab majoriti pelajar-pelajar yang gagal SPM tiada apa-apa tak kanlah kita kata semua gagal dalam kehidupan. Kita mesti bagi peluang kepada mereka dan inilah sekarang Kerajaan Negeri usahakan dan saya sendiri telah berjumpa dengan beberapa orang bukan dalam pihak sektor swasta, sektor awam tapi juga sektor swasta.

Sektor swasta ini kita guna *Penang Science Counsellor*. *Penang*, sorry *Penang STEM, Science, Technology, Engineering, Mathematic* dan sebagainya. Maka kita ada 6, 7 kluster di dalam *STEM* satu adalah *Tech Dome* di Komtar. Kita ada *science cluster* yang sebenarnya bagi apa ni kita beri kursus kepada pelajar-pelajar daripada sekolah rendah dan sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan kita juga ada (PDL) *Penang Digital Library*. Kita ada dua (2) di Pulau Pinang di pulau dan satu mungkin akan dibuka di seberang kita ada *is* apa ini (PDL) *Penang Digital Library* oleh MAIPP *Islamic Digital Library*. Kemudian baru-baru ini juga apa ini PSDC dan juga *Karpal Singh Mathematic Centre* supaya kita membuka kepada pelajar-pelajar boleh apa ni dapat pengetahuan dari segi segi apa ni *Electronic Digital Library* dan sebagainya.

Baru-baru ini atas kebenaran Ketua Menteri kita buka satu cawangan *drone technology* kita akan buat di Perai. Perai kita ada di kawasan saya itu bukan *bias* lah itu prejudis. Kita ada market yang lama yang tidak digunakan di Perai. Jadi kita minta apa ni MPSP supaya bagi kebenaran *market* itu tidak digunakan 2 tingkat supaya kita boleh pusatkan *drone technology* jadi kita dapat kebenaran dan ini kita rasa kita akan jalankan. Saya memang rasa memang beberapa bulan dahulu saya adakan satu satu perjumpaan tentang *drone technology* dan kita dapat juga pameran. Banyak ini budak-budak pelajar-pelajar minat tentang *drone* dan sebagainya. So inilah cara untuk menanam minat dalam sains, sebab kita mengetahui bahawa pelajar-pelajar yang ambil sains di sekolah-sekolah memang turun bukan, bukan sebab mereka tak minat dengan sains tapi cara pengajaran sains. Dan ini saya rasa terserah kepada Kementerian Pendidikanlah bagaimana mereka akan rombak ini pengajian sains dan teknologi. Bagaimana mereka akan apa ni menggunakan *method method* yang terbaharu.

Tetapi dari segi praktikal dari segi *empiric* kita boleh menanamkan minat apabila kita bagi pendedahan kepada pelajar-pelajar di peringkat rendah peringkat atasan dengan gunakan apa ini inisiatif STEM, inisiatif Kerajaan Negeri, inisiatif *drone* dan sebagainya so, mungkin semakin lama kita akan tambah apa itu apa ini kluster-kluster dalam STEM, Program STEM yang saya rasa semalam saya dengar tak silap apa ini Datok Keramat ada katakana. Saya rasa Pulau Pinang ini memang, memang sudah apa ini begitu berdepan dengan isu-isu ini sains dan teknologi dan saya rasa STEM tidak ada negeri lain.

Sebenarnya saya pun tahu bahawa Kerajaan Sarawak datang ke Pulau Pinang datang ke *Tech Dome* untuk mempelajari macam mana dan kita ini kakitangan kita ini telah pergi ke Negeri Sembilan untuk menubuh satu lagi pusat macam *Tech Dome* seperti di Negeri Sembilan dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya rasa satu kekurangan yang kita mesti terima bahawa pekerja kita ini memang kurang mahir. Kita tidak boleh bekalkan apa itu pakar-pakar teknik, *engineer* dan sebagainya. Cuma USM, USM ini saya rasa tak mampu keluarkan

so apabila saya dengar 3, 4 tahun dahulu apabila kilang-kilang yang mau datang dia minta 3,000 *engineer*, 4,000 *technician* mana kita mau cari. Yang ada tak dak mahir. So, jadi itulah kita rasa perkara-perkara ini perlu kita tangani perlu kita ambil inisiatif saya rasa walaupun kita juga kabur *maybe* kekaburan ini ada satu tanda yang baik. Tanpa kekaburan kita tidak boleh cari satu penyelesaian yang jangka panjang bagaimana kita akan melatih apa ini pelajar-pelajar kita supaya kita kita boleh menghadapi cabaran.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Mohon mencelah.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Saya cuma nak tahu ya tadi saya tertarik bila Yang Berhormat Perai telah menyatakan bahawa ada hasrat untuk menambahkan kluster-kluster di dalam STAM, *sorry* STEM pula, di dalam STEM. Jadi soalan saya ini memandangkan sekarang bila kita baca berita khususnya dari luar negara adanya inisiatif untuk menambahkan *arts* ke dalam STEM jadi ada juga permainan perkataan *acronym* mereka telah menukarkan kepada STEM dan juga ada inisiatif untuk menambahkan *religion* sekali. Jadi *acronym* bertambah pula ke STEM. Jadi saya nak tanya adakah hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membuat sedemikian dan jika ya apakah langkah-langkah tersebut. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih rakan dari Seri Delima. Isu ini adalah... isu ini, apa yang dikatakan, saya sebenarnya tidak ada halangan. Penciptaan, rekaan, ini semua ini, bergantung bukan sahaja pembelajaran teknik, kalau kita rujuk kepada seorang *physicist* dari Harvard. Yang menulis buku tentang '*The Paradigm Change*'. Dia sebutkan sebagai minda manusia yang sangat-sangat penting supaya kita memberi, kita... apa ni... memenuhi cabaran yang ada sekarang di dunia, dalam Industri 4.0 dan sebagainya. Jadi, STEM ini kita *purpose* kan kepada *Science, Technology, Engineering and Mathematic*. Tak salah kita boleh gunakan A juga, *Art*. Tak salah kita boleh gunakan C juga, *Culture*. Kita boleh gunakan R, sebab agama adalah sebahagian daripada budaya, so jadi tak salah sebab apabila kita melatih ataupun orang minda, dia mesti ada... apa ini... satu... satu gambaran saya rasa, saya sebutkan sebagai *composite* sebab *you* tidak boleh melatih seorang pelajar-pelajar cuma dalam dari segi teknik sahaja, agama penting, budaya penting, adat penting dan sebagainya. Jadi saya rasa tak salah apabila kita betul-betul memahami tentang isu apa itu sains, apa itu teknologi, so tanpa pengaruh budaya, tanpa pengaruh agama dan sebagainya, tidak ada apa yang disebutkan oleh... itu, seorang ni, profesor di Harvard, *no paradigm change*. So, apabila kita sebutkan ni, itu adalah dari segi *paradigm change*. Jadi, saya tiada apa-apa halangan, kalau kita mahu apa ni... tambah apa ni... huruf, saya tiada masalah. Okey?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat, minta laluan. Mengenai pembangunan kemahiran seperti yang YB. TKM telah menyatakan tadi. Pulau Pinang sudah menjadi *center of excellent*, ILP kita di Kepala Batas *the best HVAC, heating, ventilation and air-condition, Prai we have automation, we have JMTI, we have ILP Nibong Tebal, dan juga IKBN and also Giat Mara* semuanya satu memberikan, satu kelebihan kepada Pulau Pinang untuk bidang kemahiran ini, *we have our own PSDC* daripada untuk sektor swasta.

Soalan saya adalah, sedang kita ada banyak institusi- institusi ini, dan di institusi ini seorang pelajar itu tidak boleh melebihi, dia boleh ambil Sijil Kemahiran Malaysia tahap dua, tahap ketiga dan juga Diploma Kemahiran Malaysia. *That is the maximum they can go there...*(dengan izin), Tuan Yang di-Pertua. Adakah tak Kerajaan Negeri mempunyai rancangan *in future maybe in another 15 years, 20 years* sebab Penang *leads* dan juga

Penang adalah negeri yang sudah maju. Adakah perancangan untuk masa depan, untuk kita menubuhkan sendiri Penang Skill Development University seperti yang saya tanya dalam soalan bertulis dan juga ni.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Soalan akan dijawab nanti.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Okey. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Kita uruskan di Pulau Pinang, supaya. *Sorry*, minta maaf. Kita uruskan Pulau Pinang supaya kita mahu berdepan supaya untuk apa ini... tangani cabaran, Revolusi Industri 4.0. Tawaran digital ekonomi dan sebagainya. Ini bukan senang dan saya rasa Ketua Menteri pun setuju dengan saya bahawa sekarang ni apa semua, semua macam kabur sikit, tidak ada satu koordinasi. Saya rasa itu tak jadi masalah, macam isu apa ni digital ekonomi dan sebagainya. Saya rasa kalau tak silap bulan November kita adakan satu, satu persidangan yang saya rasa persidangan yang terbesar, mereka akan apa ni membuat persidangan di Pulau Pinang tentang isu *information*, *technology* dan sebagainya. Jadi Pulau Pinang merupakan satu tuan rumah beberapa inisiatif, kita mengalu-alukan. Kita juga pinjamkan pegawai-pegawai kita untuk membantu negeri-negeri lain seperti yang saya sebutkan tadi seperti di Sarawak, di Negeri Sembilan dan sebagainya. Jadi kita ni, bukan sahaja kita fokuskan pada sektor awam, sektor swasta mungkin lebih mudah, mungkin kita ada sejarah 10 tahun. Tapi kita juga ada sektor awam yang kita sudah ketinggalan oleh kerana politik ini tak betul, 10 tahun politik ini tak betul. Apabila politik ini sudah betulkan, maka kita tidak ada apa-apa halangan, supaya kita bekerjasama dengan beberapa institut di bawah sektor swasta. Jadi inilah, kita rasa, kita mau bincang sama mereka supaya bagaimana kita akan membawa mereka ke arah arus perdana. Jadi, kita rasa kita tidak mau meninggalkan mana-mana sektor. Kita mahu cantumkan semua dalam satu usaha besar, supaya kita mahu meningkatkan kemahiran di Pulau Pinang untuk masa depan.

Okey. Saya pergi kepada soalan Bagan Dalam tadi. Yang Berhormat Bagan Dalam mencadangkan agar Kerajaan Negeri melabur bagi menubuhkan Penang Skill Development University untuk mengasah bakat-bakat berpotensi di negeri Pulau Pinang. Saya, sekarang saya rasa negeri Pulau Pinang tidak ada apa-apa rancangan, kita pun faham bahawa PSDC adalah satu usaha pihak swasta tapi saya tidak faham kenapa universiti. Kalau universiti, mungkin kita mau bagi ijazah dan sebagainya. Tapi apa yang penting keperluan Pulau Pinang, saya rasa apa yang ada sekarang, PSDC memang cukup. Dan saya rasa apa yang kita perlu bukan sahaja, PSDC sahaja. PSDC ni satu contoh yang baik sekali dan ini dapat dilaung-laungkan di negeri-negeri lain. Tapi apa yang penting satu, bukan koordinasi kita juga beberapa institut di sektor awam. ILP ni dan juga beberapa kerajaan-kerajaan. Saya rasa, ini saya rasa kita boleh bekerjasama. Dan saya rasa cuma satu yang saya rasa kebaikan ni, kos mereka ni adalah terlalu rendah. Kebanyakan bajet ini adalah ditanggung oleh Kerajaan Pusat. Jadi, apabila, sudah, mungkin pendedahan, saya rasa ini kita mulakan di sekolah. Saya rasa sekolah ini, kaunseling. Saya pun tidak tau, macam mana apa yang dilakukan di sekolah. Isu kaunseling ni sangat-sangat penting. Saya ada bincang dengan beberapa pegawai di peringkat JPN. Kita perlu kaunseling, *can be effective*. Jadi apabila mereka menamatkan SPM, ataupun sebelum menamatkan SPM, di peringkat apa, kita beri pendedahan. Tak payah semua ni mau pergi universiti, tak salah mahu pergi university, tak salah mau dapat gred-gred yang baik. 7A ka, 8A ka, tak apa. Tapi, kita fokuskan kepada majoriti yang tak dapat kelulusan. Apa yang kita mau buat pada mereka. Saya rasa bukan mereka dapat diploma ka, sijil ka, maka mereka tidak ada, mereka akan hilang taraf dan sebagainya, tidak. Mungkin saya rasa peluang ini sangat lumayan, dan saya rasa gaji mereka pun tinggi juga. Lebih baik daripada mereka yang dapat ijazah daripada universiti.

So, soal sekarang ini, balik kepada objektif-objektif asal kita, bagaimana kita akan meningkatkan kemahiran di Pulau Pinang. Ke peringkat 50%, sekarang 32%. 50%. Kalau tidak ada, kita tidak mencapai ini, saya rasa kita akan hilangkan industri-industri yang bertaraf tinggi yang ada, apa ni yang ada *higher industry*. Sebab itu, kita mahu menarik industri-industri supaya kita ada pekerja-pekerja yang mahir. Jadi, kalau seorang pekerja ni tak dapat lulus, gagal pun tak kisah. Asalkan mereka ada *attitude*, asalkan mereka ada *interest*. Katakan, dalam Sains, dalam teknologi, bukan berdasarkan pada apa yang terdapat di alam sekolah-sekolah. Jadi, apabila saya sebutkan sekolah, ini perlu juga rombak. Bukan ikut apa ni, bagaimana mereka kekalkan selama ini. So, ini diperlukan. Sebab itu saya minta juga JPN supaya adakan, minta syarikat, sama ada syarikat dari segi swasta, minta mereka datang ke sekolah-sekolah. Minta datang ke JPN supaya satu pendedahan kepada pelajar-pelajar.

Jadi, kalau kita tak nak buat ini semua, akhirnya kitalah yang akan disalahkan. Pelajar-pelajar ini, inilah arus perdana kita sekarang. Saya rasa kita mau, kita mau tarik pelajar-pelajar supaya mereka ini sama ada mereka gagal, sama ada mereka lulus tak kisah, tapi mereka dapat satu tempat yang baik di mana mereka boleh maju. Jadi isu universiti tak timbul sekarang Bagan Dalam, sebab saya rasa isu ini fokus dia bukan kepada *tethering*. Kalau *tethering* fokus la kita, bukan saya menafikan *tethering* ini tidak melatih. Apa yang fokuskan kepada ini adalah sijil, diploma, *higher diploma*. Inilah yang akan melatih pakar-pakar teknik ke Pulau Pinang. Jadi, saya rasa ini fokus, bukan menafikan apa tu perkembangan institusi-institusi *tethering*.

Juga soalan kepada Bagan Dalam, supaya Kerajaan Negeri, janji tentang pembinaan sebuah Sekolah Menengah Tamil pertama di Pulau Pinang. Sebelum pilhan raya, Pakatan Harapan mengeluarkan ataupun membuat janji-janji sebelum pilhan raya yang lepas, dan dua, tiga tahun lepas ini, sebelum, kita menjalankan pilihan raya, mantan Ketua Menteri telah menulis surat kepada Kementerian Pelajaran supaya pergi, untuk mendapat kebenaran atau lesen untuk menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Tamil di Pulau Pinang. Saya ingat dia menulis dua (2) surat dan kedua-dua permintaan pun saya rasa tolak oleh Kementerian atas alasan bahawa ini memang tidak selaras dengan Akta Pendidikan dan sebagainya. Jadi, masa itu Ketua Menteri juga janji bahawa kita memang sedia tanah sama ada ini dibuat di Bagan Dalam ataupun di Batu Kawan belum dipasti tapi kalau kita dapat kebenaran masa itu memang Kerajaan Negeri bersedia untuk membina Sekolah Tamil. Isu, mungkin boleh tanya apakah ini Sekolah Menengah, apa erti sebenarnya. Maksud sekolah iaitu Sekolah Menengah Tamil. Saya rasa ini maksud tidak lain daripada Sekolah Kebangsaan Cina. Di mana mata pelajaran sama ada Tamil ataupun Kesusteraan Tamil adalah diwajibkan tapi semua lain adalah seperti sekolah biasa. Bahasa Malaysia, bahasa diwajibkan, mata pelajaran seperti sekolah biasa. Ini memang satu model, ada juga model lain tapi ini saya rasa lebih selaras dengan kurikulum kita, silibus kita dan sebagainya.

Kembali kepada janji Pakatan Harapan, saya rasa sehingga hari ini tidak ada perbincangan sama ada dalam Kabinet, memang Kabinet tidak ada perbincangan walaupun saya bukan hadir pada apa yang dibincangkan tapi memang ini sudah bincangkan dalam kumpulan wakil-wakil Pakatan Harapan dan isu ini saya rasa, saya sebenarnya mahu bincang perkara ini dengan Menteri Pendidikan tapi saya belum dapat peluang lagi tapi inilah antara janji-janji yang telah diberi oleh Pakatan Harapan kepada masyarakat India seperti UEC kepada masyarakat Cina dan sebagainya. So, jadi Mei 9hb genaplah satu tahun Pakatan Harapan, isu ini akan dibangkitkan supaya Pulau Pinang sudah jadi untuk pendidikan tanah untuk sekolah ini. Cuma, kita mahu mendapat kebenaran ataupun lesen daripada Kementerian ataupun daripada Kerajaan Pakatan Harapan di Putrajaya. Isu ini saya rasa akan dinaikkan dalam masa yang sesuai. Jadi, baru-baru ini, saya juga bincang perkara ini apabila kita buat satu perasmian di Sekolah Jenis Rendah, Sekolah Tamil di Valdor baru-baru ini.

Dan, pergi kepada soalan Bagan Dalam. Banyak soalan tadi. Ini soalan juga, tadi sudah tanya, tadi juga. Berkenaan kaedah yang digunakan adalah proses pengambilan pekerja dan kenaikan pangkat agar seimbang dari aspek jantina dan kaum. Ini memang dapat dibincangkan secara secara ringkas. Memang kalau kita berbalik kepada janji Pakatan

Harapan, memang kita mahu wujudkan sebuah negara yang akan tolak diskriminasi kaum, agama dan sebagainya. Ini mungkin adalah satu jangka panjang, ini tidak boleh dicapai dalam satu, dua hari ataupun tiga, empat tahun. Ini adalah Visi Pakatan Harapan dalam konteks Malaysia Baharu. Walau bagaimanapun, saya rasa. Kita balik, saya balik kepada dasar yang kita ambil di Kerajaan Pulau Pinang 2009, 2009. Di mana saya telah bentang satu kertas kerja di EXCO, di mana kerajaan pada masa itu Pakatan Rakyat. Kita perlukan wujudkan satu dasar keseimbangan mengenai pengambilan pekerja di agensi-agensi kerajaan termasuklah PDC, PBA, PBT dan juga agensi-agensi lain. Tidak dapat diterima oleh dan seimbang ini bermakna dari segi kaum, dari segi gender, dari segi OKU dan sebagainya. Jadi ini adalah satu dasar yang menyeluruh supaya kita apa ini mengurangkan keseimbangan pekerjaan, peluang pekerjaan. Jadi, memang saya rasa agensi-agensi Kerajaan Negeri memang apa sedar tentang kebajikan dan boleh saya katakan semua agensi sudah melaksanakan ini. Saya rasa PDC, PBA dan saya rasa PBT juga mengambil serius tentang dasar ini dan juga pelaksanaan berlaku secara mungkin bukan begitu cepat tapi memang atas keperluan dan juga atas apa ni kehendak mereka.

Jadi di samping itu juga, ada beberapa agensi Kerajaan Pakatan yang sebenarnya mungkin tidak tahu tentang dasar ini. Mungkin saya rasa selepas sesi DUN ini saya akan menulis surat untuk mengingatkan agensi-agensi ini bahawa hari ini dasar Kerajaan Negeri, jangan lupa ada dasar Kerajaan Negeri. Apa guna dasar kalau ada dasar kalau ini tidak dilaksanakan. Saya akan edarkan kepada agensi-agensi supaya mereka sedar tentang dasar ini dan kita harap bahawa dasar ini boleh dilaksanakan secara apa yang dikatakan bukan drastik tapi ambil kira dasar ini dan melaksanakan ini dengan apa nie dalam masa dalam masa yang tertentu. Yang tertentu. So, jadi saya akan buat ini. Jadi, memang kita ada dasar. Tidak ada negeri yang lain yang ada dasar ini. Kalau saya silap mungkin boleh bagi tahu sama saya. Jadi, ini memang pengambilan pekerja jadi apa ni ada dalam janji Pakatan Harapan dan rasa kita hampir langkah-langkah yang tertentu. Jadi, isu OKU ini. Ini saya juga, saya memang ada satu perkara ini. Lamalah OKU ni, Orang Kurang Upaya atau Orang Kelainan Upaya. *Sorry*. Bukan kurang upaya tapi kelainan upaya. Dari segi itu saya pun OKU juga kelainan upaya. Ini saya rasa nama yang baik, yang bagi pengiktirafan dan juga maruah kepada OKU. Jangan gunakan kurang upaya, kelainan upaya. Dan apabila kita katakan kelainan upaya maka kita menerima bahawa manusia ini tiap-tiap insan ini adalah kelainan upaya dan kita fokuskan ini merupakan satu serius isu. Bukan saja di Pulau Pinang, dari segi Nasional di mana mereka tidak dapat layanan sebaiknya. Jadi, kalau kita tidak melayan oleh kerana saya rasa tidak ada satu keputusan dari segi dasar ataupun undang-undang dari peringkat Pusat di mana mereka dapat hak-hak untuk mendapatkan pekerjaan.

So jadi, saya sendiri telah ambil usaha untuk melantik beberapa OKU misalnya di perpustakaan dan sebagainya dan saya dapat laporan bahawa OKU ini lebih rajin daripada orang seperti kita. Lebih rajin, lebih pandai. Jadi saya tidak tahu kenapa kita tidak mahu lantik mereka. Oleh kerana mereka ada stigma OKU. *I think*, jadi inilah yang kita perlu fikirkan supaya semua agensi-agensi kerajaan samada Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat mengambil serius ini supaya memberi peluang. Tak payah la tunggu untuk undang-undang dapat digubalkan, ini undang-undang saya rasa akan datang tapi terlebih dahulu memberi dari segi perikemanusiaan, memberi peluang kepada keluarga dan OKU sebab mereka rasa mereka pun menjadi manusia biasa...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat boleh? Boleh cepatkan sedikit.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Apabila Speaker kita berhenti?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Lagi dua minit lagi kita tambah.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Dua minit. Perlukan masa lagi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kalau tidak kita bersambung.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Bersambung. Bersambung. Okey

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Kawasan Prai. Kita bersambung selepas ini. Dewan ditangguhkan untuk hari Jumaat ini. Sembahyang dan selepas makan dewan akan bersidang kembali pada 2.45. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.40 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.45 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-hli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat dewan bersidang semula. Saya ingin jemput Perai untuk menyambung.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Speaker, soalan yang terakhir adalah Yang Berhormat Machang Bubuk telah memohon Kerajaan Negeri untuk memaklumkan keahlian jawatankuasa sekolah bantuan penuh kerajaan, proses pelaksanaan dan penglibatan ADUN di dalam jawatankuasa tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Machang Bubuk, Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bermesyuarat pada 3 Oktober 2018 telah meluluskan peruntukan setahun sebanyak RM3 juta untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah bantuan penuh kerajaan, sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Pulau Pinang dan penubuhan jawatankuasa khas sekolah bantuan penuh kerajaan. Keahlian jawatankuasa ini adalah seperti berikut;

Saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa MMK Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang), Yang Berhormat Teh Lai Heng (ADUN KOMTAR), Yang Berhormat Zulkifli Bin Ibrahim (ADUN Sungai Acheh) dan wakil dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan sekretariat adalah BPEN.

Prosedur dan proses kelulusan permohonan bantuan kewangan tersebut adalah seperti berikut; Pihak sekolah perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendidikan Daerah PPD. Kedua PPD akan menyelaras permohonan di peringkat daerah dan mengemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang akan menilai permohonan yang dibuat dan memberi keutamaan kepada permohonan yang melibatkan keselamatan dan pembelajaran dan pengajaran. JPNPP akan mengangkat permohonan tersebut kepada jawatankuasa khas sekolah bantuan penuh kerajaan yang dipengerusikan oleh saya dan peruntukan akan disalurkan ke dalam akaun

sekolah secara *outright grants*. Jawatankuasa khas sekolah bantuan penuh kerajaan telah memutuskan untuk menghadkan bantuan sebanyak RM20,000 sahaja bagi setiap sekolah.

Walau bagaimanapun, jawatankuasa boleh menggunakan budi bicara bagi permohonan daripada sekolah-sekolah yang berada di tahap kritikal dan memerlukan peruntukan lebih daripada RM20,000. Mesyuarat jawatankuasa khas sekolah bantuan penuh kerajaan pada 23 April telah meluluskan permohonan sebanyak RM3 juta untuk di bayar kepada 170 buah sekolah yang akan disalurkan kepada akaun bank sekolah masing-masing dan perincian peruntukan mengikut daerah adalah seperti berikut:

- (i) Seberang Perai Utara bilangan 40 sekolah jumlah adalah RM800,000;
- (ii) Seberang Perai Tengah 46 sekolah bilangan RM795,000;
- (iii) Seberang Perai Selatan 30 sekolah RM445,000;
- (iv) Timur Laut 33 sekolah RM587,000; dan
- (v) Barat Daya 20 sekolah RM373,000.

Jumlah adalah RM3 juta (170 sekolah), Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan supaya ADUN-ADUN dapat melibatkan diri dalam penyaluran bantuan kepada sekolah-sekolah bantuan penuh kepada kerajaan pada masa depan. Inilah soalan yang dikemukakan oleh Pulau Betong bahawa kita mungkin kita adakan satu (1) majlis. Majlis di mana penyampaian akan dibuat oleh Ketua Menteri dan mungkin kita akan jemput ADUN-ADUN daripada kawasan masing-masing supaya mereka akan melibatkan dalam proses penyaluran bantuan kepada sekolah-sekolah berkenaan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Yes.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Yang Berhormat Perai, terima kasih atas penjelasan yang telah diberikan. Cuma ada saya nak tahu satu kepastian iaitu maksud Yang Berhormat Perai adalah peruntukan sudah disalurkan secara terus EFT kepada *outright grants*.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Dalam proses.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Dalam proses, so adalah baiknya saya rasa. Saya setuju dengan Pulau Betong jika perlu adakan satu upacara kerana kami telah banyak kali di jemput oleh pihak sekolah dan di tanya-tanya tentang perkara ini dan adalah baiknya jika ADUN-ADUN dapat diberitahu bahawa wang itu sudah disalurkan. Maka kita juga apabila melawat sekolah atau sempena Hari Guru yang akan datang ini kita juga boleh maklum berita baik ini kepada sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan yang ada di kawasan masing-masing. Itu satu cadangan yang diberikan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okey, cadangan dengan baik sekali, saya rasa kita boleh buat semua ADUN di kawasan masing-masing dan cara apa ni, cara mereka akan melibatkan diri kita akan pastikan sama ada dalam majlis yang kita akan adakan. Mesti kita adakan majlis, di mana sekolah-sekolah akan di panggil ataupun mungkin 170 sekolah ini mungkin bilangan ini banyak sekali. Walaupun kita menggunakan cara yang lain supaya ADUN-ADUN boleh menyampaikan *mock cheque* di kawasan sekolah masing-masing. Cuma memberi tahu bahawa media dan juga

orang awam bahawa saluran ini adalah melalui ADUN-ADUN berkenaan. Jadi saya rasa, saya cadangan baik kita akan lihat macam mana kita akan melaksanakan ini.

Soalan yang terakhir. Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat –Yang Berhormat berkenaan dengan Perpustakaan Digital di Pulau Pinang. Mungkin ini dapat di timbul di fasa 2. Ia ditubuhkan 27 Januari 2019. Sejak penubuhan sehingga 1 Mei 2019 seramai hampir 26,000 pengguna telah mengunjungi PDL Fasa 2. Selain itu PDL 2 telah juga menerima sebanyak 17 kunjungan daripada insituti pendidikan tinggi, sekolah dan pihak swasta sejak pembukaan. Sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Behormat ADUN Air Putih PDL fasa 2 mempunyai permintaan yang amat menggalakkan dari pengguna dan Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa terdapat keperluan untuk menambahkan tempat letak kereta bagi PDL memandangkan terdapat peningkatan pengguna berbanding dengan jumlah pengguna semasa yang telah disasarkan semasa projek dilaksanakan. Sehubungan dengan ini Kerajaan Negeri telah mencadangkan untuk membuat penambahan tempat letak kereta di kawasan perkarangan bangunan PDL yang telah tidak digunakan.

Satu perbincangan telah diadakan bersama dengan pihak arkitek PDL fasa 2 iaitu BETA Arkitek plt. untuk membuat pengiraan dan reka bentuk bagi tempat letak kereta tersebut. Ia akan direka khas supaya ia ini mampu berperanan sebagai tempat parkir serta boleh menyerap air hujan sebagai *rain station port*. Penambahan tempat letak kereta bagi PDL di jangka dapat disiapkan pada tahun ini. Jadi itulah apa ini jawapan-jawapan saya kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan dengan ini saya terus menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Perai, sebelum saya minta Pinang Tunggal dalam kesempatan ini memandangkan bahawa hari ini adalah Hari Kebebasan Akhbar Sedunia, so maka kepada rakan-rakan media, para wartawan, aya mengucapkan selamat menyambut Hari Kebebasan Akhbar Sedunia. Seterusnya saya silakan Pinang Tunggal untuk menggulung.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Assalammualaikum W.B.T dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang (Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang), Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow (Ketua Menteri Pulau Pinang), Yang Berhormat Professor Dr. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Yang Berhormat Encik Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor (Ketua Pembangkang), Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana diberi kesempatan untuk kita bertemu dan berkumpul dalam Dewan yang mulia ini bagi menghadiri Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas pada petang yang mulia ini untuk membawa amanah dan harapan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-Ahli Yang terhormat yang telah turut serta mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas ucapan perasmian oleh Tuan Yang Terutama sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas Negeri Pulau Pinang, khususnya yang melibatkan portfolio Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat yang telah diamanahkan kepada saya.

Terlebih dahulu, izinkan saya untuk merakamkan penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua khususnya mengenai isu-isu yang menyentuh tanggungjawab di bawah portfolio saya. Saya menyambut baik ucapan perasmian oleh Tuan Yang Terutama sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas Negeri Pulau Pinang, yang menyentuh pelbagai aspek pentadbiran dan

pembangunan negeri sejajar dengan Visi Penang2030 yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang terhormat sekalian, dengan kekuatan sumber yang dimiliki serta asas ekonomi yang teguh, pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang terus kekal berkembang secara positif. Sektor industri khususnya pembuatan terus kekal sebagai salah satu teras utama yang memberi sumbangan besar kepada ekonomi Pulau Pinang. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang terus dipacu dengan pencapaian prestasi kewangan Kerajaan Negeri yang stabil dan kukuh. Walaupun defisit dalam belanjawan pencapaian ini juga membuktikan bahawa dasar Kerajaan Negeri di atas pengurusan kewangan berteraskan Cepak, Akauntabiliti dan Telus (CAT) telah terbukti di samping tindakan perbelanjaan secara berhemah dan berprinsipkan *value for money*. Walaupun dengan segala halangan atau cabaran yang dihadapi oleh situasi ekonomi global masakini, Kerajaan Negeri tetap optimis Pulau Pinang akan terus dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan gagasan Penang 2030 dapat direalisasikan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di samping kemajuan yang dikecapi dalam pembangunan serta pertumbuhan ekonomi yang kukuh, ianya haruslah juga diimbangi dengan kemajuan dalam aspek pembangunan modal insan bagi melahirkan masyarakat yang memiliki nilai-nilai murni kemanusiaan sejagat. Tidak akan berjaya sesebuah kerajaan dan sistem pentadbirannya malah lebih-lebih lagi untuk menyaingi orang lain sekiranya sumber tenaga manusia yang akan menentukan jatuh bangun sesebuah organisasi atau kerajaan itu tidak dicorakkan dengan acuan yang berpandukan kepada prinsip-prinsip serta nilai-nilai murni sejagat.

Tatkala rakyat di kebanyakan negara di dunia berfokus kepada menangani isu ekonomi dan kehidupan mereka, kita masih ada keazaman dan kesungguhan untuk mengajak rakyat negeri ini mengembalikan nilai kemanusiaan di dalam masyarakat itu sendiri. Maka dengan itu, kita harus memerhati dan menilai dengan teliti gagasan Penang2030 yang antara lainnya, memberi tumpuan kepada nilai-nilai kekeluargaan. Selain dasar-dasar yang berpaksikan kepada kemajuan fizikal bagi kesejahteraan rakyat, elemen kekeluargaan adalah sesuatu yang utama dalam kehidupan kita. Lebih daripada itu, apabila memikirkan seseorang itu adalah sebahagian daripada keluarga kita, maka pemikiran akan terarah untuk melihat keluarga itu sebagai sebuah unit asas dalam sistem bermasyarakat, bukan sahaja membolehkan sistem sokongan kepada golongan sasaran dapat dibangunkan, malah sistem itu berkesan untuk jangka masa sederhana dan panjang untuk melahirkan masyarakat yang bercirikan '*khaira ummah*' yang bermaksud untuk menjadikan ummah ini sebagai sebaik-baik ummah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh Hal Ehwal Agama Islam 'Gagasan Membangunkan Khaira Ummah'. Umat Islam di Pulau Pinang sejak zaman berzaman telah menunjukkan kemampuan dan kebijaksanaan yang mengagumkan. Bermula pada tahun 1974 lagi masjid pertama didirikan di Batu Uban menjadi asas dan syiar bahawa Pulau Pinang telah disirami dengan hidayah Islam seawal kurun ke-18. Mengikut sejarah Francis Light menjejak kaki di Pulau Pinang 1786, sedikit sejarah la. Peranan Pulau Pinang sebagai pusat kegiatan ilmu kemudian dimantapkan lagi dengan tertubuhnya pondok pengajian Islam yang dibangunkan oleh para ulama dan ilmuan ketika itu. Antara pondok pengajian yang terawal dan masih lagi wujud hingga hari ini adalah Madrasah Al Ahmadiyah Al Ijtimaiah di Padang Lalang, Bukit Mertajam yang didirikan oleh Tuan Guru Haji Ahmad bin Abdul Rahman pada tahun 1896. Pada 1916 Madrasah AL Mashoor ditubuhkan oleh Syed Syeikh Al Hadi yang mana sistem pengajian madrasah ini menjadi contoh penubuhan sistem sekolah agama yang ada pada hari ini. Malahan, semangat kemerdekaan Tanah Melayu juga ditiup dari Pulau Pinang dengan penerbitan Majalah Al-Ikhwan pada 1926 dan Akhbar Saudara pada 1928. Jadi Penang sekali lagi *lead* di sini.

Sebenarnya banyak lagi, pencapaian dan kegemilangan Islam yang bermula daripada Pulau Pinang yang terdapat dalam catatan sejarah. Namun yang lebih penting daripada itu adalah bagaimanakah kegemilangan dan kecemerlangan tersebut dapat dicapai sekali lagi pada masa kini. Salah satu langkah yang akan diambil adalah dengan membawa agenda berteraskan ajaran Islam itu sendiri. Semua sedia maklum bahawa kemajuan dan kecemerlangan tidak boleh berteraskan agenda bangsa semata-mata sepertimana yang diungkapkan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dalam khutbah terakhir baginda, “Wahai sekalian manusia! Rabb kalian satu, dan ayah kalian satu (maksudnya Nabi Adam). Ingatlah. Tidak ada kelebihan bagi orang Arab atas orang Ajam (bukan Arab) dan bagi orang Ajam atas orang Arab, tidak ada kelebihan bagi orang berkulit merah atas orang berkulit hitam, bagi orang berkulit hitam atas orang berkulit merah kecuali dengan ketakwaan, kebaikan”.

Atas rasa keinsafan tersebut dan demi menyambut agenda gagasan Penang2030, maka Gagasan Membangun Khaira Ummah diilhamkan dengan mengambil inti penting seruan Al-Quran dalam Surah Ali Imran Ayat 110,...(*bacaan ayat Al-Quran*), “Kamu adalah umat yang terbaik yang ditampilkan untuk umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah”. Jelas ya? Gagasan membangun khaira ummah ini adalah sebagai satu landasan dan panduan dalam pelaksanaan program dan projek yang melibatkan kepentingan masyarakat Islam di Pulau Pinang yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan selari dengan hasrat yang digariskan oleh gagasan Penang2030. Bagi melaksanakan gagasan membangun khaira ummah ini terdapat tiga prinsip utama terangkum dalam Surah Ali Imran Ayat 110 yang perlu dipatuhi iaitu:

- (i) Beriman kepada Allah dan Rasul
- (ii) Amar Makruf (menyuruh berbuat baik)
- (iii) Nahi Mungkar (mencegah daripada membuat kemungkaran)

Bagi pelaksanaan program pula terdapat empat elemen utama dalam gagasan ini yang akan diberikan perhatian dan penekanan iaitu yang pertama, memugar budaya ilmu. Elemen ini adalah untuk memugar kembali budaya ilmu dalam kalangan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Tumpuan dalam bidang pendidikan ini tidak hanya sekadar untuk mencapai kecemerlangan namun juga akan memberikan tumpuan khusus kepada anak-anak kita yang lemah dan tercicir disebabkan desakan hidup yang daif agar mereka juga dapat keluar dari kedaifan dan kemiskinan. Keutamaan untuk membangunkan umat berteraskan ilmu pengetahuan adalah selari dengan hadis Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam yang menyatakan, “Barang siapa yang menginginkan dunia maka hendaklah berilmu. Barang siapa yang menginginkan akhirat, maka hendaklah dengan ilmu. Barang siapa yang menginginkan keduanya, maka hendaklah juga dengan ilmu”. Sebagaimana yang semua maklum usaha membangunkan budaya ilmu sentiasa dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hal ini dimantapkan lagi apabila tertubuhnya *Penang Digital Library* dan *Islamic Digital Library* yang pertama di Malaysia. *Again Penang lead* di sini.

Langkah penyuburan budaya ilmu ini juga akan diteruskan dengan penubuhan Institut Syed Syeikh Al-Hadi yang akan ditubuhkan tidak lama lagi. Usaha ini adalah salah satu pengiktirafan Kerajaan Negeri kepada perjuangan tokoh besar yang telah menyumbang jasa dan bakti kepada Negeri Pulau Pinang khususnya. Cadangan penubuhan institut ini juga selari dengan manifesto Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pilihan raya yang lepas. Maka dengan itu, pihak kerajaan sememangnya bersungguh-sungguh mempertingkatkan usaha untuk menyuburkan budaya ilmu untuk mencapai kecemerlangan di dunia dan di akhirat.

Ketika sidang Dewan yang lalu, saya telah mencetuskan idea untuk menubuhkan KAFA menengah sebagai salah satu usaha melengkapkan sistem pendidikan Islam dari peringkat rendah hingga menengah. Untuk itu, pihak JHEAIPP telah diminta untuk merangka modul dan perancangan gerak kerja penubuhan KAFA menengah. Semenjak dari itu,

beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah dilaksanakan bagi meneliti cadangan tersebut. Besar harapan saya agar pihak JHEAIPP dapat memastikan penubuhan KAFA menengah ini boleh dilaksanakan pada suku kedua tahun ini dengan pelaksanaan *pilot project* terlebih dahulu. Dengan penubuhan KAFA menengah ini, diharapkan akan dapat membantu menyelesaikan masalah sosial yang banyak terjadi dalam kalangan pelajar tercicir dan bermasalah di sekolah menengah. Di samping itu, penubuhan KAFA menengah ini diharap dapat membantu meningkatkan pengurusan ilmu pengetahuan asas agama dan fardhu ain di peringkat menengah.

Sebagai makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini terdapat sejumlah 204 KAFA rendah di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan jumlah pelajar seramai 43,854 orang. Manakala bilangan guru sedia adalah seramai 1,604 orang. Walaupun begitu dengan jumlah sumber yang terhad, KAFA Pulau Pinang telah berjaya memperolehi keputusan yang terbaik peringkat nasional, kebangsaan dalam Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) bagi dua tahun berturut-turut, pada tahun 2017 dan 2018.

Elemen yang kedua ialah EQ iaitu mencontohi Akhlak Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam. Kita ingin membangunkan masyarakat yang maju tetapi dalam masa yang sama juga mempunyai nilai akhlak yang mulia sepertimana yang ditekankan oleh Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam bahawa baginda diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Justeru, pengajian masjid dan surau perlu mempertingkatkan pengajian yang mendidik umat agar mencontohi qudwah iaitu *Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam* dalam kehidupan seharian. Akhlak yang mulia merupakan tiang seri kejayaan sesuatu umat. Ini terbukti dengan sempurnanya akhlak kaum muslimin di bawah binaan *Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam*, mereka mampu mencapai kejayaan dan kemuliaan yang belum pernah dicapai umat sebelumnya. Kita sedia maklum bahawa masjid dengan umat Islam ini bagaikan orang dengan bayang-bayang. Kewujudan masjid pada satu-satu tempat itu adalah petunjuk kepada wujudnya masyarakat Islam di situ. Justeru masjid adalah sebenarnya syiar Islam yang sangat diutamakan dalam Islam. Di dalam sirah, ia adalah *awlawiyyat* yang didahulukan oleh *Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam* semasa memulakan pembentukan negara dan kerajaan Islam di Madinah. Ketika itu, masjid berperanan sebagai pusat segala-gala aktiviti yang berkaitan dengan kehidupan orang Islam. Melihat kepada peranan masjid yang begitu besar kepada umat Islam, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya akan memberikan fokus penting ke arah meningkatkan martabat institusi masjid ke tahap yang sepatutnya sebagai teras dalam membangunkan khaira ummah.

Masjid sewajarnya menjadi agen perubahan ummah. Justeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun ini telah memperuntukkan RM5.55 juta bagi menjalankan kerja-kerja pembangunan dan baik pulih prasarana masjid dan surau pada tahun ini. Kerajaan Negeri akan sentiasa mempertimbangkan permohonan bina baharu mahupun baik pulih masjid dan surau di negeri ini mengikut keperluan semasa. Masjid dan masyarakat ibarat jantung dan manusia. Badan yang sihat bergantung kepada jantung yang sihat. Begitu juga dengan masyarakat, masyarakat yang sihat pastinya bergantung kepada masjid yang sihat. Dalam konteks ini, masjid yang sihat merujuk kepada masjid yang berupaya berperanan dan berfungsi dengan sebaik-baiknya. Program Jelajah Masjid adalah salah satu usaha untuk kita turun padang melihat perkembangan masjid-masjid di Pulau Pinang serta mendapat maklum balas terus dari kepimpinan akar umbi masjid dan surau. Dengan sasaran 24 buah masjid untuk Program Jelajah Masjid dan 24 buah masjid untuk Program Gerakan Subuh pada tahun ini menjadikan keseluruhan 48 buah masjid di seluruh Negeri Pulau Pinang akan mendapat manfaat dari program rutin setiap tahun. Usaha murni ini adalah antara matlamat untuk berusaha ke arah memasyarakatkan masjid dan memasjidkan masyarakat.

Ketiga, memantapkan akidah dan amalan kerohanian. Penekanan kepada elemen spiritual ini adalah kerana semakin hari semakin banyak ajaran dan fahaman yang meleset dan terpesong dari ajaran Islam yang banyak berselindung di sebalik kerohanian dan kebatinan. Justeru, pihak kerajaan akan memastikan bentuk pengajian akidah dimantapkan kepada seluruh umat Islam. Dalam masa yang sama, pihak Kerajaan Negeri telah

melaksanakan program meningkatkan amalan kerohanian dengan memulakan program Gerakan Subuh Berjemaah yang dilaksanakan setiap dua (2) minggu untuk menggalakkan umat Islam dekat dengan masjid dan mencintai masjid. Suasana suram ketika solat subuh berjemaah boleh diubah dengan menggerakkan program Gerakan Subuh Berjemaah agar natijahnya nanti solat subuh di masjid akan menjadi seramai solat Jumaat. Dengan cara ini, kita dapat membentuk umat Islam yang bersatu padu sebagaimana pepatah Melayu menyebut, “serumpun bak serai, sesusun bak sirih”.

Yang keempat ialah untuk mengamalkan budaya hidup yang sihat. Statistik penyakit kronik yang terkini menunjukkan bahawa umat Islam tidak mengamalkan budaya hidup yang sihat. Ramai umat Islam yang diserang pelbagai penyakit lantaran daripada kurang bersenam dan makan berlebihan. Ini sama sekali tidak sejajar dengan seruan Islam. Imam mazhab kita yang mulia iaitu Imam As-Syafie mengungkapkan dalam Kitab Siyar A'lam An-Nubala yang berkata, “kekenyangan membuat badan menjadi berat, hati menjadi keras, menghilangkan kecerdasan, membuat sering tidur dan lemah untuk beribadah”. Ada sesiapa yang tidur? Maka dengan ini semua pihak termasuk masjid juga perlu memastikan bahawa program yang dirancang bukan sekadar kenduri semata-mata tetapi juga perlu ditambah dengan program kecergasan agar umat menjadi umat yang sihat dan berguna kepada agama dan negara. Elemen ini juga dapat mendekatkan anak muda dengan acara dan program yang digemari. Gagasan membangun khaira ummah ini juga akan membantu pihak Kerajaan Negeri dalam menjayakan Visi Penang2030 iaitu sebuah visi untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang berorientasikan kekeluargaan, hijau, pintar. Gagasan pembangunan khaira ummah dirangka khusus untuk strategi dan model untuk pembangunan umat Islam Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan. Menjawab soalan ADUN Sungai Dua mengenai isu tanah perkuburan kawasan Sungai Dua yang semakin sempit, Mesyuarat Penyelaras Cadangan Pengambilan Balik Tanah untuk tujuan keagamaan Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 23 April yang lepas, dipengerusikan oleh saya sendiri. Mesyuarat telah membincangkan banyak perkaralah yang membabitkan keperluan tanah tambahan kepada masjid-masjid dan surau-surau. Kita mengambil pendekatan untuk menyenaraikan permohonan-permohonan tersebut dan akan dikemukakan permohonan peruntukan pengambilan balik tanah pasda masa yang akan datang.

Mengenai cadangan membina masjid baharu kawasan Sungai Lokan kerana masjid sedia ada telah padat dan tidak mampu menampung bilangan jemaah. Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa Kariah Masjid Sungai Lokan pada 18 April yang lepas. Dan hasil perbincangan tersebut kita telah mengarahkan Jabatan Hal Ehwal Agama memohon peruntukan daripada Pejabat Pembangunan Persekutuan untuk cadangan membina masjid baru dengan anggaran kos RM5 juta dengan nisbah perkongsian peruntukan 70% Kerajaan Persekutuan dan 30% Kerajaan Negeri seperti program-program pembinaan masjid di Pulau Pinang pada masa-masa yang lepas.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Penaga mengenai sebaran agama lain kepada penganut Islam. Sebagaimana jawapan saya kepada soalan bertulis berhubung dengan isu pengedaran *bible* kepada orang Islam yang berlaku baru-baru ini, pihak Jabatan Agama Islam dan penguatkuasa agama berkolaborasi dengan pihak PDRM dan agensi-agensi lain bagi membendung kejadian seperti ini daripada berulang. Pada dasarnya hak untuk beragama selain daripada agama Islam adalah termaktub di dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan bahawa Islam adalah agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan termasuklah di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, bagi melindungi kesucian agama Islam, Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa Undang-Undang Negeri, dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Undang-Undang Persekutuan boleh

mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganut agama Islam. Dalam konteks ini, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1956, di bawah Seksyen 5, telah memperuntukkan bahawa tindakan boleh diambil ke atas orang yang mengembang doktrin atau kepercayaan agama selain daripada agama Islam kepada orang Islam dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Selain itu, Seksyen 298A Kanun Keseksaan juga memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan terhadap perbuatan yang boleh menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau permusuhan, benci membenci atau niat jahat atau memudaratkan keadaan harmoni atau perpaduan atas alasan agama.

YB. ADUN Penaga juga ada mencadangkan konsep Rahmatan Lil Alamin selaras dengan dasar Kerajaan Negeri mengelakkan isu lampu berlambang Salib di tempat yang tidak sepatutnya. Konsep Rahmatan Lil Alamin telah dilaksanakan di peringkat Negeri Pulau Pinang semenjak tahun 2015 lagi sebelum dijadikan sebagai konsep menyeluruh di peringkat persekutuan pada tahun yang lepas. Konsep rahmatan lil alamin yang diperkenalkan di peringkat Negeri Pulau Pinang telah difahami oleh semua peringkat barisan pimpinan di Dewan Undangan Negeri seluruh Negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, pihak Kerajaan Negeri juga turut mengambil berat isu lampu berlambang salib yang tular di media massa, di mana pihak Kerajaan Negeri telah mengarahkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan pihak pemaju mengambil beberapa langkah penyelesaian bagi mengelakkan ketegangan di kalangan masyarakat serta boleh menimbulkan kekeruhan suasana. Untuk Majlis Syura Kerajaan Negeri pula, Majlis Syura ditubuhkan pada tahun 2010 dan berperanan sebagai penasihat dan pencetus idea kepada pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri di Pulau Pinang.

Bagi menjawab soalan YB. ADUN, tak ada jadi saya *skiplah*, Pulau Betong pun tak ada saya skip juga. Bayan Lepas oh ada? Nasib baik.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada, tak lepas.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Bayan Lepas mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memberikan bantuan elaun khas kepada para imam yang telah tamat perkhidmatan. Kerajaan Negeri akan meneliti dan membuat kajian lanjut berhubung cadangan memberikan bantuan khas bulanan bagi Imam-Iman yang telah tamat perkhidmatan mereka sebagai penghargaan berdasarkan justifikasi keperluan yang munasabah namun begitu kita menggalakkan masjid-masjid dan kariah-kariah yang terlibat memainkan peranan tersebut. Bagi Siak-Siak masjid yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri dan juga MAINPP telah membayar imbuhan bulanan sebanyak RM360.00 bagi setiap orang Siak. Bagi Siak-Siak surau, tiada cadangan setakat ini untuk membayar imbuhan bulanan.

Mengenai isu kelewatan pembinaan Sekolah Al-Itqan, Teluk Kumbar yang juga dibangkitkan oleh YB. ADUN Bayan Lepas. Kerajaan Negeri seperti yang telah dijelaskan dalam jawapan bertulis, kelewatan ini adalah berpunca daripada beberapa faktor melibatkan pemaju perumahan PR1MA dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MBPP yang perlu dipatuhikan oleh pemaju tersebut. Walau bagaimanapun kita akan meneliti perkara ini secara lebih *detail* bersama pihak-pihak yang terlibat untuk mencari jalan penyelesaian. Kerana difahamkan ada beberapa keputusan yang telah dibuat pada masa-masa yang lepas.

Bagi menjawab saranan YB. ADUN Penanti, Penanti ada? Senyum saja Penanti. Zakat Pulau Pinang dapat beri lebih peluang kepada anak-anak asnaf untuk mendapatkan pekerjaan melalui program-program usaha sama bersama sektor swasta melalui latihan dan kursus. Ingin dimaklumkan ZPP memang telah pun menjalinkan kerjasama dengan beberapa buah badan latihan antaranya :

- (i) Penang Skills Development Centre sejak tahun 2015 lagi dan telah melatih seramai 317 orang pelajar asnaf dengan kemahiran vokasional dengan peruntukan sebanyak RM1.2 juta setahun;
- (ii) Dengan Naza Academy sejak tahun 2016 seramai 120 orang pelajar iaitu di dalam kemahiran automatif dan dengan peruntukan tahunan sebanyak RM900,000; dan juga
- (iii) Akedemi Binaan Malaysia 2018 yang sedang melatih 20 orang pelajar asnaf dalam bidang pengendalian jentera berat seperti *excavator* dan *crane* dengan peruntukan tahunan sebanyak RM350,000 setahun.

Dan baru-baru, ZPP juga telah memulakan kerjasama dengan *Kulim Advance Technologies Sdn Bhd* melatih 20 orang pelajar asnaf dalam pemesinan *Computer Numerical Control (CNC)* ini yang selalu disebutkan oleh Penanti ya dan QSR Brand juga menawarkan pengajian Diploma Pengurusan Restoran kepada 500 orang pelajar asnaf dan MOU dengan pihak *Optopreneur College* menawarkan 100 tempat kepada pelajar-pelajar asnaf Pulau Pinang mengikuti pengajian di peringkat Sijil dan Diploma sambil bekerja separuh masa di seluruh negara. Ke semua usahasama ini bukan sahaja menyediakan tempat belajar kemahiran kepada pelajar-pelajar golongan asnaf malah dijanjikan pekerjaan di dalam sektor berkenaan sebaik mereka menamatkan pengajian.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak tanya so jawapan dia akan ditambah ke tak yang dalam *robotics* dan *automation* sebab macam kelmarin pun kita buat lagi *second round* dan saya nak mohonlah kalau boleh jawapan daripada YB TKM I boleh dapat tambahkan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya jawab tambah atau tidak sahaja, tidak tahun ini tidak. Mungkin tahun depan *Insyallah*. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli Dewan sekalian, saya menyentuh pembangunan industri pula. Jawatankuasa MMK Pembangunan Industri telah memainkan peranannya untuk menyediakan polisi, dasar dan perancangan keseluruhan aktiviti serta program yang berkaitan dengan pembangunan industri di Pulau Pinang. Dalam hubungan ini, beberapa program telah dirancang pada tahun 2019 bertujuan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat perindustrian yang berdaya maju dengan menumpukan kepada Teras Ke-2 gagasan *Penang2030* iaitu menaik taraf ekonomi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah, *upgrade the economy to raise household income*. Pencapaian kepada teras tersebut harus dilihat melalui program-program yang boleh mempercepatkan kesediaan industri pembuatan tempatan, khususnya industri kecil dan sederhana seiring perkembangan digital tanpa mengabaikan aspek pembangunan ekonomi hijau dan mesra alam sekitar.

Di samping itu, melalui agensi-agensi negeri dan persekutuan mahu pun pihak swasta, Kerajaan Negeri juga akan terus memupuk ekosistem yang kondusif ke arah menyokong industri kreatif serta perkhidmatan perniagaan yang kini berkembang pesat. Sebagai contoh menyedari potensi besar industri kreatif dan perkhidmatan perniagaan, Kerajaan Negeri melalui *investPenang* dan Perbadanan Pembangunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah melancarkan program perintis pemula niaga dinamakan "*Penang Accelerator For Creative, Analytics & Technology (@CAT Penang)*" di Wisma Yeap Chor Ee. Objektif utama Program *@CAT Penang* ialah untuk memupuk dan mengembangkan ekosistem dan komuniti...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Mohon celah, saya cuma tahu nak tarik perhatian sedikit mengenai satu isu yang baru-baru berlaku ini ia mengenai sebuah kuliah video kuliah yang telah dimuatnaik oleh seorang Ustaz nama dia, Ustaz Mohd Hidayat Bin Mohd Suhaimi dalam video tersebut dia telah menyatakan bahawa wanita yang tidak berhijab layak dicabuli dan dizina dia punya kenyataan *exact word...*(dengan izin) saya rasa tak perlu diulangi lagilah tapi bila kita mendengar

mengenai laporan seperti ini dia menunjukkan bahawa *mindset* macam ini masih lagi wujud dan dia dapat menyemaikan perasaan kebencian dan juga *extremis* jadi walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang telahpun dikatakan telah di *adopt*...(dengan izin). Dasar Keterangkuman Gender dan sebagainya saya rasa benda ini perlu kita lihat dari segi apakah cara yang lebih baik untuk Kerajaan Negeri supaya kita dapat tangani perkara-perkara macam ini dari merebak dan pada masa yang sama mungkin kita boleh cari jalan untuk membendung sebab bila kita mendengar mengenai pembangunan ekonomi dan semuanya kita pun tahu kaum wanita mempermain peranan yang penting.

Jadi pada masa yang sama saya rasa Permatang Pasir pun ada juga menyebut sedikit mengenai pemantauan dan penguatkuasaan ataupun pemantauan dari segi khutbah tapi itu saya tak nak komenlah tapi dia ada sangkut paut di mana saya rasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang pun boleh memperkukuh lagi keadaan dan juga dari segi pemantauan dan penguatkuasaan. Apakah langkah-langkah kita untuk mencapainya visi Pulau Pinang 2030 sebab walaupun perkara ini tak dilaporkan, *Insyallah* tak lagi tak berlaku di Pulau Pinang tapi sebelum perkara ini berlaku kita perlu mengambil perkara ini dengan serius jadi apakah langkah untuk kita membendung perkara-perkara ini dari merebak?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Dato' Yang di-Pertua, saya sedang...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya tahu, saya cuma nak peringatkan juga sudah masuk ke topik lain dia pusing balik, itu terpulang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Okey kita ambil maklum dia terkandunglah apa nama apa program-program yang kita jalankan di masjid-masjid penerangan-penerangan yang kita berikan kepada masyarakat dan juga peruntukan-peruntukan yang ada di dalam apa nama perundangan kita saya rasa cukup memang memadai bagi kita menangi perkara-perkara tersebut cuma mungkin pemantauan ataupun tindakan-tindakan kadang-kadang mungkin kadang-kadang ada insiden yang terlepas, *remote incident* yang terlepas daripada pandangan kita *but* kita ambil maklum apa yang dicadangkan oleh Seri Delima. Terima kasih.

Di samping itu, terdapat juga program-program sampingan yang disertai oleh Kerajaan Negeri melalui PDC dan investPenang anjuran MIDA dan SME Corp. dalam aktiviti industri pembuatan dan industri desa (*cottage industry*) yang meliputi pepadanan perniagaan (*business matching*) dan *showcase* usahawan IKS diperingkat tempatan dan juga ASEAN antara melalui kerjasama pembangunan IMTGT Dewan-Dewan Perniagaan, Persatuan Perdagangan & Industri dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Kerajaan Negeri melalui portfolio MMK Pembangunan Industri juga telah mengambil langkah pelaksanaan untuk menyelaraskan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan industri dengan menubuhkan satu jawatankuasa iaitu "*Business and Industrial Park Enhancemant Council*" pada awal tahun ini dipengerusikan oleh saya sendiri dan PDC sebagai urusetia.

Jawatankuasa ini antara lain, diberi peranan untuk melihat dan meneliti isu-isu berkaitan kuasa dan bidang kuasa agensi-agensi yang terlibat dengan kerja-kerja penyelenggaraan, naiktaraf serta pemuliharaan khususnya di kawasan-kawasan industri yang dibina oleh Kerajaan Negeri dan PDC. Setakat ini daripada maklumbalas yang diterima terdapat pencanggahan atau pertindihan di antara agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan, JKR dan JPS dan pemaju kawasan industri sendiri mengenai bidang kuasa untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan parit / saliran di kawasan-kawasan industri tertentu. BIPEC akan meneliti isu-isu seumpama ini dan penyelarasan akan dibuat supaya masalah ini dapat diselesaikan di antara semua agensi terlibat supaya kawasan-kawasan industri kita terjaga dengan baik. Saya juga telah mengadakan lawatan dan dialog industri dengan beberapa pihak untuk membantu memperkukuhkan lagi pembangunan industri di Pulau Pinang.

Lawatan saya ke Kilang Dufu Technology Corp. Berhad di *Free Trade Zone* Bayan Lepas pada 8 Januari 2019 telah mendapati bahawa Pulau Pinang mampu terus maju memacu pertumbuhan dalam bidang pembuatan.

Pihak Kerajaan Negeri juga akan terus berusaha untuk merapatkan hubungan dengan persatuan pelabur terutama sekali dari luar negara agar terus mengekalkan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan utama pelaburan mereka. *Insyallah* dengan kemudahan fizikal infrastruktur dan modal insan yang mahir dan separa mahir, Pulau Pinang akan terus menjadi pilihan utama.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli Dewan sekalian, bagi menjawab soalan YB. ADUN Permatang Pasir tidak ada saya *skip*. Banyak kena *skip*. Saya menyentuh pula hal MMK Perhubungan Masyarakat. Pengurusan Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti (MPKK). Sebagaimana kita sedia maklum, sebelum ini, pengurusan JKKK adalah di bawah Kerajaan Negeri. Selepas Mei 2018, PRU14, apabila Pakatan Harapan mengambil alih tampuk Kerajaan Persekutuan penambahbaikan melalui penstrukturan semula telah dilaksanakan. Institusi JKKK diteruskan dan dijenamakan semula sebagai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Institusi ini memainkan peranan penting dalam menggerakkan komuniti kampung untuk melaksanakan pembangunan bagi kemajuan dan kesejahteraan kampung itu sendiri. Selaras dengan itu, kerajaan bersetuju agar institusi ini diteruskan dengan nama baharu iaitu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung. Urusan pelantikan dan pentauliahkan ahli jawatankuasa yang berjumlah 370 MPKK yang melibatkan seramai 5,550 ahli telah selesai dilaksanakan pada Februari 2019. Bilangan ini adalah peningkatan sejumlah 70 buah MPKK berbanding sebelum tahun 2018. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang berhasrat untuk memperkasakan kepimpinan akar umbi agar sistem penyampaian kerajaan lebih efektif dan berkesan. Dengan penambahan ini, Kerajaan Negeri berharap agar MPKK dapat berperanan lebih aktif sebagai unit terkecil dalam pentadbiran kerajaan.

Kerajaan Negeri juga telah memastikan keanggotaan sekurang-kurangnya 30% oleh golongan wanita yang mampu untuk bersama-sama menyumbangkan tenaga, idea, perspektif dan kemahiran dalam pembangunan kampung. Usaha ini adalah untuk memperkasakan golongan wanita agar turut berperanan dalam kepimpinan akar umbi. Ini yang selalu disebut-sebutkan oleh YB. Padang Lalang. Bagi melahirkan anggota MPKK yang professional, berinformasi dan berkemahiran di dalam melaksanakan tadbir urus organisasi dan masyarakat kampung, pelbagai program telah dan dalam perancangan dilaksanakan antaranya latihan serta pelaksanaan program pengiktirafan kepimpinan MPKK oleh KPLB melalui Institut Kemajuan Desa (INFRA) yang tertumpu kepada latihan kepimpinan dan urus tadbir desa kepada anggota MPKK. Bengkel pemetaan dan persempadanan MPKK. Bengkel ini dikendalikan oleh Pejabat Daerah dan PEGIS. Kursus Pengurusan dan Pemantapan Organisasi MPKK. Kursus dikendalikan oleh Pejabat Daerah dan Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan bertujuan memberi pengetahuan kepada ahli MPKK mengenai pengurusan pentadbiran dan kewangan. Program Karnival Santai Rakyat di semua daerah. Program melibatkan ADUN-ADUN Kawasan, Ahli Majlis Daerah, Ahli Majlis Perbandaran serta pemimpin tempatan turun padang mendekati rakyat. Turut menyertai program ini adalah semua agensi yang terlibat dengan program komuniti seperti Jabatan Penerangan (RTM), KEMAS, Jabatan Perpaduan, Polis, Bomba, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-Pejabat Daerah.

Bagi menjawab Yang Berhormat ADUN Permatang Berangan, pun tak sampai lagi. Sebagai penutup, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi menutup penggulungan saya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat. Juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Seri SUK, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri dan semua ketua jabatan dan agensi negeri yang banyak membantu menjayakan dasar di bawah

portfolio saya khususnya dan Kerajaan Negeri amnya. Saya turut ingin menzahirkan penghargaan atas sumbangan semua penjawat awam di negeri ini, tidak kira daripada Kerajaan Negeri mahupun jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan akan menjadi pemangkin untuk saya bekerja dengan lebih keras dan gigih bagi menambah nilai dan memperkukuhkan lagi mutu penyampaian di bawah portfolio Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat agar dapat merealisasikan aspirasi ke arah Penang2030: Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga yang Menginspirasi Negara.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan kepada seluruh umat Islam, “Selamat Menyambut Ramadan Al Mubarak 1440 Hijrah” dan membiasakan mengamalkan ibadah-ibadah sepanjang bulan Ramadan. Moga-moga kita mendapat keberkatan, kerahmatan dan pengampunan daripada *Allah Subhana Wataala*. Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Pinang Tunggal. Cumanya saya nak memperingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Pinang Tunggal telahpun melangkaukan beberapa jawapan yang sebenarnya perlu digulungkan tapi peringatan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormatlah, susah payah anda bahas cukup sayangnya kalau anda tidak tiada dalam Dewan ini sewaktu Ahli EXCO sedang buat penggulungan. Itu rugi anda sendiri. Sila Yang Berhormat Padang Kota.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, rakan-rakan EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, selamat petang dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam sesi perbahasan usul ucapan terima kasih atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini. Penglibatan semua Ahli Yang Berhormat dalam memberi idea dan cadangan sememangnya sangat membantu demi pembangunan negeri ini. Visi Penang2030, sebagaimana yang semua sedia maklum, saya telah melancarkan buku panduan dan laman sesawang Visi Penang2030 pada 27 April yang lalu. Besar harapan saya agar *Penang2030* menjadi visi kita bersama dan bukan hanya sekadar menjadi visi Ketua Menteri sahaja. Buku panduan ini mengandungi perincian teras utama dan inisiatif strategik yang lebih terperinci untuk mengangkat negeri ini ke satu lagi tahap kemajuan. Umum tahu bahawa Kerajaan Negeri telah mengecapi kejayaan dalam pelbagai sektor seperti perkhidmatan, pembuatan, infrastruktur dan sebagainya. Ini adalah usaha keras Kerajaan Negeri selama 11 tahun dan saya bersyukur kerana menjadi Ketua Menteri ketika teras pembangunan negeri ini telah pun kukuh. Namun, melalui Visi *Penang2030*, fokus Kerajaan Negeri adalah untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di samping mewujudkan persekitaran kehidupan yang *liveble* seiring dengan arus pembangunan yang pesat. Inilah yang dinamakan pembangunan yang mampan dan mesra rakyat.

Penang2030 merupakan satu visi dan pendekatan yang terhasil melalui proses perbincangan dengan pelbagai pihak di semua peringkat dan lapisan masyarakat. Kerajaan Negeri telah memastikan penglibatan rakyat dalam proses penetapan visi ini dan seterusnya bertanggungjawab terhadap masa depan mereka sendiri. Ia merupakan proses untuk menggalakkan rakyat untuk menjadi lebih proaktif serta terlibat dalam proses pembuatan keputusan Kerajaan Negeri. Tugas kerajaan adalah untuk menasihati, menggalakkan dan membantu penglibatan rakyat serta menjadi pengemudi ke arah kebaikan bersama di samping memastikan infrastruktur asas disediakan serta penyelenggaraannya dijalankan dan dipantau dengan berkesan. Buku Panduan *Penang2030* adalah merupakan sebuah dokumen yang sentiasa berkembang dan menggambarkan matlamat Kerajaan Negeri untuk

memastikan tiada sesiapa pun yang ketinggalan tatkala Negeri Pulau Pinang bergerak lebih maju. Dokumen ini juga bertujuan untuk memberi inspirasi kepada negeri-negeri lain di seluruh negara untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak demi kemajuan negeri dan negara Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sudah setahun PRU14 berlalu, maka sudah tiba masanya Kerajaan Negeri menunjukkan sikap yang lebih proaktif dalam menggalakkan pengagihan kuasa yang lebih adil dan cekap bagi menyediakan perkhidmatan awam dan perancangan tenaga kerja untuk masa hadapan. Selaras dengan inisiatif strategik, mempercepatkan penyampaian program dan reformasi institusi, satu Unit Data Raya atau *Big Data* akan dibangunkan untuk memastikan data tersebut dapat membantu Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan membuat keputusan berkaitan pembentukan dasar dengan lebih cekap dan berkesan. Kerajaan Negeri memiliki kebolehan dan keupayaan untuk mempelopori proses penyaluran kuasa Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan pelbagai aspek di negara ini. Justeru, Kerajaan Negeri boleh memulakan proses penyaluran berdasarkan isu-isu berikut:

- (i) Menyemak semula struktur percukaian bagi memastikan pengagihan hasil awam (*public revenue*) yang lebih adil dan cekap sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Tengah. Bagi aspek keadilan dan kecekapan, hasil awam adalah lebih baik jika dibelanjakan sama banyak dengan sumber percukaian itu sendiri. Berdasarkan pengiraan yang dibuat, Pulau Pinang hanya menerima dana daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM126.05 per kapita, bukan jumlah, per kapita pada tahun 2016, iaitu kedua terendah selepas Selangor berbanding dengan RM504.00 per kapita yang diterima oleh Perlis, RM423.10 per kapita yang diterima oleh Sarawak. Jadi perbandingan Negeri Pulau Pinang per kapita memang jauh berbeza.
- (ii) Desentralisasi pengurusan pengangkutan awam bagi membantu Pembangunan Berorientasikan Transit (*Transit Orientated Development*) sepertimana yang diuraikan dalam Buku Panduan *Penang2030*, Inisiatif Strategik D1- Pembangunan Seimbang Melalui Perancangan Ruang Yang berkesan dan D2 – Memperkukuhkan Infrastruktur Mobiliti, Jaringan dan Digital. Pengangkutan awam akan menjadi lebih efektif dan lebih dihargai apabila ianya bersifat fleksibel kepada pengguna. Perkara ini bukan sekadar tentang pergerakan dari titik A ke titik B, tetapi juga berkaitan dengan kespontanan pengguna dan kebolehpercayaan perkhidmatan pengangkutan itu.
- (iii) *Degazetting* jalan-jalan utama di bahagian Pulau dan Seberang Perai bagi meningkatkan kecekapan penyelenggaraan. Meminimumkan kemalangan trafik juga merupakan salah satu matlamat utama pentadbiran ini. Perkara ini juga terkandung dalam *Penang2030* di bawah Inisiatif Strategik A2 – Terus Menambahbaik Keselamatan dan Kebersihan Awam. Yang Berhormat Tanjung Bunga sendiri sudah memulakan proses *degazetting* jalan-jalan Persekutuan tertentu yang sudah tentunya lebih baik jika diuruskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- (iv) Mempertingkatkan kepentingan pengetahuan tempatan dalam sistem pendidikan kita. Pengetahuan umum hanya boleh membawa kita ke peringkat tertentu sahaja. Namun pengetahuan tentang keadaan-keadaan dan sejarah tempatan yang akan memberikan keunikan kepada rakyat Pulau Pinang. Pengetahuan tempatan juga akan memperkuat lagi penghayatan kita terhadap ciri-ciri unik serta identiti kita. Oleh yang demikian, kurikulum sekolah perlulah memasukkan pengetahuan yang lebih mencerminkan pengalaman dan cara hidup setiap warga negeri Pulau Pinang. Semakin rapat akar umbi

terhadap sesuatu keputusan yang dibuat berkenaan perkhidmatan awam, semakin cekap penggunaan dana awam dapat dimanfaatkan.

Berdasarkan kesimpulan ini Kerajaan Negeri akan mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bebas yang terdiri daripada pakar untuk mengkaji perkara ini dengan lebih terperinci. Apabila laporan daripada jawatankuasa ini siap, pentadbiran ini akan meneliti dan menyuarakannya kepada Kerajaan Persekutuan.

Dato' Yang di-Pertua, projek-projek lain Penang2030 yang sedang dirancang di bawah tema D iaitu memberi penekanan dalam persekitaran terbina untuk menambah baik daya tahan persekitaran adalah seperti projek adaptasi perubahan iklim iaitu di bawah inisiatif Strategi D4. Pihak Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan organisasi antarabangsa untuk membangun rancangan adaptasi perubahan iklim pertama Negara yang akan merangkumi strategi penyeyjukan bandar dan pembangunan prinsip-prinsip *sponge city* untuk mencegah mahupun mengurangkan risiko banjir. Inisiatif ini adalah penting bagi mewujudkan satu rangkaian penghubung hijau di sepanjang persisiran pantai dan sungai atau *green connectors* juga berkait rapat dengan inisiatif Strategi 4 iaitu mempelbagaikan kemudahan rekreasi, sukan, kesenian dan kebudayaan.

Sehubungan itu Kerajaan Negeri melalui kerjasama MBPP dan Think City, kini dalam proses membangunkan satu kerangka pelaksanaan bagi tujuan mengemukakan permohonan kepada *World Bank Adaptation Fund*. Di samping permohonan tersebut, inisiatif-inisiatif lain yang juga merupakan sebahagian daripada Pelan Adaptasi Perubahan Iklim tersebut adalah seperti pembaharuan dan pemulihan Sungai Perai, Penghijauan Kawasan Perindustrian, Bangunan Hijau, pelaburan dalam tenaga yang boleh diperbaharui dan pengangkutan awam. Tambahan pula, satu kajian kebolehlaksanaan telah dimulakan bagi mengkaji hubungan di antara Green Hall dan Gurney Wharf yang seterusnya akan dihubungkan dengan Taman Botani melalui kemudahan yang ditambah baik bersebelahan dengan Sungai Bagan Jermal. Setelah kajian kebolehlaksanaan projek tersebut lengkap, inisiatif ini akan menyediakan satu rangkaian yang berterusan bermula dari Taman Botani ke kawasan Taman Gurney Wharf yang ditambah baik, Northem Beach, Green Hall, kawasan persisiran George Town dan Clan Jetties.

Isu desentralisasi kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, semua sedia maklum Pulau Pinang sering dipinggirkan dalam pelbagai perkara sejak 11 tahun yang lalu daripada penganjuran acara-acara berskala besar sehinggalah permohonan peruntukan yang seringkali dipandang sepi oleh Kerajaan Persekutuan terdahulu. Mengikut statistik yang pernah dikeluarkan oleh IDEAS, Pulau Pinang berada di kedudukan ketiga terakhir iaitu lebih tinggi dari Melaka dan Perlis untuk pemberian yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016. Sebagai contohnya, Pulau Pinang hanya menerima RM216 juta iaitu 3.8% daripada keseluruhan peruntukan yang diberikan.

Kini setelah berada di bawah kepimpinan yang sama dengan Kerajaan Persekutuan, banyak perkara perlu dikaji semula bagi menjadikan pengongsian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri lebih adil, saksama dan berkesan demi pembangunan jangka masa panjang negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri masih terikat dan tidak boleh dengan sewenang-wenangnya untuk mengubah sesuatu perkara tersebut kerana masih tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Mengapa wujudnya persepsi atau mengapa wujudnya *marginalization* ataupun keterpinggiran negeri Pulau Pinang, saya percaya ada sebabnya. Tanggapan bahawa negeri Pulau Pinang sudah menjadi negeri yang kaya dan maju, itu saya sendiri apabila hadir mesyuarat di Pusat, sekarang ada peluang hadir pelbagai mesyuarat di Putrajaya, selalu dengar negeri Pulau Pinang sudah maju tak perlu bantuan lagi. Itu masalah dia dan di bawah semangat Malaysia Baharu ini kita berharap persepsi dan tanggapan bahawa negeri Pulau Pinang sudah maju dan tidak perlu dibantu seharusnya dibuang daripada pandangan Kerajaan Persekutuan. Kita tidak dapat nafikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima peruntukan yang amat kecil sejak

tahun 2008 khususnya berkaitan dengan projek-projek infrastruktur, kemudahan awam, pelancongan dan lain-lain.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-10 Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan sebanyak RM12.56 bilion manakala di bawah Rancangan Malaysia ke-11, sebanyak RM13.87 bilion dipohon. Dari jumlah tersebut, peruntukan yang diterima adalah sangat-sangat kecil dan jika ada, ianya adalah menerusi pihak Kementerian yang berkaitan untuk pelaksanaan projek Kerajaan Persekutuan. Justeru, saya amat berharap agar Kerajaan Persekutuan pada ketika ini dapat meneliti semula kaedah pengagihan peruntukan ini agar Pulau Pinang turut sama mengecapi kemakmuran negara. Kita pun tahu sepanjang masa ini satu contoh lagi, kalau ada pelabur ingin menunjuk minat untuk melabur di Pulau Pinang, setelah cari tanah dengan PDC, perlu pergi ke MIDA, MATRADE dan sebagainya untuk mendapat insentif, dinasihatkan pergilah ke tempat lain, tak perlu pergi ke Pulau Pinang, pi lah ke Kulim, Iskandar lebih baik, itulah selalu berlaku. Kita harap jangan berlaku lagi.

Baru-baru ini sempena satu tahun dilantik sebagai Ketua Menteri saya ditemuramah oleh akhbar Cina di mana saya ulangi isu keterpinggiran negeri Pulau Pinang dalam sistem Negara Malaysia ini. Sebenarnya ini bukan isu yang baru, isu *marginalization* negeri Pulau Pinang sepanjang ada DAP ada isu ini, sebab isu ini memang selalu dibawa oleh PDC, DAP sejak PDC aktif berpolitik di negeri Pulau Pinang. Pada zaman-zaman kita cuba menawan pemerintahan negeri Pulau Pinang yang pada masa itu diketuai oleh ayah kepada Bukit Tengah, saudara Gooi Hock Seng, saudara mendiang Peter Paul Dason, saudara Teoh Teik Huat, memang isu sebegini menjadi strategi politik untuk menawan negeri Pulau Pinang dengan menyatakan negeri Pulau Pinang sebuah negeri yang mempunyai kriteria yang kukuh untuk maju sebagai sebuah ekonomi menyumbang kepada ekonomi negara, maka kita sepatutnya boleh *survive* dan walaupun ada keterpinggiran kita akan terus gigih untuk memastikan negeri Pulau Pinang maju.

Oleh itu ini bukan isu yang baru, pada zaman-zaman 70'an, 80'an memang kita selalu menyatakan bahawa pengagihan sumber yang lebih adil perlu dilakukan kepada setiap negeri dan ini pula disambung oleh mantan Ketua Menteri, dulunya menjadi Pembangkang Negeri dan Persekutuan. Kita bangkitkan isu keterpinggiran negeri Pulau Pinang, sudah jadi Kerajaan Negeri tetapi tak jadi Kerajaan Persekutuan, timbul lagi sebab ianya masih berlaku. Walaupun kita sudah menjadi Kerajaan Negeri, mantan Ketua Menteri memang selalu membangkitkan isu ini supaya dapat, cuba dapatkan perhatian Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan dana ataupun peruntukan yang amat diperlukan oleh negeri Pulau Pinang memandangkan negeri Pulau Pinang adalah negeri yang memainkan peranan penting dalam ekonomi negara kita.

Hari ini kita sudah jadi Kerajaan Negeri, kita pun ada Kerajaan Persekutuan tetapi isu ini masih perlu dibangkitkan, Kerajaan Negeri berani membangkitkan sebab kita mahu di bawah semangat Malaysia Baharu ini kita ada satu perubahan, jangan lagi mpinggirkan negeri Pulau Pinang. Dan kita pun lihat ada tanda-tanda bahawa Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan yang baharu ini sanggup untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk mengiktiraf peranan Sabah dan Sarawak tetapi tidak dapat diluluskan kerana kurang majoriti dua pertiga. Kita berharap semangat Malaysia Baharu ini juga dapat disemarakkan Kerajaan Persekutuan untuk melayani setiap negeri dengan adilnya. Kalau negeri Pulau Pinang boleh memainkan peranan yang besar biarlah kita dapat peruntukan yang mencukupi bukan sekadar untuk negeri Pulau Pinang di samping itu untuk ekonomi Negara Malaysia.

Maka kita masih mengemukakan banyak permohonan untuk mendapat peruntukan Persekutuan di bawah RMK 11, di bawah setiap *Rolling Plan*, senarai dia cukup panjang, berjumlah belasan bilion ringgit nilai dia tetapi kita berharap dengan semangat Malaysia Baharu ini banyak lagilah projek-projek dapat diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Dikemukakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang RM243 juta nilai projek oleh MBPP RM282 juta, oleh Majlis Sukan Negeri, walaupun tak banyak perlu juga RM21 juta, oleh Jabatan Perhutanan Negeri RM10 juta, oleh JKR, besarnya sebab ini memerlukan banyak

infrastruktur di negeri Pulau Pinang, RM3.94 bilion, Perpustakaan Awam RM3 juta, Yayasan Islam Pulau Pinang RM330 juta, George Town World Heritage Incorporated RM68 juta, Perbadanan Bukit Bendera, RM277 juta, Majlis Perbandaran Seberang Perai, RM86 juta. Banyak lagi, oleh Indah Water Consortium, walaupun agensi Persekutuan tetapi projek pembetulan yang perlu di negeri Pulau Pinang RRM662 juta, Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu semestinya angka yang besar termasuk *River Of Life* Sungai Pinang RM450 juta, jumlah RM1.38 bilion dan lain-lain lagi. Boleh saya berhenti di sini, sebab memang berbelasan bilion ringgit nilai projek kita pohon, itulah kita mahu bahawa walaupun kita tidak puas hati kita tidak terima hakikat tetapi kita cuba untuk menyakinkan Kerajaan Persekutuan, pimpinan di sana supaya lihatlah peranan yang boleh dimainkan oleh Pulau Pinang, dan kita pun cadang kalau kita dapat kelulusan PSR, LRT dan sebagainya, kita pun mau pohon kepada Kerajaan Persekutuan boleh, kalau boleh membiayai projek-projek ini kita lebih senang di Negeri Pulau Pinang.

Jadi, kita berharap ini tidak menggembirakan parti-parti lawan. Wah, Ketua Menteri nak lawan Persekutuan pula. Kita nak menegakkan hak kita, dibawah semangat Malaysia Baharu ini. (*Ahli Dewan menepuk meja*).

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Tengah, mengenai cadangan Kerajaan Negeri berbincang dengan Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan Perkhidmatan Awam Negeri, Urusan Pelantikan Penjawat Awam Negeri Pulau Pinang adalah sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Bahagian 10, Perkara 132 menyatakan kuasa melantik adalah di bawah bidang kuasa Yang diPertuan Agong.

Yang Berhormat sendiri pun mengaku bahawa kita tidak ada *civil service* yang untuk negeri kita, berbanding dengan setengah-setengah negeri. Jadi kita tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan Pelantikan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Saya semasa menjadi EXCO, selalu hadapi masalah. Susah payah kenal seorang pegawai 1, 2 tahun...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ditukar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Semakin rapat, semakin ada *consensus*, semakin memahami cara kerja, tiba-tiba surat datang, sudah tukar. Tetapi, saya cuba menyenangkan hati saya menyatakan ini memang hakikat, dalam sistem pentadbiran negara. Pegawai-pegawai akan ditukar, akan dinaik pangkat dan sebagainya.

Tetapi pentingnya kita perlu ada sistem yang baik. Sesiapa datang ke dalam sistem ini, tidak apa. Mereka akan belajar, mereka akan kenal tempat, mereka akan kenal Yang Berhormat, kalau tidak bagi respon, mungkin tak kenal lagi. Jadi, dengan cepatnya mereka dapat sesuaikan diri dalam keadaan di negeri Pulau Pinang dan kita sebagai Ahli-ahli Politik, Ahli-ahli Dewan, Wakil Rakyat jugalah perlu memainkan peranan kita, supaya bekerjasama dengan penjawat awam yang saya percaya, boleh juga menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan negeri Pulau Pinang melalui kepakaran dan pengalaman masing-masing.

Dato' Yang di-Pertua, berikutan kerisauan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Tambun, berhubung dengan bajet defisit yang berkemungkinan bakal dihadapi Pulau Pinang pada tahun 2019. Suka untuk saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras untuk mengekalkan rekod kecemerlangan negeri dalam pengurusan kewangan.

Urus tadbir yang berasaskan Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), akan terus diguna pakai dan menjadi panduan serta pegangan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri berjaya mengawal perbelanjaan setiap tahun, melalui langkah-langkah perbelanjaan berhemah seperti berikut:

- (i) Dasar penjimatan dan kawalan perbelanjaan mengurus yang diamalkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri, beberapa Surat Pekeliling yang menggariskan beberapa aspek penjimatan, perbelanjaan yang berhemah dan kawalan dalaman yang perlu dilaksanakan bagi mengurangkan kos serta mengelakkan pembaziran;
- (ii) Selaras dengan CAT, kaedah perolehan yang diamalkan secara telus dan terbuka, telah berjaya memberi nilai optimum dan 'value for money' bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Dengan ini, pelbagai projek dan program, berjaya dilaksanakan dan mencapai sasaran serta pada masa yang sama, memberi penjimatan kepada Kerajaan Negeri;
- (iii) Bagi perbelanjaan pembangunan, Kerajaan Negeri menekankan supaya perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan, dibuat mengikut keutamaan dan secara telus serta tender terbuka agar memberi pulangan yang lebih optimum kepada kumpulan sasar dan rakyat. Selain itu, projek usahasama dengan sektor swasta turut diberi keutamaan.

Seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Tambun, Kerajaan Negeri telah menganggarkan hasil sebanyak RM505.50 juta, dan anggaran perbelanjaan RM901 juta menyebabkan bajet defisit RM395.6 juta bagi tahun 2019. Jadi, kita tak tau lagilah sebab sekarang baru bulan Mei.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan memastikan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dilakukan melalui prinsip CAT, dan mengamalkan dasar penjimatan yang berterusan untuk meminimumkan defisit ini, dan seterusnya cuba mencapai bajet lebihan.

Penggerak Komuniti Muda (PEKA). Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Bagan Dalam, Penggerak Komuniti Muda atau (PEKA) merupakan salah satu program di bawah inisiatif Kerajaan Negeri, bagi menggalakkan penglibatan anak muda dalam aktiviti kesukarelawan di negeri ini. Ia dikenali sebagai Penggerak Komuniti kerana Kerajaan Negeri, mahu melihat anak muda Pulau Pinang merasai pengalaman berkhidmat bakti kepada masyarakat.

PEKA telah menjalankan pelbagai program yang telah memberi impak kepada komuniti, antaranya adalah seperti penubuhan pusat tuisyen percuma untuk keluarga golongan B40, dan juga aktiviti komuniti dan kesukarelawan seperti bantuan ketika banjir besar, membaiki rumah warga emas yang miskin dan pelbagai lagi. Jumlah peruntukan yang telah diberikan adalah sebanyak RM230,000.00 pada tahun 2016, RM1,128,000.00 pada tahun 2017 dan RM500,000.00 pada tahun 2018. Sejak penubuhannya dari tahun 2016 sehingga Disember 2018, sebanyak 52 program telah dilaksanakan.

Penubuhan PEKA telah mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan anak muda Pulau Pinang, dan Kerajaan Negeri percaya golongan pelapis ini mampu bergerak menyusuri akar umbi dalam membawa Visi Penang2030, ke seluruh pelusok Pulau Pinang.

Projek UTC dan *Revitalization* di KOMTAR. Yang Berhormat Ahli Air Putih dan juga Ahli Pengkalan Kota menyaran supaya Kerajaan Negeri dapat segerakan proses wujud UTC di KOMTAR, supaya dapat beroperasi mula tahun 2020. Sukacita saya memaklumkan, bahawa Kementerian Kewangan telah membuat keputusan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, bagi mewujudkan UTC pertama di Pulau Pinang bertempat di KOMTAR, melalui surat kementerian bertarikh 20 Mac.

Berdasarkan keputusan Kementerian Kewangan tersebut, kos pengubahsuaian ruang UTC ini, akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak PDC sebagai pemilik bangunan KOMTAR. Pada ketika ini, pihak kementerian sedang mengenalpasti jabatan atau agensi yang akan ditempatkan di UTC ini yang akan beroperasi mulai jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang, 7 hari seminggu.

Dengan kewujudan UTC KOMTAR ini kelak, Kerajaan Negeri percaya saranan Yang Berhormat Ahli KOMTAR, untuk pemulihan dan proses revitalisasi KOMTAR akan dapat dilaksanakan secara seiring. Cadangan untuk mengkelaskan aktiviti perniagaan mengikut zon atau tingkat, memiliki kekangannya, kerana banyak lot kedai dimiliki oleh pihak swasta dan individu.

Oleh itu, sebarang rancangan untuk mengelaskan aktiviti tersebut perlu dirundingi bersama pemilik-pemilik lot kedai tersebut terlebih dahulu. Proses ini akan memakan masa, dan kejayaannya tidak dijamin. Namun, Kerajaan Negeri bersedia untuk mempertimbangkan penubuhan Jawatankuasa Khas bagi membincang tentang pemulihan KOMTAR ini.

Manifesto. Berhubung Janji No.24 dalam Manifesto Buku Harapan berkaitan pemulangan 10% hasil cukai pendapatan, kepada Kerajaan Negeri sepertimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Bukit Tengah. Kerajaan Negeri sememangnya mengambil maklum akan perkara ini, mengambil kira perkara ini adalah isu peringkat nasional dan serta kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang masih belum stabil.

Maka janji ini, masih belum dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus berhubung rapat dengan kementerian berkaitan bagi memastikan segala janji ini dapat dilaksanakan.

Di peringkat negeri sepertimana disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Manifesto Negeri Pulau Pinang 68, janji ditunaikan 43, 11 sedang diusahakan, 10 masih diperingkat perancangan manakala 4 lagi masih diperingkat kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Penyediaan *Centre of Excellence (COE)* United Nation Habitat di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk mewujudkan bandaraya yang mampan dan selamat untuk penduduk Pulau Pinang. Ini juga merupakan tanggungjawab global kolektif UN Habitat di bawah Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau *Sustainable Development Goals – SDG's*.

Justeru, satu penyelesaian global hanya dapat dicapai dengan kerjasama erat semua pihak termasuklah pihak kerajaan, swasta dan orang awam untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang berdaya saing dan bertaraf antarabangsa. Kerajaan Negeri melalui CMI, telah menandatangani Perjanjian Persefahaman bersama United Nation Habitat pada 2 Oktober tahun lalu. Salah satu hasrat Kerajaan Negeri, adalah untuk menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Urbanisasi atau *Centre of Excellence for Urbanization* oleh United Nation Habitat di Pulau Pinang.

Matlamat utama penubuhan COE ini, adalah untuk membantu Pulau Pinang dalam menyelesaikan isu perbandaran ke arah penyediaan bandar lestari bertaraf antarabangsa melalui pengetahuan, pembelajaran berterusan, penyelesaian inovatif, pengukuhan keupayaan bandar dan negara untuk bertindak balas terhadap cabaran pertumbuhan bandar. Manakala Visi COE ini, adalah untuk mewujudkan bandaraya yang terancang, inklusif, selamat dan mampan untuk penempatan manusia.

Komunikasi. Di bawah portfolio Komunikasi, saya telah mengadakan Mesyuarat MMK Komunikasi pada 2 April yang lalu bersama jabatan dan agensi di peringkat negeri mahupun Persekutuan, untuk menyelaras kembali tugas dan fungsi dalam penyampaian berita dan program atau aktiviti Negeri Pulau Pinang dengan cepat dan tepat. Kerajaan Negeri juga sedar, bahawa media sosial memainkan peranan yang amat besar dalam sesuatu penyampaian berita kepada akar umbi.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Batu Lancang mengenai cadangan supaya Kerajaan Negeri melancarkan kempen-kempen yang mempromosikan tolenransi dan perpaduan antara kaum melalui saluran media sosial. Jabatan Penerangan, Jabatan Perpaduan dan jabatan berkaitan sememangnya melaksanakan kempen-kempen atau aktiviti bagi mengukuhkan perpaduan kaum di Negeri Pulau Pinang seperti kempen kenegaraan,

patriotism, infografik, maklumat publisiti dan sebagainya yang dihebahkan melalui media sosial seperti Facebook jabatan, Twitter dan Instagram. Serentak itu, Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri juga giat melaksanakan kempen-kempen berkaitan. Selain isu kandungan penulisan, turut diterbitkan adalah video-video, *posting-posting* serta pelbagai pertandingan atas talian yang diadakan dari semasa ke semasa yang bersifat, yang bersifat muhibah berasaskan perpaduan kaum selaras dengan Visi Penang2030.

Hal Ehwal Tanah. Bagi menjawab Yang Berhormat Sungai Dua yang menyoalkan mengenai jawapan bertulis yang tidak jelas mengenai pelupusan dan penjualan tanah oleh Kerajaan Negeri sebanyak 1100 ekar dengan nilai RM12.5 bilion. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Dua, tanah kerajaan seperti dijawab sudah pun dijawab. Kerajaan Negeri di bawah Kanun Tanah Negara boleh melupuskan tanah kerajaan, antara lain melalui pemberimilikan di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara dengan dikenakan bayaran premium berdasarkan harga pasaran. Penentuan premium adalah berdasarkan kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta atau JPPH. Secara umumnya, pelupusan tanah kerajaan kepada pihak-pihak yang memohon adalah seperti berikut:

1. Agensi Kerajaan utamanya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.
PDC merupakan satu agensi kerajaan yang banyak mendapat tanah kerajaan yang dilupuskan secara pemberimilikan. Majoriti tanah kerajaan yang dilupuskan kepada PDC adalah tanah pengambilan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Tanah ini diberimilik kepada PDC dengan dikenakan bayaran premium nominal dan bayaran khas berdasarkan kiraan cukai tanah tertunggak. Pelupusan tanah kerajaan kepada PDC adalah bagi tujuan perindustrian, perumahan dan perniagaan. Tanah-tanah ini sebenarnya dibiayai oleh PDC sendiri tetapi kerana keperluan akta digunakan Kerajaan Negeri untuk pengambilan. Dan setelah mendapat pelabur untuk mendirikan kilang, maka pelabur itu membayar kepada PDC dan geran tanah akan dipindahkan kepada pelabur dan Kerajaan Negeri akan mendapat bayaran khas berdasarkan kepada cukai tanah yang tidak dikutip sebelum geran itu dikeluarkan.
2. Adalah melalui Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang iaitu CMI. CMI merupakan satu lagi agensi kerajaan yang mendapat pemberimilikan tanah kerajaan. Tanah yang dilupuskan kepada CMI adalah untuk kegunaan bagi tujuan kediaman, tempat letak kenderaan, tapak menara telekomunikasi, taman awam dan perniagaan.
3. Agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Lembaga Wakaf Hindu dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang bagi pelbagai tujuan seperti tapak rumah ibadat, tapak kubur, kemudahan utiliti dan sebagainya. Sebagai contoh, PDC merupakan agensi kerajaan, iaitu bagi, PDC sejak tahun 2008 sehingga April tahun ini, seluas lebih kurang 1,198 ekar dengan jumlah nilai penjualan RM1.4 bilion iaitu melibatkan kawasan di Taman Perindustrian Bayan Lepas, Taman Perindustrian Prai, Taman Perindustrian Bukit Tengah, Seberang Jaya, Bukit Minyak, *Penang Science Park*, *Penang Science Park North* dan juga Batu Kawan.

Yang Berhormat Sungai Dua membangkitkan isu mengenai tambakan tanah sawah hingga ke kawasan tali air dan pengairan yang diwartakan dan mohon agar undang-undang iaitu denda diketatkan kepada mereka yang menjadi kawasan tambakan sawah berkenaan seperti kawasan pembuangan sampah dan kadang kala kawasan industri, gudang dan macam-macam pun. Bukan pembuangan sampah sahaja. Dan ini memang satu masalah yang kita hadapi tetapi kita ingin menegaskan di sini bahawa walaupun tanah sawah ianya tertakluk kepada pelbagai akta termasuk Akta Kawasan Pengairan 1953. Mana-mana tanah

sawah yang hendak dibangunkan hendaklah dikeluarkan daripada warta kawasan pengairan atau Warta Tali Air terlebih dahulu. Kelulusan bagi proses pengeluaran daripada Warta Tali Air adalah tertakluk kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Secara umumnya, tanah sawah yang ditambah yang dijadikan kawasan pembuangan sampah boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 127, Kanun Tanah Negara atas pelanggaran syarat yang dilakukan tertakluk kepada *scale* pembuangan sampah yang terlibat.

Berkenaan dengan isu *first grade* yang dibangkitkan beberapa kali dalam tempoh ini oleh Yang Berhormat Bukit Tambun, Yang Berhormat Ahli Penanti, sukacita dimaklumkan bahawa status tanah *first grade* bukanlah *license* untuk tuan tanah melaku apa sahaja atau sewenang-wenangnya di atas tanah mereka.

Perkara yang sama turut disuarakan oleh ADUN Machang Bubuk mengenai cadangan agar Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya meminda Kanun Tanah Negara agar tanah-tanah yang berstatus *first grade* dikenakan syarat-syarat pematuhan yang lebih ketat. Sememangnya pun sudah ada syarat-syarat cuma persepsi orang awam menganggap dia boleh buat apa saja dengan *first grade land*. Itu anggapan yang silap sama sekali. Sebagai makluman Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, tanah berstatus *first grade* telah tertakluk di bawah *National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act 1963*. Keistimewaan tanah *first grade* adalah ia tidak tertakluk kepada sebarang kategori dan syarat tanah di bawah Seksyen 53 hingga Seksyen 56, Kanun Tanah Negara dan tidak dikenakan royalti hasil tanah serta permohonan permit 4C bahan batuan, namun masih tertakluk kepada kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Kerja Tanah di bawah Akta Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain daripada dua (2) bentuk keistimewaan yang dinyatakan di atas iaitu tidak ada perlu tukar syarat tanah dan juga tidak kena royalti, tak ada keistimewaan yang lain. Ia masih tertakluk kepada pelbagai undang-undang yang sedia ada. *Malaysia is a country with a lot of laws*. Pertamanya tertakluk kepada:

- (i) Rancangan Tempatan misalnya (gangguan) Rancangan Tempatan misalnya perlingkungan *zoning* yang ditetapkan berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang
- (ii) Permohonan kelulusan Pelan Kebenaran Merancang jika hendak dibuat pemajuan
- (iii) Undang-undang/peraturan-peraturan/warta berikut yang mana ianya perlu dikeluarkan daripada warta sebelum buat pemajuan iaitu seperti:
 - Akta Pemuliharaan Tanah iaitu Warta Tanah Bukit;
 - Enakmen Air;
 - Akta Kawalan Pengairan;
 - Akta Pembekalan Air;
 - Akta Warisan Kebangsaan;
 - Akta Pengambilan Tanah; dan
 - Kaedah-kaedah Kuari Pulau Pinang

Sememangnya apabila mempengerusikan Jawatankuasa Tanah, saya mendapati ada banyak kes sedemikian. Ada yang buat permohonan dan ada tidak dan saya sememangnya telah mengarahkan Pengarah Tanah Galian membuat satu kajian yang ringkas. Soalan saya kepada Pengarah Tanah Galian perlukah kebenaran permohonan diadakan bagi pemajuan yang berlaku di tanah *grade, first grade*. Jawapannya seperti Yang Berhormat Bukit Tambun tau, jawapannya ya. Diperlukan mengikut selain daripada apa yang saya katakan kebenaran merancang diperlukan sebab Akta Perancangan Bandar dan Desa juga adalah akta yang mengawal pembangunan di negara kita ini. Jadi sebenarnya kita pun sudah putuskan perlu

ada sesi penerangan kepada orang awam supaya mereka faham *first grade land* tidak memberi hak mutlak kepada mereka untuk melakukan apa saja. Mereka masih tertakluk kepada undang-undang. Satu analogi yang mungkin boleh menjelaskan isu ini.

Kalau seorang ada milik sebuah kedai komersial, dia nak buat mula perniagaan, dia tidak boleh masuk sahaja ke kedai itu mula perniagaan. Pertamanya dia perlu mendapat pendaftaran syarikat SSM untuk menjadi satu entiti perniagaan. Mengikut kegunaan, sebab perniagaan pun ada banyak kategori. Kalau dia nak buka satu perniagaan menjual empat (4) ekor, dia tak boleh buka begitu sahaja. Dia perlu pohon *license* dari Kementerian Kewangan. Dapat *license* baru pergi ke Majlis Bandaraya untuk pohon permit premis pula. Itulah harap dapat menjelaskan bahawa walaupun kita milik sebuah kedai, tak semestinya kita suka hati boleh buka apa jenis perniagaan, ia masih tertakluk kepada kawalan dan undang-undang yang lain. Dan zon-zon tertentu semestinya tak ada orang suka kedai dia di tepi tiba-tiba sebuah kedai keranda dibuka di tepi. Siapa mahu? Di Pulau Pinang ada zon-zon yang membolehkan kedai-kedai sedemikian dan oleh itu pemilik itu perlu pohon, perlu pohon dan perlu patuh zon-zon yang sudah pun ditetapkan oleh Majlis. Maksud yang sama lah kalau kita pemilik tanah *first grade* ada banyak undang-undang lagi untuk kita patuhi sebelum tanah kita boleh digunakan untuk pemajuan.

Seterusnya pengangkutan...(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Padang Kota, terima kasih. Berkenaan dengan isu tanah ini, saya terima kasihlah ke atas penjelasan yang jelas tentang undang-undang yang sedia ada yang telah jelas menunjukkan undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi atau memadai untuk memantau atau mengawal perancangan atau kegiatan-kegiatan pembangunan tanah. Tapi masalah yang kita hadapi sekarang adalah, realitinya adalah banyak kerja-kerja tanah haram masih diadakan dan sekiranya kita hanya nak buat penerangan sahaja untuk meningkatkan kesedaran tuan-tuan tanah yang ada *First Grade* itu, saya nampak itu sudah tak begitu berkesan kerana sudah 10 tahun, 11 tahun kita mengambil pentadbiran di negeri Pulau Pinang ini. Perkara ini masih berterusan.

Kedua adalah masalah undang-undang, memang ada minta tuan tanah untuk memulihkan tanah itu kepada keadaan yang sebelum ini. Tetapi undang-undang itu tidak dapat dikuatkuasa sekiranya tuan tanah itu ingkar perintah itu, So bagaimana sebagai sebuah kerajaan kita nak memastikan bahawa tuan tanah yang ingkar perintah itu kena, kena mengambil tindakan yang telah diminta itu. Dan ketiga, kenapa saya cadangkan kita perlu menggunakan rampas balik tanah kerana kos yang untuk kita kerajaan untuk membiayai untuk memulih balik tanah itu mengambil kos yang terlampau tinggi dan perkara itu jika kita tidak ada satu tindakan yang lebih proaktif lebih dari segi mengambil pertimbangan kepentingan orang awam. Maka saya rasa saya bimbang perkara ini akan berlarutan sehingga kita habis. So, saya sebenarnya mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini boleh mempertimbangkan supaya kita menubuhkan satu Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah dalam Dewan ini, Jawatankuasa pilihan Hal Ehwal Tanah untuk melihat, untuk melihat mengkaji keberkesanan undang-undang yang sedia ada dalam menangani dalam isu-isu kerja tanah ini dan seterusnya mengkaji semula S.O.P bagi agensi-agensi kerajaan dan penguatkuasaan dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan untuk memastikan bahawa kerja tanah haram ini dapat dihentikan dan juga dapat mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan ke atas undang-undang yang sedia ada. Saya minta penjelasan daripada Y.A.B.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Machang Bubuk yang sememangnya meneliti perkara ini sejak penggal yang lepas dan minta kaji, minta melihat saya rasa jangan kaji jangan melihat lagilah, bertindak sekarang dan saya sedia untuk menerima cadangan dan pandangan bahawa kita perlu mempertingkatkan lagi tindakan yang perlu diambil dan beberapa cadangan seperti rampas balik tanah *enforce*, penguatkuasaan

adalah yang akan dipertimbangkan yang akan dilakukan dalam mesyuarat jawatankuasa tanah yang akan datang. Perkara ini dibincang untuk mengariskan jadual pelaksanaan dan menunjukkan ketegasan pihak Kerajaan Negeri untuk menangani isu-isu ini.

Bagi pengangkutan, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah sepanjang sesi ini melalui soal jawab dan perbincangan telah membangkitkan beberapa isu berhubung dengan pengangkutan di negeri Pulau Pinang. Saya cuma menyentuh sedikit sebanyak mengenai beberapa isu dan berhubung dengan Lebuhraya Pan Island Link (PIL), di sini, Kerajaan Negeri akan memastikan kesemua garis panduan yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar apabila memberi kelulusan laporan kajian impak semulajadi kepada pihak Kerajaan Negeri akan dipatuhi dan diambil kira sebelum projek ini dimulakan. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dan berhubung dengan satu isu yang dibangkitkan berhubung dengan PIL mengenai kos adalah dimaklumkan bahawa PIL mempunyai unsur-unsur yang atau reka bentuk yang berlainan berbanding dengan projek-projek yang lain.

Kita perlu teliti apakah sebenarnya projek tersebut dan apakah sebab kos itu dijadikan nilai yang diperlukan untuk menyempurnakan projek berkenaan. Bagi PIL, pembinaan PIL sepanjang 19.5 kilometer di antaranya 52% adalah terowong manakala 39% adalah bertingkat untuk meminimalkan pemotongan bukit, hanya 9% adalah *ambendment* yang melibatkan *filling and cutting*. PIL ini terletak di kawasan berbukit yang terdiri dari terowong yang mempunyai 6 lorong direka bentuk untuk mengambil kira alam sekitar.

Membina terowong melalui bukit adalah untuk mengelakkan pemotongan bukit dan penembangan hutan. Selain itu, sebuah *cable-stayed bridge* akan dibina di atas Taman Belia dan y-duck akan digunakan dan bukan *high fell tower*. Kos PIL 1 perlu dibanding secara *apples to apples* memandangkan reka bentuk PIL 1 bukanlah reka bentuk jalan raya biasa yang dibina secara *at grid*.

Untuk maklumat Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri telahpun buat pengumuman pada 16 April terhadap 56 syarat-syarat Jabatan Alam Sekitar bagi laporan EIA PIL 1 dalam mempraktikkan prinsip CAT, Kerajaan Negeri akan mempamerkan 56 syarat tersebut sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan sebagai proses pemantauan dalam *Environmental Management Plan*. Sebenarnya pun sudah diumumkan kepada media masa 56 syarat berkenaan.

Plan medikasi dirancang untuk menyediakan penghadang bunyi di kawasan-kawasan sensitif serta menaik taraf dua (2) taman rekreasi utama yang berada di sekitar jajaran PIL 1 ini malah terdapat perancangan untuk menambahbaik struktur PIL ini selaras dengan konsep hijau. Kerajaan Negeri percaya pembinaan lebuhraya masih perlu dilaksanakan meskipun terdapat perancangan pelaksanaan LRT kerana peralihan daripada kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam sahaja tidak berupaya menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Malah perubahan ini tidak boleh dijangka akan berubah dalam tempoh masa yang pendek. Ini adalah kerana pertambahan kenderaan persendirian tidak dapat dielakkan sepenuhnya walaupun kualiti perkhidmatan pengangkutan awam dipertingkatkan dan penambahan bilangan penduduk serta pembangunan baharu akan memerlukan perhubungan jalan-jalan baharu dengan jalan-jalan yang sedia ada.

Penang's South Reclamation, Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan seperti projek-projek mega yang lain. Kritikan terhadap *Penang's South Reclamation* tidak terkecuali. Ini adalah realitinya di mana segelintir rakyat akan menyokong dan segelintir lagi akan membangkang. Ia menjadi satu cabaran kepada Kerajaan Negeri untuk memberi yang terbaik kepada rakyat Pulau Pinang. Bagi yang menyokong, ia menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan projek-projek ini sama ada PTMP ataupun PSR dilaksanakan demi kepentingan rakyat. Walaupun terdapat kritikan mahupun bantahan ia masih menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat memahami manfaat projek ini dan memastikan tidak sebarang komuniti terpinggir dari arus pembangunan Negeri Pulau Pinang.

Melalui projek PSR nelayan dan keluarga mereka akan berpeluang untuk melangkaui ke arah pembangunan moden yang dapat membantu mereka mengikuti taraf kehidupan dan pendapatan serta peluang pekerjaan yang lebih baik. Kerajaan Negeri menitikberatkan kebajikan masyarakat nelayan dengan serius. Jeti baharu akan dibina di empat (4) buah lokasi di selatan Pulau Pinang untuk kegunaan para nelayan. Mereka akan diberi keutamaan dalam peluang perniagaan dan keusahawaan di PSR apabila projek itu bermula.

Bagi mendengar rintihan serta cadangan daripada penduduk tempatan dan membantu mereka memahami projek ini, Kerajaan Negeri dengan bantuan Rakan Pelaksanaan Projek (PDP) telah menubuhkan pusat perkhidmatan yang di namakan Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan di dua (2) lokasi iaitu Permatang Damar Laut dan Gertak Sanggul. Tambahan lagi, pelbagai forum awam telah diadakan bersama dengan penduduk Pulau Pinang sebagai *platform* untuk mereka bersuara. Ramai juga yang memahami bahawa projek ini akan membawa lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya bagi generasi yang akan datang. Nelayan-nelayan juga boleh meneroka peluang pekerjaan yang lain yang merupakan salah satu inisiatif PDMP. Saya percaya Yang Berhormat Seberang Jaya telah pun memberi penjelasan yang amat menyeluruh tentang bagaimana Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu pihak-pihak yang menerima impak daripada projek ini untuk menangani isu-isu yang berbangkit...(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Pohon laluan, terima kasih Dato' *Speaker* cuma di sini saya ambil peluang untuk menanyakan kepada Kerajaan Negeri sama ada telah menerima satu *proposal* yang telah dibuat oleh persatuan nelayan dan jika telah, pihak Kerajaan Negeri telah terima *proposal* yang dibuat oleh persatuan nelayan apakah respon segera daripada Kerajaan Negeri? Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Boleh, boleh *just* meneruskan dengan soalan. Minta penjelasan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada setengah-setengah di kalangan rakyat juga bimbang mengenai *impact* alam sekitar dalam projek-projek Penang's South Reclamation. Apakah hala tuju atau plan-plan Kerajaan Negeri untuk mengenai kebimbangan ini? Sekian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Bayan Lepas dan Pulau Tikus atas soalan tambahan. Setakat ini Yang Berhormat, Dato' Yang di-Pertua pejabat saya telah menerima satu surat daripada persatuan nelayan untuk mengadakan sesi perbincangan tetapi tidak mengandungi apa-apa cadangan kemungkinan cadangan akan dikemukakan semasa sesi perbincangan bersama dengan Yang Berhormat Seberang Jaya untuk melihat apa cadangan daripada persatuan nelayan.

Berhubung dengan soalan ataupun isu yang dibangkitkan oleh Pulau Tikus tentang kesan-kesan projek tebus guna terhadap ekologi. Memang saya baru terima maklum balas daripada SRS Consortium sebenarnya mereka sudah lama mulakan *engagement* ataupun melihat satu konsep *eco engineering* iaitu bagaimana tanah-tanah yang ditambak, *shore front* yang dibina itu dapat diwujudkan melalui *eco engineering* satu keadaan yang dapat menganti kalau menganti sepenuhnya mustahil bagaimana mewujudkan sesuatu suasana di mana ekologi kehidupan yang ada dapat diperbanyakkan dan ada banyak contoh-contoh *Water Front Development* yang mengamalkan konsep *eco engineering* ini telahpun menghasilkan kejayaan yang baik. Kita tidak kata ianya seratus peratus dapat menganti apa yang hilang tetapi sekurang kurangnya ini sesuatu konsep yang boleh menangani isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di mana, bagaimna alam sekitar dapat ditambahbaikkan dengan penggunaan teknologi dan kejureteraan untuk menyediakan satu suasana yang dapat menjaga kehidupan atau ekologi di *shore front* di tebus guna dan termasuk juga kawasan-kawasan yang boleh ditanam dengan pokok-pokok bakau sekiranya sesuai dan PDP pun sudah mula berbincang dengan FRIM (Forest Research Institue Malaysia) untuk melihat

penanaman pokok-pokok bakau di sepanjang ataupun di bahagian-bahagian yang sesuai bagi pulau-pulau yang akan ditebusguna ini. Jadi saya percaya PDP adalah terdedah kepada banyak inovasi yang baru sekarang untuk mengubah alam sekitar melalui penggunaan teknologi dan inovasi dan PDP akan diwajibkan untuk menggunakan kaedah ini supaya kita dapat *mitigate* ataupun membawa satu keadaan yang minima impak kepada alam sekitar. Saya percaya Yang Berhormat Datok Keramat pun baru-baru ini melawat *Water Front Development dan Shore Front Sea World* dan sebagainya sebenarnya melalui *eco-engineering* dapatlah menyediakan satu keadaan yang baik untuk alam sekitar.

Bagi isu seterusnya sebelum beralih untuk makluman Dewan ini Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) yang bersidang pada 18 April yang lalu telah pun memberi nasihat yang sewajarnya kepada Kerajaan Negeri berkenaan pelaksanaannya projek PSR. Pihak Kerajaan Negeri akan mematuhi nasihat MPFN dan ulasan-ulasan jabatan teknikal yang berkaitan sebelum pelaksanaan projek ini selaras dengan seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976.

Lapangan Terbang Pulau Pinang pun banyak dibincangkan tempoh hari dan saya ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan pelan menaik taraf dan pembesaran Lapangan Terbang Pulau Pinang. Status terkini sudah pun saya jawab semasa sesi soal jawab dan justeru itu Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan lanjut dengan kementerian pengangkutan dan *Malaysia Airport Holding Berhad* bagi mencapai persetujuan untuk projek penaiktarafan dan pembesaran ini dari kapasiti 6.5 juta penumpang setahun kepada 16 juta penumpang sepertimana dinyatakan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Yang Amat Berhormat Padang Kota.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sebelum itu, di samping itu kita pun akan meneruskan pelantikan perunding bagi menjalankan kajian kebolehlaksanaan atas cadangan Lapangan Terbang Antarabangsa *corridor* utara. Sila.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri saya cuma hendak minta sebab ada dalam jawapan soalan lisan yang di jawab oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada dua laporan atau dua kajian terperinci yang telah dibuat oleh KPMG *Consult Corporate Advisory* dan juga *KLIA Consultancy* saya minta jika boleh kedua-dua laporan ini dibentangkan dalam sidang DUN ini supaya semua ADUN-ADUN diberi ruang untuk meneliti laporan kajian kebolehlaksanaan itu.

Kedua, saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri juga boleh mengadakan menetapkan satu jadual atau *road map* untuk memastikan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini dapat dilaksanakan dalam masa yang tertentu kerana walaupun projek ini akan dibiayai oleh *private finance initiative* tapi saya rasa dari segi PFI ini, Pulau Pinang memang berpotensi tinggi untuk mendapatkan investment untuk data. So saya harap perkara ini dapat diberi penglibatan daripada ADUN-ADUN supaya kita dapat mengikut dan ADUN-ADUN juga saya rasa kita juga sangat sokong sepenuhnya tindakan kerajaan negeri untuk bertindak dengan lebih cepat lagi untuk memastikan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini dapat diperbesarkan dalam masa yang terdekat. Itu saja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Sememangnya pihak Kerajaan Negeri berhasrat projek naik taraf Lapangan Terbang Bayan Lepas dapat disiapkan mengikut jadual yang diumumkan baru-baru ini iaitu setelah juru perunding menyiapkan reka bentuk dan diadakan tender untuk melantik kontraktor atau pihak pengendali lapangan terbang maka

tempoh tiga (3) tahun diperlukan untuk siapkan projek pembesaran ini. Namun saya tidak tahu bahawa Kementerian Pengangkutan yang dikatakan dalam proses meneliti penstrukturan semula semua pengoperasian lapangan terbang di seluruh negara. Apakah kerja-kerja ini akan melambatkan apa yang kita sebutkan tadi? Itu saya tidak tahu apa yang saya diberitahu penstrukturan ini sedang diusahakan oleh kementerian dan kita pun berharap penstrukturan dan pelantikan pengendali atau operator lapangan terbang kelak tidak akan menjejaskan jadual yang ditetapkan untuk projek pembesaran Lapangan Terbang Pulau Pinang.

Kita terima baik cadangan Yang Berhormat supaya dua (2) laporan yang kita perolehi daripada negeri Kedah sebenarnya diberi kesempatan kepada semua ahli yang berminat untuk teliti laporan kedua-dua laporan ini dan saya akan minta bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Pengangkutan untuk menguruskan dan mengeluarkan notis jemputan kepada ahli-ahli tentang tempoh yang kita boleh menyemak kedua-dua laporan ini.

Bagi isu Pelabuhan Pulau Pinang dan Perkhidmatan Feri. Yang Berhormat Bukit Tengah membangkitkan isu ini dan kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tentang keprihatinan tentang pengangkutan air. Aspek kawal selia dan operasi Pelabuhan Pulau Pinang adalah di bawah bidang kuasa persekutuan dan pihak Kerajaan Negeri akan mengadakan rundingan mengenai perkara ini.

Berhubung dengan RM90 juta daripada Kerajaan Persekutuan kepada prasarana Malaysia bagi tujuan menaiktaraf perkhidmatan feri Pulau Pinang perkara ini dibawah bidang kuasa kementerian kewangan. Saya percaya nampaknya Kerajaan Negeri ada banyak kerja untuk berhubung dengan pelbagai kementerian, pelbagai jabatan persekutuan sekiranya kita mahu dapat apa yang kita pohon ini ataupun apa yang pusat janjikan kita perlu mengambil tindakan susulan. Saya percaya rakan-rakan EXCO saya pun ada mengambil tindakan dengan pergi dan hadir ke Putrajaya sendiri untuk berjumpa dengan Menteri ataupun KSU kementerian bersama dengan Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai berkenaan untuk sentiasa menjalin hubungan baik dengan pembuat dasar di Putrajaya supaya apa yang dijanjikan, apa yang dirancangan dapat lah kita mengambil tindakan susulan supaya menyempurnakan apa yang dijanjikan.

Bagi projek pembesaran Terminal Swettenham Pier. Pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah bekerjasama dengan operator Terminal Swettenham Pier Cruise berkenaan iaitu Penang Port Sdn Bhd untuk menyediakan pelan untuk pelebaran terminal kapal tersebut. Selaras dengan itu Kerajaan Negeri telah meluluskan tanah seluas 15,993 meter persegi kepada SPPP untuk tujuan pelebaran Swettenham Pier Cruise Terminal ini untuk pajakan selama 30 tahun dan isu ini memang sudah tertanggung begitu lama oleh kerana perbezaan pentadbiran Kerajaan. Maka akhirnya tahun ini kita selesaikan isu premium itu pun sudah dibayar terima kasih dan kita berharap pencadang akan ambil tindakan untuk mulakan projek pelebaran Swettenham Pier Cruise Terminal ini.

Saya rasa akhirnya ada satu isu yang perlu diberi pandangan kalau tidak keputusan adalah berhubung dengan bangunan baru Dewan Undangan Negeri dan Kompleks Pentadbiran, tiada berita baik (*ketawa*). Sebenarnya apabila saya merujuk kepada senarai permohonan tadi saya dapat satu perkiraan permohonan untuk bangunan Dewan Undangan Negeri sememangnya pihak Kerajaan Negeri ada pohon kepada Kerajaan Persekutuan satu jumlah RM150 juta di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri membina sebuah bangunan Dewan Undangan Negeri yang baharu. Jumlah anggaran RM150 juta. Kalau lulus kita boleh lihat dengan segera kalau tidak lulus, kita perlu lihat bagaimana tanah boleh diperolehi untuk projek ini seperti apa yang saya katakan cadangan dari Tuan Yang Terutama Tun kalau kata bangunan baru Dewan Undangan Negeri bukan yang baru sebab dibangkitkan pada tahun 2015 tetapi bersama dengan Kompleks Pentadbiran ianya ada satu perkara yang baru. Saya tidak ada jawapan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat perkara ini perlu di bawa balik ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk perbincangan sebelum kita boleh menetapkan apakah hala tuju atas isu ini. Saya tahu semua setuju tetapi kita harap Persekutuan pun setuju dengan

meluluskan permohonan kita. Jadi penutupnya sebagai amanat yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun dalam ucapan perasmian...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dato' Speaker. Silap (*ketawa*).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apa ini?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

EXCO tanya CM.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mesyuarat EXCO Rabu, akan datang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya hendak beri pendapat kalau boleh. Kerana ada satu borang maklum balas yang dikemukakan kepada semua di bangunan ini daripada DUN berkenaan hala tuju Dewan Sri Pinang kerana Dewan Sri Pinang akan mengalami satu pembaharuan semula oleh Think City dengan PDC.

Untuk makluman semua, saya tahu ini adalah satu bangunan kategori dua warisan di mana dinyatakan tidak boleh dirobohkan perlu dikekalkan. Ia dibangunkan 72, tahun 1972 bangunan di hadapan kita bangunan Bank Negara Malaysia saya ingat 70 kalau saya tidak silap tapi di jalan ini Dato Speaker, kalau kita lihat warisan yang kita ada di Pulau Pinang saya ingat Dewan Sri Pinang dan bangunan Bank Negara Malaysia tidak setimpal tempat dia. Saya punya pendapat. Tadi Dato', Yang Amat Berhormat kata tentang bangunan baru Dewan Undangan Negeri memang Dewan Undangan Negeri sudah ketat daripada 28 Ahli Dewan dahulu sekarang sampai 40 *we have to move no choice* ada pelbagai permintaan daripada Tuan Yang Terutama sendiri dalam ucapan dia oleh itu saya bangun untuk bagi pendapat saya. *Definitely that is a beautiful building heritage we have to conserve maybe it can have to become I know it's your office Dato' Speaker, that's why you looking at me. You have to move la probably afterward I have to say, but it's a beautiful building. But it can become a museum* of kita punya sejarah politik, *no problem*.

Bangunan ini juga kepada saya mempunyai sejarah. Kita punya Ketua Menteri Tun Lim Chong Eu berada dalam bangunan ini apabila beliau meninggal. Arwah ayah saya berada dalam bangunan ini juga apabila beliau meninggal dunia. Apabila mereka tanya soalan-soalan ini, bolehkan anda berkongsi kenangan anda di Dewan Sri Pinang. Saya buat berkeputusan saya tak mahu jawab maklum balas ini kerana itu adalah apa yang saya ingat. Berpuluh ribu orang di Pulau Pinang berada di sini waktu itu. Tapi kalau perlu, kita perlu ubah mungkin ingat bagaimana ini kategori 2 boleh dirobohkan atau tidak? Buat satu bangunan baru, ada tanah di sini tak perlu kita lihat kepada Jelutong *rehabilitation site* ambil 20 tahun tak perlu kita lihat pada..saya suka juga di Gurney Drive, Gurney Walk, ambil 18 bulan sini sudah ada. Tapi mungkin kita selaraskan jalan ini jadikan dia warisan. Satu bangunan warisan. Lihat satu DUN yang lagi baik untuk Dato' Speaker. Boleh atau tidak? Itu cadangan saya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Memang kalau setelah lima (5) hari bersidang di sini, ini ruang yang sesuai untuk kegunaan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, dengan galeri yang mungkin belum di isi penuh, boleh jemput murid-murid, universiti, kolej untuk hadir. Tetapi adakah di sini? Itu soalan lain. Mungkin ruang sedemikian cukup baik, kita tak perlu macam Dewan Undangan Negeri Sarawak yang mungkin lebih besar dari Dewan Negara. Itu kita mungkin tak sesuai. Ruang seperti ini mungkin elok juga tetapi sama ada Dewan Sri Pinang ini akan digunakan, itu perlu dibicarakan. Lagipun Dewan Sri Pinang juga merupakan satu tempat di mana banyak aktiviti budaya, kesenian, warisan, pendidikan dan macam-macam aktiviti sosial diadakan yang

memang menjadi kenangan rakyat Pulau Pinang pada keseluruhannya. Dan apakah masa depan Dewan Sri Pinang?

Sebenarnya apa yang dicadangkan oleh George Town Conservation and Development Corporation, sekadar untuk menjalankan pemulihan sejajar dengan North Sea Front di bawah *special area plan George Town World Heritage Site*. Bukan nak cadang meroboh atau untuk digunakan untuk tujuan-tujuan yang lain tetapi isu ini saya percaya boleh dibincangkan sebelum satu keputusan dibuat dan saya berharaplah isu ini dapat di...ataupun permintaan daripada Tuan Yang Terutama Tun berhubung dengan bangunan yang baru serta pusat pentadbiran Kerajaan Negeri yang baru dapat dibincangkan di peringkat Kerajaan Negeri dan akhirnya saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah menjayakan perbahasan usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun atas ucapan perasmian di Persidangan DUN ini tempoh hari dan saya berharap kita berusaha lebih gigih lagi untuk mencapai apa matlamat yang kita tetapkan dan sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam dan juga kepada rakyat Negeri Pulau Pinang yang beragama Islam dan kalau ada pihak yang menunggu pengumuman bonus, tak adalah pada kali ini. Tak ada pengumuman, bukan tak ada bonus. Tak ada pengumuman lagi. Perkara ini masih akan dibincangkan kelak. Dengan itu, sekian terima kasih. Saya mohon menyokong. *(Ahli Dewan menepuk meja)*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi penggulungan telah pun selesai. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Majlis Mesyuarat EXCO yang telah pun menyertai dalam sesi penggulungan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul bahawanya kami Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-14 pada 26 April 2019 dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Sebulat suara usul dipersetujui.

Setiausaha Dewan:

Usul daripada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri di bawah MMK Hal Ehwal Agama Islam Pembangunan Industri dan Pembangunan Masyarakat mempunyai sejumlah 370 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang berkuatkuasa dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, saya perlu dengar usul dulu.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Maaf Dato' Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan penubuhan Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Khas Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dengan mengambil kira asas-asas seperti berikut;

- (a) Kerajaan Persekutuan akan membuat penyaluran peruntukan untuk pembayaran elaun MPKK dan jumlah penyaluran adalah berdasarkan prestasi perbelanjaan yang akan dipantau oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Khas Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) ini akan digunakan sebagai medium transaksi bagi terimaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran elaun-elaun MPKK oleh agensi pembayar.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri di bawah MMK Hal Ehwal Agama Islam Pembangunan Industri dan Pembangunan Masyarakat mempunyai sejumlah 370 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang berkuatkuasa dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020. Struktur keanggotaan MPKK ini adalah mengikut ketetapan Kementerian Luar Bandar KPNB di mana seorang pengerusi, seorang setiausaha dan 11 orang ahli jawatankuasa sahaja. Sebanyak 4 jenis elaun disediakan oleh KPNB dengan kadar seperti berikut;-

- (a) Elaun Pengerusi RM500.00 sebulan;
- (b) Elaun Setiausaha RM300.00 sebulan;
- (c) Elaun pengendalian mesyuarat RM100.00. Kekerapan dibayar kepada akaun MPKK berdasarkan kepada tuntutan, maksima 6 kali setahun; dan
- (d) Elaun kehadiran mesyuarat RM50.00. Kekerapan dibayar kepada ahli jawatankuasa yang menghadiri mesyuarat sahaja melalui akaun MPKK berdasarkan tuntutan iaitu maksimum enam (6) kali setahun.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan membuat penyaluran peruntukan sebanyak dua (2) kali setahun dan jumlah penyaluran adalah berdasarkan prestasi perbelanjaan yang dibuat dan baki peruntukan sedia ada di agensi pembayar pada setiap enam (6) bulan iaitu pada bulan Disember tahun sebelum dan bulan Jun tahun semasa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, struktur pembayaran elaun JKKK di Pulau Pinang sebelum ini melebihi daripada jumlah elaun yang ditetapkan KPNB. Majlis Mesyuarat Kerajaan MMK Bilangan 42 Tahun 2018 bertarikh 12 Disember 2018 telah meluluskan elaun tambahan sepertimana di bawah struktur bayaran JKKK sebelum ini, Kerajaan Negeri menambah perbelanjaan elaun seperti berikut:

- (i) Elaun tetap bulanan kepada Pengerusi RM200.00 tambahan elaun oleh Kerajaan Negeri;
- (ii) Elaun tetap bulanan kepada Setiausaha RM300.00 tambahan elaun oleh Kerajaan Negeri;
- (iii) Elaun kehadiran mesyuarat kepada setiap ahli selain Pengerusi dan Setiausaha RM300.00 setahun enam (6) kali tambahan mesyuarat, tambahan elaun oleh Kerajaan Negeri; dan

- (iv) Elaun pengendalian mesyuarat RM400.00 setahun tambahan elaun oleh Kerajaan Negeri.

Selain itu, KPNB hanya membuat bayaran kepada seorang Pengerusi, seorang Setiausaha dan 11 ahli. Elaun kehadiran mesyuarat tambahan bagi dua (2) ahli sebanyak RM50.00 seorang akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Tambahan elaun sebanyak RM200.00 untuk setiap Pengerusi dan RM300.00 untuk setiap Setiausaha akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Di samping itu, sebanyak RM400.00 setahun bagi elaun pengendalian mesyuarat akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kertas cadangan penubuhan akaun amanah kumpulan wang amanah khas Majlis Pengurusan Komuniti Kampung MPKK telah pun dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 8 tahun ini pada 13 Mac 2019 dan disahkan pada 22 Mac 2019. Selaras dengan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa, saya mengangkat usul penubuhan Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Khas Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk perhatian, pertimbangan dan kelulusan Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Pinang Tunggal. Saya perlukan sokongan untuk usul ini.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Bunga. Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan untuk usul ini daripada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk mengambil bahagian dalam membahaskan usul ini untuk kita menubuhkan satu akaun amanah khas. Kalau ada, dipersilakan. *(Ahli Dewan menepuk meja)*

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan Ahli-ahli Yang Berhormat setuju sangat, tiada perbahasan maka saya minta bahawa Yang Berhormat Pinang Tunggal untuk buat penggulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Dato' Yang di-Pertua, oleh sebab tidak ada sebarang perbahasan, saya tidak payah gulung, saya lipat sahaja. Terima kasih semua Ahli Yang Berhormat. *(Ahli Dewan menepuk meja)*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Pinang Tunggal iaitu bahawanya Dewan ini meluluskan penubuhan Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Khas Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Dengan mengambil kira asas-asas seperti berikut;

- (a) Kerajaan Persekutuan akan membuat penyaluran peruntukan untuk pembayaran Elaun MPKK dan jumlah penyaluran adalah berdasarkan prestasi perbelanjaan yang akan dipantau oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Khas Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) ini akan digunakan sebagai medium transaksi bagi terimaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran Elaun-elaun MPKK oleh agensi pembayar.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. Usul dipersetujui sebulat suara.

Setiausaha Dewan:

Usul daripada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan cadangan sebentar...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tarik balik?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Tak ada. Ya, mana ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau tak ada *next*.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ada-ada, ya okey. Saya bahawa dengan ini meluluskan cadangan lantikan baharu dan pelantikan semula Ahli Lembaga Rayuan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang 2010 [Enakmen 16] bagi tempoh 2 tahun mulai 1 Jun 2019 sehingga 31 Mei 2021. Senarai nama Ahli-ahli Lembaga Rayuan yang dilantik semula termasuk pelantikan baharu adalah seperti berikut:

- (a) Tuan Wong Chiang Kiat, Pengerusi
- (b) YBhg. Dato' Seri Syed Jaafar bin Syed Ali,
Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli ialah
- (c) YBhg. Dato' Ajit Singh Jessy,
- (d) YBhg. Dato' Haji Ghazali bin Derahman,
- (e) YBhg. Dato' Murelidaran M.Navaratnam,
- (f) YBhg. Dato' Agatha Foo Tet Sin,
- (g) Tuan Muniandy a/l Kannyappan, berhubung dengan nama Tuan Muniandy a/l Kannyappan

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang dicadangkan sebagai salah seorang Ahli Lembaga Rayuan jika disahkan beliau adalah calon yang telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada hari ini maka pohon persetujuan Dewan untuk nama beliau digugurkan kerana perkara ini hanya diketahui secara rasmi pada petang ini. Kalau ini betul.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya menasihat supaya kalau ada pembedaan atas usul ini perlu diberikan secara bertulis kepada Dewan ini sebelum.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Tapi apa ni Speaker, saya akan teruskan. Okay. So, jadi

(h) Puan Regina Amalorpava Mary a/p Aboorvasamy.

Tugas rayuan Lembaga Rayuan adalah seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 13, [Enakmen 16] tersebut Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan saya mencadangkan usul yang berbunyi seperti berikut, "Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 [Enakmen 16] dan telah [Enakmen 16] telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 4 November 2011 dan telah diwartakan pada 2 Februari 2012. [Enakmen 16] ini telah dikuatkuasakan melalui 1 Januari 2015 tempoh pelantikan anggota Lembaga Rayuan sedia ada yang dilantik mulai 1 Jun 2017 akan tamat pada 31 Mei 2019."

Maka pelantikan baharu Anggota Lembaga Rayuan adalah perlukan seperti ketetapan Seksyen 13 (2) [Enakmen 16] dan pelantikan tersebut tertakluk kepada kelulusan Dewan Undangan Negeri. Tempoh bagi 1 penggal pelantikan adalah 2 tahun dan perlu diwartakan, pencalonan nama Ahli Lembaga telah dipersetujui melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas 2019 pada 12 April 2019 dan disahkan pada 17 April 2019 dengan keahlian Lembaga Rayuan melibatkan calon-calon berikut;

- (a) Tuan Wong Chiang Kiat, Pengerusi;
- (b) YBhg. Dato' Seri Syed Jaafar bin Syed Ali, Timbalan Pengerusi;
- (c) YBhg. Dato' Ajit Singh Jessy, Ahli Lembaga;
- (d) YBhg. Dato' Haji Ghazali bin Derahman, Ahli Lembaga;
- (e) YBhg. Dato' Murelidaran M.Navaratnam, Ahli Lembaga;
- (f) YBhg. Dato' Agatha Foo Tet Sin, Ahli Lembaga;
- (g) Tuan Muniandy a/l Kannyappan, Ahli Lembaga; dan
- (h) Puan Regina Amalorpava Mary a/p Aboorvasamy; Ahli Lembaga.

Pelantikan Ahli Lembaga Rayuan yang dibuat mengambil kira pengalaman dan kelayakan calon yang merangkumi aspek perundangan, keselamatan dan hal ehwal Negeri Pulau Pinang yang dilihat *significant* dengan keperluan menjayakan pelaksanaan [Enakmen 16] secara menyeluruh. Peranan anggota Lembaga Rayuan tersebut adalah penting bagi tujuan mempertimbangkan ke atas semua permohonan rayuan yang berkemungkinan di terima oleh 22 Jabatan Negeri dan 7 Badan Berkanun Negeri yang terlibat apabila dikuatkuasakan kelak. Tanpa pelantikan Ahli Lembaga Rayuan tersebut proses rayuan ke atas permohonan yang ditolak oleh pegawai maklumat di jabatan agensi terbabit tidak dapat dipertimbangkan dan proses akan tertangguh selepas didaftarkan oleh Pendaftar.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, tahap kesedaran rakyat berhubung hak mereka untuk access untuk sesuatu maklumat dan undang-undang yang berkaitan dengan kebebasan maklumat dilihat semakin ketara dewasa ini. Maka sewajarnya Kerajaan Negeri Pakatan Harapan sebagai sebuah negeri yang prorakyat berusaha memastikan rakyat Pulau Pinang diberi kebebasan untuk mengakses maklumat dengan saluran yang betul dan jelas melalui proses pentadbiran yang cekap, *akauntabiliti dan* telus di Pulau Pinang. Dengan ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan saya mohon mencadangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Perai. Ahli-ahli Yang Berhormat saya memerlukan sokongan atas usul ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dato' Yang di-Pertua saya memohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Puyu. Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk membuat pembahasan atau usul yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Perai untuk kita meluluskan lantikan baharu bagi Lembaga Rayuan ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Dato' Speaker, cuma ada dua (2) pertanyaan kepada YB. Perai.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya, saya nak tau setakat ini ada berapa banyak persidangan atau perbicaraan yang telah diadakan oleh Lembaga Rayuan ini. Dan sekiranya persidangan itu perbicaraan hasil perbicaraan itu adakah ianya dibentangkan dalam sidang DUN ini untuk diketahui oleh Ahli-ahli Dewan yang ada di sini.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Pertanyaan dari rakan saya dari Machang Bubuk ini setahu saya, saya rasa mungkin ada ada rayuan bukan tidak ada rayuan dan saya rasa ini kalau ada rayuan kita serahkan kepada apa ini kata teruskan kepada Lembaga Rayuan dan apa yang kita buat ini tugas dua ahli ini ya. Tapi soalan saudara adalah sama ada apa yang perlu dibentangkan dalam Dewan ini?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Macam hal laporan atau keputusan yang telah dicapai oleh Lembaga sekiranya ada perbicaraan rayuan yang telah diPengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Rayuan adakah ianya dibentangkan dalam sidang DUN ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ini mungkin kita dah anggap sebagai satu *administrative* dan tidak perlu dibawa ke Dewan. Itulah pertanyaank. Ya, dilantik kita lantik Lembaga sahaja tidak bermakna bahawa rayuan ini akan datang ke Dewan. *Decision* saya rasa belum lagilah *decision*. Okey. Tapi saya rasa saya belum dapat apa-apa keputusan sebab oleh kerana kita perlu lantik Lembaga dulu. Keputusan saya rasa tak ada sampai hari ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Izin saya, okey. Ya memang ini ada secara pentadbiran. Jikanya Ahli Yang Berhormat minat, Ahli Berhormat boleh semasa Dewan bersidang tulis soalan-soalan lisan atau soalan-soalan bertulis dan akan dijawab pada masa itu. Kerana masalah-masalah pentadbiran tidak dilapor di sini hanya ada pertukaran undang-undang sahaja. Jika dia ada apa-apa ada apa-apa ini rayuan apa-apa yang diputus tidak dilapor di sini, selain daripada jikanya Ahli Yang Berhormat tunjuk minat melalui surat ini soalan bertulis.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dato' Speaker, saya hendak bantu sedikit. Untuk makluman Machang Bubuk soalan yang dikata tadi berkenaan keputusan sesuatu kes di hadapan Lembaga Rayuan tersebut hendak diketahui Machang Bubok kan. *Actually* Lembaga Rayuan Dato' Speaker, ada status mahkamah ada keputusan-keputusan Lembaga Rayuan yang dilaporkan di dalam journal-journal undang-undang kita *for your information*. *Penang sets the President again Penang leads. I keep saying this all the time, even with Lembaga Rayuan decision it is reported in the*

journals so technically speaking, kalau ia boleh laporkan di dalam satu *journal* undang *I think I have some friends of mine who are lawyers here even some decisions of the court of law* yang tidak dilaporkan di dalam *journal* boleh kita tulis minta untuk keputusan alasan penghakiman tersebut dan kita akan dapat. *Is not an issue us* membentangkan dia di Dewan Undangan Negeri Dato' Speaker.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Apa ni tambah ini memang ada rayuan tapi Lembaga belum bersidang. So, kalau Lembaga tak bersidang saya rasa isu soalan membawa ke sini tak timbul. Tapi ini boleh sepertimana yang disebutkan oleh Sungai Puyu ini boleh dibentangkan atau bawa ke Dewan ini melalui apa ni melalui soalan dan sebagainya. So, ada rayuan saya ingat bilangan sangat kecil saya ingatlah. Tapi Lembaga ini belum bersidang. So jadi itulah saya laporkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Perai. Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa minat lagi? Kalau tak ada Ahli-ahli Yang Berhormat saya nak minta pembawa usul Ahli Yang Berhormat Perai untuk buat penggulungan kalau perlu. Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Yang di-Pertua saya rasa penggulungan ini tidak perlulah cuma ini sesi soal jawab sahaja. So, jadi itu sahaja Yang di-Pertua terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Perai. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Perai yang berbunyi bahawanya "Dewan ini meluluskan cadangan lantikan baharu dan lantikan semula Ahli Lembaga Rayuan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang 2010 [Enakmen 16] bagi tempoh 2 tahun mulai 1 Jun 2019 sehingga 31 Mei 2021.

Senarai nama Ahli Lembaga Rayuan yang dilantik semula termasuk pelantikan baharu adalah seperti berikut;

- (a) Tuan Wong Chiang Kiat, **Pengerusi**
- (b) YBhg. Dato' Seri Jaafar bin Syed Ali, **Timbalan Pengerusi** dan ahli-ahlinya adalah
- (c) YBhg. Dato' Ajit Singh Jessy,
- (d) YBhg. Dato' Haji Ghazali bin Derahman,
- (e) YBhg. Dato' Murelidaran M. Navaratnam,
- (f) YBhg. Dato' Agatha Foo Tet Sin,
- (g) Tuan Muniandy a/l Kannyappan, dan
- (h) Puan Regina Amalorpava Mary a/p Aboorvasamy

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebulat suara usul dipersetujui. Sila Yang Berhormat Padang Kota.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan. Sebelum itu, terdapat satu notis ucapan penanguhan di bawah Peraturan 29 daripada Ahli Kwasan Bagan Dalam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam untuk memberi ucapan penanguhan selama tidak lebih daripada 07.30 minit. Sila.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Kalau tak ada orang kacau dalam 0.7 minit boleh Dato' Speaker. Terima kasih Yang terhormat Dato' Speaker saya tak nak semua orang balik awal kita lambatkan sedikit.

Dato Speaker, saya ingin membawa satu isu yang sedang membimbangkan bukan sahaja rakyat di negeri Pulau Pinang, malah keseluruhan rakyat Malaysia. Kes pencemaran berleluasa, kini bukan hanya mencemarkan alam, malah sudah mula mengancam nyawa manusia. Kes yang baru-baru berlaku di Sungai Kim-Kim, Johor adalah satu contoh pencemaran alam, yang semakin menjadi-jadi ini akan mengancam nyawa manusia jika tidak dikawal dan dihentikan segera.

Dato Speaker, saya membawa perkara ini dalam Dewan yang mulia ini, kerana kita di Pulau Pinang tidak jauh daripada malapetaka buatan manusia seperti itu. Saya berkata demikian, kerana baru-baru ini, rakan saya, Ahli kawasan Machang Bubuk telah membongkarkan satu kes pembukaan tapak pelupusan sisa pepejal haram di kawasannya di Bukit Teh, Bukit Mertajam. Dalam tinjauannya bersama pihak berkuasa, didapati ratusan longgokan sisa pepejal yang disyaki mengandungi bahan kimia, yang datang dari negara China telah dibuang untuk dilupuskan di Ladang Kelapa Sawit di kawasan tersebut. Jabatan-jabatan berkaitan telah mengambil tindakan segera, setelah isu itu telah dibongkarkan dan mendapat liputan luas dalam media. Tetapi, perkara itu telah berlanjutan sejak beberapa tahun yang lalu.

Saya difahamkan, Yang Berhormat Machang Bubuk juga telah membawa perkara itu ke Dewan yang mulia ini, tetapi tindakan pihak-pihak berkuasa yang wajib, tidak dapat menyelesaikan masalah itu. Kita tidak boleh menyimpulkan bahawa, kes di Bukit Teh itu adalah kes terencil dan mengabaikan keseriusannya. Kes di Bukit Teh ini bukan kes pencemaran pertama, dan pastinya bukan yang terakhir.

Dato Speaker, kes-kes pencemaran melibatkan lupusan sisa pepejal yang mengandungi kimia dan racun di Malaysia dan di Pulau Pinang, semakin berleluasa sejak kebelakangan ini. Salah satu punca utama masalah ini adalah larangan Kerajaan China untuk mengimport sisa pepejal *plastic* dan lain-lain. China telah mengambil tindakan drastic ini untuk membersihkan namanya yang tercemar sebagai 'Pencemar Dunia'. Walaupun, China sendiri merupakan negara industri terbesar di dunia, nama 'pencemar dunia' itu diperolehi kerana import sisa pepejalnya dari negara-negara Barat. Apabila, China mengumumkan larangan ke atas import sisa plastic, negara-negara barat telah mengalihkan pandangannya ke arah Asia Tenggara, dan tanpa disedari Malaysia telah mengambil alih tempat China sebagai pengimport utama sisa plastik.

Negara-negara barat yang ingin menghukum kelapa sawit Malaysia, kononya kerana kisah sangat tentang alam sekitar, sedang menjadikan negara kita sebagai *dumping ground* ataupun tong sampah dengan menghantar sampah sarap mereka ke sini. Di manakah etika

European Union, jika terus membenarkan industri di negara mereka untuk mengeksport sisa buangnya ke Asia Tenggara, dan mencemarkan negara-negara Asia Tenggara dan pada masa yang sama cuba mengambil kelas tentang kelestarian alam dalam isu kelapa sawit. Itulah sifat hipokrit negara-negara barat.

Laporan Greenpeace telah mendapati sisa pepejal yang di *import* ini, tidak dilupuskan secara tidak terkawal, di merata-rata tempat, kadangkala berdekatan sumber air seperti kolam dan sungai. Laporan berkenaan juga telah menyatakan bahawa, penduduk di kawasan sekitar pusat-pusat proses sisa plastik ini, mahu yang dilesen ataupun haram, mengalami masalah kesihatan seperti masalah kulit dan sakit mata. Ini adalah sebab, pelupusan ataupun pemprosesan sisa-sisa berkenaan dilakukan tanpa apa-apa kawalan yang ketat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun mengumumkan pada Oktober tahun lalu, bahawa *import* sisa plastik itu telah dilarang sama sekali. Semasa larangan itu sedang berkuatkuasa pun kita telah mendapati kilang-kilang haram yang memproses sisa-sisa plastik *import* ini menjalankan aktiviti mereka dan meneruskan pembuangan sisa-sisa plastik tanpa takut akan undang-undang. Saya bimbang, kes-kes buangan sisa terlarang ini akan lebih menjadi jadi jika kerajaan membenarkan import sisa plastik dengan sistem AP yang telah diberitahu oleh Menteri Kerajaan Tempatan baru-baru ini.

Dato Speaker, di kawasan saya sendiri, saya telah menerima beberapa aduan daripada penduduk di mana, ada pihak yang datang membuang bahan buangan toksik di kawasan tanah terbiar ataupun tidak dipagar, sesuka hati mereka. Mereka datang pada waktu malam, dan buang ataupun menanam sisa tersebut dan beredar sebelum pihak berkuasa sampai. Malah, saya sendiri pernah melaporkan satu kes tapak pelupusan sampah haram di sebelah Sungai Perai di kawasan Seberang Jaya. Operatornya sering membakar bahan plastik, tanpa hiraukan sesiapa pun. Terima Kasih YB. Sungai Puyu yang pernah mengambil tindakan bersepadu ke atas tapak tersebut. Tetapi, mereka masih berani meneruskan operasi tersebut walaupun telah diambil tindakan tegas.

Bayangkanlah perkara yang akan berlaku, jika kerajaan membenarkan sisa plastik dengan Approved Permit. Kes-kes pencemaran akan berleluasa tanpa apa-apa kawalan. Dalam masa kini, di mana larangan *import* sisa plastik sedang berkuatkuasa pun, jabatan-jabatan berkaitan tidak dapat mengawal pencemaran yang berleluasa, bayangkanlah keadaan apabila *import* sisa plastik dibenarkan. Selain daripada menjadikan Malaysia sebagai *dumping ground* negara barat, ia juga akan meninggalkan kesan jangka panjang ke atas kesihatan rakyat kita.

Dato Speaker, saya mewakili rakyat kawasan Bagan Dalam dan seluruh Negeri Pulau Pinang, ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk membawa perkara ini ke perhatian Kerajaan Persekutuan, dan bertegas supaya larangan import sisa plastik diteruskan, tanpa apa-apa kompromi, mahupun sistem AP ataupun sistem lain. Walaupun *import* sisa plastik merupakan satu aktiviti ekonomi yang lumayan, jika dibandingkan dengan keburukannya terhadap alam sekitar dan kesihatan rakyat, ianya tidak berbaloi langsung. Saya tau Yang Berhormat Sungai Puyu akan menyatakan bahawa bukan sisa *plastik* yang ada unsur racun, yang sisa plastic yang tidak ada unsur. Tapi saya percaya apa-apa pun ia tidak akan membawa apa-apa kebaikan kepada rakyat kita. So, kita tidak harus berkompromi dalam isu-isu seperti ini yang akan memberi kesan ke atas kesihatan rakyat biasa. Saya berharap suara saya, mewakili seluruh rakyat Pulau Pinang ini, akan sampai ke perhatian Kerajaan Persekutuan, melalui Dewan yang mulia ini.

Sekian ucapan saya. Terima Kasih Dato Speaker. 7 minit tak sampai.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Bagan Dalam, saya persilakan Yang Berhormat untuk memberi ucapan balas.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh)

Ya, terima kasih Ahli Yang Berhormat Bagan Dalam. Saya bersetuju 99 %, 1 % saya tidak bersetuju. Yup, iaitu kata perbincangan dengan kementerian telah dilangsung beberapa kali dan surat rasmi juga ada dihantar. Bahawanya, apa-apa yang di kata ada kisah benar tetapi mengapa *recycling* hendak di ada di negeri, di negara kita sini kerana satu syarat yang kami minta bahawanya hak yang *re-consumer plastic* boleh di *import*. Yang penting adalah bahawa jika jika nak bagi AP kena dapat persetujuan daripada Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri dan mengapa apakah yang terjadi pada kini ini kami telah waris daripada kerajaan yang lalu, rasuah, salah guna kuasa iaitu semua telah ada. Ini berlarutan sudah empat (4) tahun bukan baru-baru ini sahaja dan kami bersyukur pada Tuhan bahawanya pada tahun yang lepas kami menjadi kerajaan dan baru mula tawaran pekara ini semua.

Saya bagi jaminan bahawa ada beberapa keputusan saya juga akan bincang dengan Bagan Dalam dan kerana masa yang tidak izin saya kata 99 % bersetuju, 1 % saya tak bersetuju kerana jikanya kami ada *importation plain plastic waste* mereka haknya boleh *import 70 % of the total capacity*. Mereka kena ada *scrubber system, water treatment system*, dan juga Kerajaan Negeri juga ambil arahan daripada Kerajaan Pusat untuk menempatkan satu-satu tempat sahaja dan telah dicadangkan bahawa di Pulau Burung. Mengapa 70% kerana kami nak minta mereka 30% *municipal waste* daripada negeri Pulau Pinang untuk di *recycle* kalau tidak ada di mana kita hendak letak *municipal waste*.

So we have to keep and take how to control it. Yang lagi satu bukannya plastic sahaja *e-waste* semasa kami duduk di sini, satu rombongan daripada Kerajaan Malaysia sekarang ada di Basque untuk membincangkan pekara ini dengan semua. Saya bagi bincangan bahawa keutamaan akan di bagi untuk berjaga kebersihan alam sekitar di negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Puyu. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua atas kerjasama semua sepanjang perjalanan persidangan Dewan ini dan nanti kita ada satu sesi bergambar di Dewan persidangan sementara ini dan dalam kesempatan ini juga saya ucapkan Selamat Menyambut Bulan Suci Ramadan Al-Mubarak kepada semua yang beragama Islam dan Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.45 petang.